

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
---	-------------

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

<ul style="list-style-type: none">• Membantah Penutupan Jalan Bukit Bintang Setiap Hari Sabtu Hingga Isnin – <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 15)
---	--------------

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

<ul style="list-style-type: none">• Membantah Penutupan Jalan Bukit Bintang Setiap Hari Sabtu Hingga Isnin – <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 68)
---	--------------

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 16)
---	--------------

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 17)
-------------------------------	--------------

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datok)</i>	(Halaman 18)
---	--------------

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

Yang Berhormat	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)

Yang Berhormat	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
“	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
“	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 12 Mac 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 11 Mac 2002, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam *Penyata Rasmi [Teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Dilampirkan]*

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002;
2. Akta Paten (Pindaan) 2002;
3. Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2002;
4. Akta Hakcipta (Pindaan) 2002;
5. Akta Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2002;
6. Akta Petunjuk Geografi (Pindaan) 2002;
7. Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2002;
8. Akta Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) 2001;
9. Akta Perbekalan 2002;
10. Akta Kewangan 2002;
11. Akta Penapisan Filem 2002;
12. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2002;
13. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2002;
14. Akta Bank Islam (Pindaan) 2002;
15. Akta Institusi Kewangan (Pembangunan) 2002;
16. Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2002;
17. Akta Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001; dan

18. Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2001;

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.34/2001 - Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001;
2. DR.30/2001 - Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2001;
3. DR.29/2001 - Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2001;
4. DR.31/2001 - Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2001;
5. DR.32/2001 - Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2001;
6. DR.33/2001 - Rang Undang-undang Petunjuk Geografi (Pindaan) 2001;
7. DR.36/2001 - Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2001;
8. DR.35/2001 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2001 (No.2) 2001;
9. DR.37/2001 - Rang Undang-undang Perbekalan 2002;
10. DR.39/2001 - Rang Undang-undang Kewangan 2001;
11. DR.38/2001 - Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001;
12. DR.46/2001 - Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2001;
13. DR.44/2001 - Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan (Pindaan) 2001;
14. DR.43/2001 - Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2001;
15. DR.48/2001 - Rang Undang-undang Institusi Kewangan (Pembangunan) 2001;
16. DR.40/2001 - Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2001;
17. DR.50/2001 - Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001; dan

18. DR.51/2001 - Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun dan Kenangan) (Pindaan) 2001;

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sebelum itu mengucapkan tahniah dan selamat datang untuk menyertai Barisan Nasional kepada PBS [*Tepuk*] Bagi pihak Barisan Nasional, *back-benchers*....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila masuk kepada soalan [*Ketawa*] Dalam Ucapan Titah Diraja nanti, boleh ya.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya patut duduk depan, kemudian saya kena duduk belakang, tetapi menghargai.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:kebijaksanaan PBS, saya mengucapkan selamat datang. Soalan saya, soalan pertama. Terima kasih.

1. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan menyatakan bilangan yang dijangkakan disenaraikan pada tahun ini dan apakah reaksi pelabur-pelabur terhadap penyenaian syarikat-syarikat kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 Mac 2002 terdapat sebanyak 815 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Daripada jumlah tersebut sebanyak 527 syarikat disenaraikan di Papan Utama dan 288 syarikat di Papan Kedua. Pihak BSKL tidak dapat menjangkakan bilangan syarikat yang akan disenaraikan sepanjang tahun 2002. Kelulusan untuk menyenaraikan syarikat-syarikat akan ditentukan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan pihak SC akan mengeluarkan kenyataan dari masa ke semasa mengenai statistik permohonan syarikat untuk melaksanakan pelbagai cadangan korporat termasuk permohonan bagi penyenaian baru.

Walau bagaimanapun, bagi tempoh tiga bulan mulai 1 Januari 2002 hingga 1 Mac 2002, BSKL telah menerima 17 permohonan baru untuk menyenaraikan saham syarikat. Bagi tempoh yang sama sebanyak tiga syarikat baru telah pun disenaraikan di BSKL iaitu di Papan Utama, manakala dua di Papan Kedua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2001 terdapat 38 syarikat baru telah disenaraikan berbanding dengan 32 syarikat dalam tahun 2000.

Secara umumnya, reaksi pelabur terhadap tawaran terbitan awam baru amat menggalakkan. Mulai suku tahun ketiga 2001 hingga sekarang, kesemua saham yang ditawarkan oleh syarikat telah mengalami lebih langganan yang memberangsangkan.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah senario bursa saham dunia kebelakangan ini terutama berhubung dengan unjuran daripada Greenspan bahawa US akan keluar daripada kemelut ekonomi tidak berapa lama lagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat senario bursa saham seluruh dunia, ia menunjukkan lonjakan kerana kenyataan Greenspan itu. Kalau kita ambil di New York misalnya, saham di Wall Street berterusan lonjakannya. Pemulihan ekonomi USA akan terus merancakkan lagi pasaran dan menaikkan dengan lebih tinggi lagi harga saham. Indeks perusahaan Dow Jones melonjak, Indeks Komposit NASDAQ juga naik, Indeks Standard and Poors juga menokok. Jadi, Pengerusi Rizab Persekutuan, Allan Greenspan dalam ucapan kepada senator baru-baru ini, pemulihan ekonomi USA hampir pulih.

Di London, Saham London mula merekodkan peningkatan dan dicetuskan daripada petunjuk pemulihan ekonomi USA. Di Tokyo juga Saham Tokyo dijangkakan kekal kukuh disokong dengan petanda lebih jelas pemulihan ekonomi USA. Di Hong

Kong, Saham Hong Kong akan meneruskan *rally* minggu lalu dan minggu ini. Komen Greenspan amat positif untuk saham yang bergantung kepada pasaran saham Amerika Syarikat. FDI mula mendapat tempat di Hong Kong. Di Singapura, teknologi kaunter akan menerima manfaat yang utama daripada pemulihan ekonomi USA. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada PBS kerana disenaraikan dalam bursa saham Barisan Nasional pada hari ini [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada sebuah syarikat yang besar.... [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ada sebuah syarikat besar, TRI menghadapi masalah dengan BSKL dan juga Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan penyenaian saham-saham barunya. Ini menimbulkan kebimbangan di kalangan pelabur-pelabur antarabangsa dan memaksakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri campur tangan dalam urusan itu. Apakah dan kenapakah TRI ini masih menjadi masalah selain daripada masalah-masalah yang dibawa olehnya melalui syarikat-syarikat negara seperti MAS, sekarang ini melalui TRI juga masalah ditimbulkan oleh seorang saudagar penting dalam negara ini, pohon penjelasan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai syarikat TRI ada sedikit salah faham tentang *conditions* dan *key sheet preview* regularisasi yang berkenaan. Apabila Securities Commission telah pun menyenaraikan *key sheet preview* yang berkenaan, Merchant Bank yang berkenaan telah pun memberikan kepada BSKL mengatakan bahawa *key sheet preview* yang berkenaan telah pun dilaksanakan. Tetapi apabila BSKL melihat balik tentang regularisasi yang dipinta, ada satu dua slack, oleh itu ditangguhkan buat sementara.

Walau bagaimanapun, selepas itu, apabila telah pun disenaraikan, disahkan oleh BSKL bahawa semuanya mengikut regulation yang ditentukan bahawa TRI telah mendapat lonjakan mata yang lebih tinggi. Terima kasih.

2. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah dasar baru terhadap pendatang asing dengan izin dan tanpa izin. Apakah bilangannya, implikasi dan konsekuensinya.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat kerana soalan-soalan yang lain juga pun meminta maklumat-maklumat dan penjelasan-penjelasan yang hampir sama dan saya bercadang untuk memberi satu jawapan yang menyeluruh, yang meliputi semua yang diperlukan itu, dan dengan izin, saya memberi jawapan yang panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, dasar terbaru kerajaan mengenai dengan sumber yang dibenarkan bagi pengambilan pekerja asing adalah seperti berikut:-

- Kumpulan yang pertama -
Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam dan Filipina – lelaki. Bagi sektor perkilangan, pembinaan, perladangan dan perkhidmatan.
- Kumpulan yang kedua –
Uzbekistan, Turkmenistan dan Kazakhstan, bagi sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan.
- Kumpulan yang ketiga –
India bagi sektor perladangan dan perkhidmatan iaitu tukang masak di restoran yang terletak di bandar-bandar utama di Lembah Kelang, Ipoh, Pulau Pinang, Seberang Perai, Melaka, Johor Bahru dan Seremban serta *high tension cable*.

- Kumpulan yang keempat –
Indonesia bagi sektor perladangan.

Dalam hal ini, bukanlah menjadi dasar kerajaan untuk membenarkan majikan menggaji atau mengambil sebarang pekerja buruh yang diperlukan dari mana-mana negara berdasarkan kepada semata-mata kebolehpercayaan dan kemampuan terhadap calon-calon melainkan dari negara-negara sumber yang dibenarkan.

Faktor mengenai pekerja asing dibuat mengambil kira faktor ekonomi, keperluan semasa dan keselamatan negara. Bilangan pekerja asing yang sah dengan dikeluarkan pas lawatan kerja sementara bagi tahun 1999, tahun 2000 dan 2001 mengikut sektor dan warga negara adalah seperti berikut:-

Mengikut sektor bagi pembantu rumah – 156,883; bagi perkilangan – 283,401; bagi perladangan – 214,595; pembinaan – 60,197; perkhidmatan 55,309. Dan lain-lain – 181.

Mengikut warganegara pula, dari Indonesia bilangannya – 566,983; bagi Bangladesh – 105,744; Filipina – 17,287; Thailand – 2,440; Pakistan – 2,218; Lain-lain – 24,894. Ini adalah angka yang didapati pada akhir tahun 2001.

Jadi, jumlah semuanya warganegara daripada negara-negara daripada mana kita mendapat pekerja-pekerja adalah 769,566 orang.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pekerja asing yang bekerja di negara ini, disyaratkan membayar levi sebagaimana berikut:-

- i. Sabah dan Sarawak – pembantu rumah dan sektor perladangan sebanyak RM360 setahun dan lain-lain sektor ialah RM960 setahun; dan
- ii. bagi Semenanjung – pembantu rumah dan sektor perladangan sebanyak RM360, lain-lain sektor RM1,200 setahun.

Bayaran proses yang dikenakan bagi seluruh negara ialah RM10 bagi pembantu rumah dan sektor perladangan manakala bagi lain-lain sektor ialah RM50.

Kadar levi yang dikenakan adalah berpatutan dan kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pekerja asing yang bekerja secara sah, ramai pendatang tanpa izin yang masuk ke negara ini dan bekerja secara tidak sah. Ini adalah kerana pembangunan ekonomi, suasana politik yang stabil mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak dan upah yang lumayan bagi mereka. Ditambah pula dengan kegawatan ekonomi, pergolakan politik serta suasana negara yang tidak stabil, peluang pekerjaan yang terhad dan kadar pengangguran yang tinggi di negara asal mereka.

Bentuk dan selain daripada itu, ialah kerana geografi Malaysia kita ini mempunyai pantai yang panjang, berpaya, hutan bakau berbukit bukau dan bersempadan dengan beberapa negara jiran memudahkan kemasukan pendatang tanpa izin (PTI). Kehadiran PTI ini boleh mengancam keselamatan negara, implikasi sosial, penyakit berjangkit dan pembukaan kawasan-kawasan setinggan yang tidak terkawal.

Bilangan PTI yang sebenar tidak diketahui kerana mereka masuk melalui pintu-pintu masuk yang tidak diwartakan. Walau bagaimanapun, jumlah PTI yang ditangkap melalui operasi-operasi yang dijalankan oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, RELA dan pihak berkuasa tempatan bagi tahun 1999, tahun 2000 dan 2001 adalah seperti berikut:-

Bagi tahun 1999 – 78,051 yang ditangkap. Bagi tahun 2000 tambah lagi bilangannya – 100,103 orang. Bagi tahun 2001 – 158,420 orang.

Jadi, setiap PTI yang ditangkap akan diusir pulang ke negara asal dengan seberapa segera yang mungkin. Statistik pengusiran PTI mengikut warganegara adalah seperti berikut:-

Untuk tahun 2001 –

<u>Negara</u>		<u>Bilangan</u>
Indonesia	–	120,770
India	–	4,590
Bangladesh	–	3,486
Myanmar	–	7,436
Thailand	–	3,483
Lain-lain	–	2,022
Jumlah		142,787 orang

Saya perlu juga memberi statistik untuk dua bulan pertama bagi tahun 2002.

Sehingga akhir Februari –

<u>Negara</u>		<u>Bilangan</u>
Indonesia	–	15,037
India	–	225
Bangladesh	–	384
Myanmar	–	1,352
Thailand	–	458
Lain-lain	–	493
Jumlah		17,490

Jadi, jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi penghantaran pulang PTI ke negara asal adalah seperti berikut, ini menunjukkan kos yang kian bertambah.

Bagi tahun 1999 kita telah mengeluarkan perbelanjaan untuk tujuan ini sebanyak RM2,577,199.

Bagi tahun 2000 perbelanjaan yang dikeluarkan ialah RM6,259,432.

Dan bagi tahun 2001 – RM7,566,205.

Jadi, perbelanjaannya kian bertambah kerana bilangan yang masuk pun semakin ramai dan operasi-operasi yang kita jalankan pun kita tingkatkan lebih hebat daripada masa dahulu dan dengan itu lebih ramai bilangan yang telah dapat dikesan.

Penghantaran pulang PTI terutamanya ke Indonesia boleh dikatakan berjaya dan mencapai matlamat sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan. Jumlah PTI yang masuk semula dalam tempoh 21 hingga 48 jam setelah dihantar pulang adalah amat sedikit dan ini kebanyakannya berlaku semasa penghantaran pulang dibuat ke Pelabuhan Dumai kerana kedudukannya yang berdekatan dengan Malaysia.

Walau bagaimanapun, penghantaran pulang ke Pelabuhan Dumai telah pun dihentikan untuk memastikan tidak ada lagi berlaku insiden yang membolehkan mereka yang telah dihantar balik dalam tempoh 48 jam mereka datang semula. Inilah yang menyebabkan keluarnya kenyataan-kenyataan daripada pihak berkuasa Indonesia tentang pelbagai andaian dan tuduhan kerana berlaku peristiwa ini, jadi kita berhentikan Dumai dan kita hantar kepada empat destinasi iaitu dua di Sumatra dan dua di Jawa dan dengan itu sekarang ini tidaklah menjadi seperti dahulu.

Kejadian rusuhan di kalangan pekerja asing dan PTI di tempat kerja atau di depot-depot Imigresen memperlihatkan budaya negatif di kalangan mereka. Antara sebab yang menyebabkan mereka merusuh ialah pelanggaran syarat kontrak kerja oleh majikan, tempoh tahanan yang agak lama akibat dari kesulitan mendapatkan dokumen

perjalanan untuk tujuan pengusiran, ditipu oleh ejen-ejen sindiket yang membawa mereka masuk dan tempat tahanan yang sesak.

Bagi membendung kemasukan PTI daripada berleluasa, kerajaan telah mengambil tindakan tegas terhadap tekong laut dan tekong darat yang menjadi dalang kemasukan PTI ke negara ini.

Statistik penangkapan tekong laut dan tekong darat di bawah Seksyen 55A, Akta Imigresen 1959, 1963. Bagi tahun 1999 hingga tahun 2002 iaitu hingga bulan Februari tahun ini adalah seperti berikut:-

Bagi tekong darat yang telah ditangkap tahun 2001 – 13 orang. Tahun 2002 – 2 orang.

Dan bagi tekong tempatan, orang tempatan, Tuan Yang di-Pertua, bagi tekong asing, tekong laut – Indonesia pada tahun 1999 kita tangkap 21 orang. Pada tahun 2000 seramai 4 orang. Pada tahun 2001 – 87 orang. Nampak semakin bertambah tekong mereka.

Dan bagi tahun 2002 hanya dalam dua bulan, kita telah tangkap 10 orang ramainya. Jadi, ini menunjukkan bahawa sebelah Indonesia ini memang ada tekong-tekong yang cukup aktif yang berusaha untuk menghantar PTI ke Malaysia.

Bagi negara Thailand kita menangkap 5 orang itu pada tahun 2001, bagi tahun-tahun lain tiada tangkapan.

Bagi negara Filipina pada tahun 2001 kita telah menangkap 6 orang. Jadi, jumlahnya ialah pada tahun 1999 – 21 orang; tahun 2000 – 4 orang; tahun 2001 – 111 orang; dan tahun 2002 sehingga bulan Februari ialah 12 orang. Inilah tekong-tekong yang menyebabkan berlakunya pемbanjiran PTI ke negara kita ini.

Jumlah majikan atau pelindung yang telah diambil tindakan oleh kerana mengambil PTI bekerja atau melindungi mereka bagi bulan Januari 2002 ialah seramai 161 orang. Kesalahan yang dilakukan ialah di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen tahun 1959, 1963 iaitu menggajikan pekerja asing yang tidak memiliki pas kerja yang sah seramai 7 orang dan Seksyen 56(1)(d) akta yang sama iaitu melindungi PTI seramai 154 orang. Tangkapan-tangkapan ini adalah hasil daripada operasi-operasi yang telah dijalankan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

Bagi menangani masalah PTI dengan lebih berkesan, kajian telah dijalankan untuk meminda Akta Imigresen tahun 1959, 1963 bagi mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap PTI dan majikan serta orang yang melindungi PTI. Kementerian Dalam Negeri akan membentangkan satu bill untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Dewan kemudian.

Kerajaan juga memandang serius akan gejala anggota penguat kuasa yang terlibat dengan rasuah dalam menangani masalah PTI iaitu dengan mengambil tindakan tegas terhadap mereka. Bilangan pegawai dan anggota penguat kuasa polis yang ditangkap kerana terlibat dengan gejala rasuah melibatkan PTI adalah seperti berikut:-

Bagi pegawai - jumlah yang telah ditangkap ialah 3 orang iaitu satu pada tahun 2000 dan pada tahun 2001 seorang.

Bagi anggota - 6 pada tahun 2000 dan 12 pada tahun 2001, jumlahnya 18.

Jumlah pegawai polis dan anggota yang telah pun ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan ini adalah 21 orang kesemuanya.

Pemantauan dari masa ke semasa juga dijalankan di pos-pos pemeriksaan terhadap pegawai dan anggota yang berkemungkinan terlibat dengan gejala ini. Sehubungan dengan itu sekiranya orang awam mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku anggota penguat kuasa dalam perkara ini, mereka diharapkan, sungguh-sungguh diharapkan dapat melaporkan kepada pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, peratusan penglibatan warganegara asing dalam kegiatan jenayah – *this is the interesting point* - dengan izin, peratusan penglibatan warganegara asing dalam kegiatan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda adalah kecil iaitu dalam lingkungan 2% daripada jumlah keseluruhan jenayah tersebut. Walau

bagaimanapun, jenayah yang dilakukan adalah jenayah berat iaitu bunuh, samun, mendatangkan cedera (*causing hurt*), rogol dan pecah rumah.

Jumlah kes jenayah yang melibatkan pendatang asing mengikut warganegara bagi tahun 1999, 2000, 2001 dan 2002 sehingga Januari adalah seperti berikut:-

**Jumlah Kes Jenayah Yang Melibatkan Pendatang Asing
Mengikut Warganegara Bagi 1999 hingga Januari 2002**

Negara	Jenayah Keganasan (Orang)				Jenayah Harta Benda (Orang)			
	1999	2000	2001	2002	1999	2000	2001	2002
Indonesia	1244	1270	1051	121	1134	949	1117	79
Filipina	314	252	226	27	1040	759	548	49
Bangladesh	116	102	103	09	39	40	75	08
Singapura	-	-	07	-	01	04	21	01
Thailand	06	02	07	05	08	15	20	01
Myanmar	-	-	18	05	-	-	21	01
Lain-lain	35	33	37	05	33	62	74	04

Jadi itulah, jumlahnya memang ramailah, saya tidak perlu baca lagi jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah kedudukan yang berkaitan dengan PTI yang juga ada hubung kait dengan pengambilan pekerja-pekerja daripada negara asing yang kita telah perolehi yang bilangannya masih tidak cukup. Jadi diharap segala maklumat yang telah saya berikan itu akan dapat membantu Ahli Yang Berhormat memahami situasi yang dihadapi oleh kerajaan dan tindakan-tindakan yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan. Tetapi dalam hal ini memanglah kita memerlukan kerjasama dari pihak orang awam untuk membantu memberi maklumat-maklumat kepada pihak berkuasa polis dan sebagainya. Mudah-mudahan dengan maklumat-maklumat yang diambil itu dapat meningkatkan lagi keberkesanan operasi-operasi yang sedang dan akan dijalankan pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baiklah kerana Yang Amat Berhormat sendiri datang untuk menjawab soalan yang penting ini [*Tepuk*] Saya berharap semua Menteri akan mengikut jejaknya [*Tepuk*] Soalan banyak, jangan ganggu sahajalah. Nampaknya tindakan telah diambil, bukan tidak ada tindakan dan angka-angka yang diberi membayangkan sedikit sebanyak keadaan yang ada di negara ini, cuma beberapa perkara lagi tidak disentuh.

Misalnya anak-anak pendatang ini, di negara ini, anak-anak mereka yang pergi ke sekolah atau tanpa pergi ke sekolah dan sebagainya, masalah sosial yang belum lagi disentuh oleh Yang Amat Berhormat tadi dan adakah Yang Amat Berhormat bercadang untuk mengadakan Suruhanjaya Diraja kerana masalah ini rumit.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bukan satu perkara yang boleh diketawakan, kerana itu menjejaskan ekonomi, sosial, keselamatan, agama dan sebagainya. Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, masalahnya mengapa kita boleh wujudkan di negeri Selangor sendiri kalau tidak silap saya lebih daripada 72 buah kampung pekerja asing. Kalau ini berlaku adakah ini bermakna angka yang diberi itu 21 orang yang terlibat dengan gejala rasuah ini sangatlah kecil bilangannya di sini, tetapi kita nampak kalau Selangor sendiri ada begitu banyak kampung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi, apakah masalah yang lain selain yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat tadi dan kalau tidak silap saya Jelebu ada pernah bangkitkan masalah rasuah dan bukti yang diberi. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian dan banyak lagilah. Tadi ada kata hendakkan soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah! Sudah cukup banyak dah itu. Cukup, cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Mereka kata hendak soalan, saya banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu lagilah mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah! Sudah, soalnya boleh dibenarkan hanya satu sahaja. Cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini ikut sahaja. Sambungan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Sambungan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah lain, masalah-masalah sosial ialah mereka yang datang begitu ramai kebanyakannya mendiami di kawasan-kawasan setinggan. Mereka membina rumah-rumah haram dan kawasan-kawasan yang didiami oleh mereka itu adalah kawasan yang cukup daif, kawasan yang sangat banyak masalah, bukan sahaja penyakit tetapi juga sosial dan ini sebenarnya membimbangkan kita.

Dalam operasi yang telah dijalankan oleh pihak polis baru-baru ini, di Sabah ada didapati di kawasan-kawasan yang sesak dengan kehadiran mereka di situ yang telah pun *cleared*, yang telah pun diadakan tangkapan, penggeledahan dan sebagainya. Dan didapati ada juga senjata-senjata merbahaya yang mereka simpan. Kita tidak tahulah apa sebabnya, tetapi memang itu satu kesalahan. Adakah itu akan digunakan untuk jenayah yang mereka akan lakukan ataupun itu adalah hanya untuk mempertahankan diri mereka kerana mereka datang dalam keadaan yang begitu susah hendak sampai ke negeri kita. Tetapi adanya senjata-senjata yang merbahaya itu dalam simpanan mereka akan memberi banyak tafsiran dan kemungkinan ia digunakan untuk jenayah pun tetap ada. Sebab kita tahu bahawa PTI ada juga terlibat dengan jenayah-jenayah yang berat sebagaimana yang telah saya katakan tadi.

Dalam kesesakan mereka itu, ada juga mereka yang pergi ke hospital, rumah sakit untuk mendapat ubat dan sebagainya. Ada di kawasan-kawasan yang tertentu bilangan mereka itu lebih ramai daripada orang tempatan. Dan persekolahan, kita tahulah bagi anak-anak PTI mereka tidak hantar anak-anak ke sekolah kerana mereka mahu melindungi kehadiran mereka. Oleh itu nanti bila hantar anak-anak ke sekolah dengan pendaftaran dan sebagainya mungkin kedudukan mereka itu terdedah. Jadi kita sudah mengambil tindakan dulu, tetapi tindakan yang tidak berterusan itu, yang tidak *sustained* itu tidak dapat menyelesaikan masalah.

Dalam tindakan yang diambil baru-baru ini secara besar-besaran oleh pihak berkuasa, telah menunjukkan kesan yang baik. Dan banyak juga antara mereka yang sudah menyedari tentang apa yang berlaku yang diketahui telah melarikan diri. Dan ada yang telah pun balik kerana takut tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa Malaysia. Ini adalah antara masalah-masalah yang sedang dihadapi dan mereka datang pun juga beranak-pinak tetapi bila kita hantar ibu dan bapa, anak semua kita hantar baliklah dan tidak ada yang tertinggal. Terima kasih.

Dr. Maximus Johny Ongkili: Terima kasih ya, Tuan Yang di-Pertua. Bagi kawan-kawan lama di sebelah kanan saya, kerajaan tidak ada bursa saham, ada Barisan Nasional sahaja, yang tiada alternatif [*Tepuk*] [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, nampaknya dasar-dasar dan peraturan-peraturan itu

cukup jelas dan khusus 2-prong, dengan izin - tindakan peringkat negeri Sabah untuk menutup jalan-jalan di mana pihak pendatang asing ini masuk. Dan pada masa yang sama menangkap dengan tegas mereka yang di dalam negeri itu adalah tindakan yang amat kita sokong dan kita berterima kasih, mudah-mudahan tindakan itu akan terus berkekalan, *sustainable*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah yang lampau dan kita percaya ini akan terus menjadi satu ruang untuk berterusan ialah di mana pekerja asing ini masuk secara sah melalui pas-pas tertentu. Tetapi apabila pas itu luput mereka terus tinggal berterusan, mereka lari dari majikan, mereka pindah kerja sebelum pas itu luput. Maka daripada sah ia menjadi tidak sah. Kita berpendapat ini kemungkinan ruang yang mereka akan utamakan untuk menjadi pendatang asing. Apakah tindakan pihak kerajaan supaya ruang ini dapat diawasi dan dapat diberi perhatian supaya jumlah yang asing itu, yang tanpa izin itu, tidak akan meningkat dan berterusan? Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Adalah dua perkara. Satu operasi seperti yang kita jalankan, iaitu untuk kita hantar balik mereka yang ada di negara kita. Yang keduanya ialah kita menahan supaya mereka tidak dapat masuk, maka anggota keselamatan telah pun ditambah bilangannya untuk beroperasi di kawasan-kawasan pantai terutama di sebelah Sabah dan di Semenanjung ada juga. Kita meningkatkan operasi kita untuk menangkap tekong-tekong yang bertanggungjawab membawa PTI ke negara ini. Dan tadi pun, saya telah beri maklumat tentang tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap tekong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang begitu bertegas dalam menangani pekerja atau pendatang tanpa izin. Memang dewasa ini perkara ini menjadi satu perkara yang membimbangkan. Banyak perkara yang berkaitan dengan pekerja-pekerja asing yang membanjiri negara kita. Seperti Yang Berhormat bagi Bandau katakan tadi, salah satu peningkatan pendatang tanpa izin ini ialah apabila pas atau kebenaran bekerja itu telah luput tetapi mereka tidak kembali.

Tetapi yang kedua, yang tidak kurang sebab yang menyebabkan banjirannya ialah kerana sikap syarikat-syarikat yang sengaja tidak membenarkan atau tidak memberi peluang kepada pekerja tempatan untuk bekerja dengan alasan tidak ada kerja kosong tetapi dalam waktu yang sama mereka mengambil pekerja asing kerana gaji yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akan sampai ke soalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu lagi, ada satu sindiket. Pekerja atau pendatang yang menggunakan pasport sah. Dia memerlukan wang tunjuk di pintu-pintu masuk. Ada sindiket yang menyediakan wang tunjuk ini. Seribu ringgit umpamanya di bahagi dalam kapal ataupun bot yang membawa pekerja ini. Tetapi apabila sampai keluar, wang seribu ringgit itu akan dipulangkan dan pekerja ini akan menambah RM200 lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan ini saya hendak ambil, hendak sampai ke soalan ini Tuan Yang di-Pertua, jadi maknanya sebab musabab ini banyak dan seperti mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri menjawab tadi, kerjasama daripada orang ramai, kerjasama ini dirayu oleh kerajaan tetapi nampaknya setakat ini, saya tak tahu bilangan, peratus kerjasama daripada masyarakat tempatan untuk mengadu ataupun melaporkan perkara ini agaknya terlalu sedikit. Peratusnya terlampau pendek. Seperti umpamanya tekong-tekong, takkanlah untuk memasukkan beratus ribu pekerja ini, cuma berbelas-belas tekong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya berharap pihak kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta soalan Yang Berhormat ya, terlampau panjang sangat itu. Ya....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, soalnya saya berharap kalau boleh kerajaan boleh tidak mengeluarkan agaknya hadiah-hadiah galakan kepada masyarakat kalau boleh apabila masyarakat mengadu ataupun membuat laporan, dia diberi hadiah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu hadiahnya, pasal

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat!.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi orang Indonesia, umpamanya.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah! Ya, adakah hadiah macam ini dibahagikan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan negara ini macam syurga Tuan Yang di-Pertua kalau terkena tangkap pun dapat makan....[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukup! Cukuplah! Ya, [Ketawa]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini kita tidak pernah mempertimbangkan hadiah-hadiah ataupun tawaran apa-apa bentuk hadiah yang akan diberikan kepada mereka yang memberi maklumat tetapi cadangan yang dibuat pada waktu ini ialah untuk meminda Akta Imigresen yang akan dibahas di Dewan ini dengan mengenakan hukuman-hukuman yang berat.

Kita menganggap hukuman-hukuman yang akan dikenakan itu jika Dewan ini meluluskan, adalah berupa *deterrent* yang akan mengurangkan, insya-Allah kegiatan-kegiatan mengambil pekerja-pekerja PTI untuk bekerja dan membelakangkan rakyat Malaysia umpamanya.

Kalaupun dia tidak membelakangkan rakyat Malaysia tetapi kalau mereka ambil PTI, ada hukum-hukumnya, ada hukuman-hukumannya dan juga lain-lain saya ingat kita akan berpeluang untuk berbahas dengan mendalam apabila 'bill' mengenai pindaan Akta Imigresen ini dibentangkan.

Walau bagaimanapun kalau sekiranya ini pun tidak akan memberi kesan, mungkin kita perlu meningkatkan lagi kerjasama kedua-dua pihak rakyat, pihak masyarakat. Mungkin dengan itu kalau diperlukan memberi hadiah dan sebagainya kita akan fikirkan kemudian. Terima kasih.

3. **Datuk Goh Siow Huat [Rasah]** minta Perdana Menteri menyatakan ada tak pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati enggan/tidak bersetuju menandatangani AkuJanji mereka dengan kerajaan yang dilaksanakan baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini sekali dengan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hadi Haji Awang (Marang) pada 14.3.2002.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan sebut nama Yang Berhormat! Sebutkan kawasan sahaja Yang Berhormat.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Maaf Tuan Yang di-Pertua, wakil dari

Tuan Yang di-Pertua: Marang, ya.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Marang, yang kedua pada 18.3.2002, wakil dari Selangau dan 4 April, Yang Berhormat dari Dungun.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini urusan menandatangani Surat AkuJanji masih belum selesai. Majlis penerangan surat AkuJanji telah selesai dibuat ke seluruh negara.

Daripada penerangan yang diberi, kerajaan berpuas hati akan penerimaan kakitangan awam terhadap Surat AkuJanji sehingga kini. Belum ada anggota perkhidmatan awam yang menolaknya.

Kedudukan semasa, menunjukkan anggota perkhidmatan awam di seluruh negara sedang dalam proses menandatangani Surat AkuJanji. Setakat ini kerajaan tidak menghadapi masalah mengenai perkhidmatan Surat AkuJanji. Kerajaan belum menerima maklum balas mengenai dakwaan adanya pegawai kerajaan termasuk pensyarah yang enggan menandatangani Surat AkuJanji.

Tujuan kerajaan menghendaki anggota perkhidmatan awam menandatangani Surat AkuJanji adalah untuk meningkat dan menguatkan komitmen, profesionalisme, keutuhan, kewibawaan serta kejujuran anggota perkhidmatan awam menjalankan tugas mereka. Surat AkuJanji juga melengkapkan lagi peraturan-peraturan yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Sehingga ini tiada masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Surat AkuJanji dalam perkhidmatan awam kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Rasah.

Datuk Goh Siow Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana berjaya uruskan Surat AkuJanji ini. Di sini saya ingin bertanya, selepas Surat AkuJanji ini ditandatangani, dengan apa cara kerajaan pastikan pegawai-pegawai awam kita mematuhi AkuJanji ini? Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa caranya kerajaan hendak memaksakah atau hendak membuat apa-apa kepada yang tak mengikut AkuJanji itu, ya.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Saya minta ulanglah yang menyoal tadi, saya kurang jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila ulangkan. Ya.

Datuk Goh Siow Huat: Ya, Terima kasih. Apa cara kerajaan pastikan pegawai-pegawai awam kita mematuhi AkuJanji ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Goh Siow Huat: Apa cara?

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Kita bagi pihak kerajaan akan memantau dari semasa ke semasa dan kita akan memperbaharui dalam Jawatankuasa Pemantapan yang ada dalam JPA. Kepada pegawai-pegawai yang ingkar..... [Ketawa] Pegawai yang tidak menandatangani Surat AkuJanji boleh dituduh sebagai ingkar perintah mengikut Peruntukan Peraturan 4 - Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan boleh dikenakan tindakan tatatertib yang membolehkan dijatuh hukuman:

- i. pihak kerajaan memberi amaran;
- ii. denda;
- iii. lucutkan hak emolumen termasuk elaun-elaun;
- iv. tangguhkan pergerakan gaji;
- v. turun gaji;
- vi. turun pangkat; dan
- vii. bila sampai masanya boleh dibuang kerja.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, nasib tak ada ISA. Soalan tambahan. Adakah benar bahawa salah satu kandungan AkuJanji ialah bahawa pegawai-pegawai kerajaan hendaklah menyokong kerajaan. Kalau benar, bukankah ini bercanggah dengan prinsip demokrasi di mana pegawai kerajaan hendaklah berkecuali dan ini telah dijanjikan oleh 'Ketua Setiausaha Kerajaan'. Jadi, saya minta satu pengesahan.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, setiap kerajaan dia memerlukan kakitangan yang menyokong kerajaan. Sebab itu dalam AkuJanji kita buat akuan, dia hendaklah sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan. Tidak ada mana-mana kerajaan dalam dunia ini tidak berkehendakkan rakyatnya yang taat setia dalam menjalankan perkhidmatan awam. Hanya kepada mereka yang ingkar sahaja yang biasanya tidak bekerja dengan ikhlas, amanah dan jujur. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Mohd. Apandi Bin Haji Mohamad [Jeli]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pendekatan (approach) dan strategi Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur asing yang mengubah aliran pelaburan daripada negara-negara ASEAN ke China semenjak 1999 lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kemasukan pelaburan asing ke rantau ASEAN telah menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini berbanding dengan pengaliran pelaburan asing ke negara China. China dengan pasaran domestik yang luas di samping kos buruh yang lebih rendah telah dapat menarik lebih banyak pelaburan asing.

Bagi tahun 2000, jumlah pelaburan asing ke rantau ASEAN adalah sebanyak RM52.44 bilion berbanding dengan jumlah pelaburan sebanyak RM55.86 bilion yang dicatatkan dalam tahun 1999. Manakala jumlah kemasukan pelaburan asing ke negara China meningkat pada tahun 2000 iaitu berjumlah RM155.04 bilion berbanding dengan tahun 1999 yang berjumlah RM153.14 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dengan persaingan yang kian sengit bagi mendapatkan pelaburan asing, kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan Malaysia terus menjadi pusat pelaburan yang menarik. Antara usaha-usaha tersebut adalah:

- i. merealisasikan dasar ekuiti untuk sektor perkilangan yang berkuat kuasa daripada 31 Julai 1998 hingga 31 Disember 2003. Melalui dasar ini pelabur-pelabur tempatan dan asing dikecualikan daripada syarat ekuiti dan syarat eksport bagi semua projek baru termasuk projek-projek pembesaran dan pelbagaian;
- ii. mengadakan misi penggalakan perdagangan dan pelaburan terutama ke negara pengeksport modal dan teknologi;
- iii. menggalakkan akan usaha-usaha kerjasama dengan pihak swasta tempatan untuk bersama-sama menarik pelabur asing ke Malaysia. Misalnya program bersama di antara Kesatuan Eropah (EU) dan Malaysia iaitu 'Malaysia-EU Partnership' dengan izin yang akan dianjurkan di Kuala Lumpur pada bulan Mei 2002;
- iv. menggalakkan serta meyakinkan syarikat-syarikat asing yang sedang beroperasi supaya menjalankan projek pembesaran dengan meningkatkan tahap teknologi dalam operasi mereka melalui seminar-seminar dan dialog-dialog tempatan;
- v. meneruskan pemberian galakan pakej insentif istimewa berbentuk '*pre-package*' dengan izin bagi projek-projek strategik dan berteknologi tinggi untuk menggalakkan pelaburan baru atau pelaburan semula berintensifkan modal dan teknologi tinggi;
- vi. memperluaskan insentif yang sedia ada untuk projek perkilangan kepada sektor aktiviti yang berkaitan perkilangan seperti perkhidmatan logistik, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan juga pusat perkhidmatan utiliti;

- vii. memantau kedudukan daya saing negara berbanding dengan negara-negara saingan lain termasuk memastikan kos perniagaan tidak meningkat; dan
- viii. mengadakan promosi pelaburan bersama dengan negara-negara ASEAN lain ke negara-negara seperti Amerika Syarikat dan EU. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Maklumat yang Setiausaha Parlimen berikan hanya pelaburan asing bagi negara-negara ASEAN yang tidak menyebut jumlah pelaburan asing bagi tahun 1999 dan 2000 bagi negara Malaysia.

Dengan pakej-pakej yang telah diperkenalkan oleh kerajaan tadi, boleh tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan satu syarikat atau beberapa syarikat yang baru bukan yang sedia ada daripada tujuh pakej yang telah dinyatakan tadi, melabur di dalam negara kita melebihi angka RM250 juta atau pun membuat komitmen melabur dalam negara kita dalam masa 1999 dan tahun 2000 ini melabur dan akan melabur dalam negara kita melebihi angka RM250 juta.

Jadi, saya mintalah nama syarikat-syarikat tersebut kerana setakat ini tak pernah jumpa dalam akhbar-akhbar. Terima kasih

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Angka pelaburan yang telah diluluskan pada tahun 2001 untuk Malaysia ialah sejumlah RM24.7 bilion dan padanya pelaburan domestik ialah RM6.3 bilion dan untuk pelaburan asing ialah RM18.3 bilion. Ini bermakna peratusan pelaburan asing ialah setinggi 74%.

Ini juga menunjukkan bahawa pelabur asing masih ada keyakinan terhadap Malaysia sebagai satu tempat yang baik untuk melabur dan untuk maklumat selanjutnya tentang bilangan pelaburan yang melebihi modal RM220 juta itu akan diberikan maklumat itu secara bertulis.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Terima kasih Tun. Saya dapati sekarang ini pendekatan dan strategi ekonomi adalah melalui kerjasama rantau seperti mana yang dilakukan oleh EU, bukan dilaksanakan oleh negara masing-masing. Kita dapati bahawa ASEAN telah terjejas teruk akibat daripada krisis ekonomi manakala China tidak terjejas oleh krisis tersebut maka China lebih menarik daripada ASEAN. Soalan saya Tun, apakah usaha yang dilakukan oleh negara Malaysia dan juga ASEAN keseluruhannya bagi memperkukuhkan semula kedudukan ASEAN supaya ASEAN dilihat sebagai satu blok ekonomi yang dinamik. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa melalui usaha menjadikan ASEAN sebagai satu rantau perdagangan bebas, rantau ini telah kian menjadi satu rantau perdagangan bebas melalui CEPT, melalui pengurangan takrif yang telah dilaksanakan sejak tahun 1993.

Menjelang tahun 2003 iaitu 1 Januari, maka takrif import akan dikurang ke tahap kurang daripada 5% untuk semua produk-produk dari enam negara asal ASEAN. Selain daripada itu melalui skim AIA atau *Asean Investment Area*, semua syarikat yang melabur di sesuatu negara anggota ASEAN, mereka akan diberi layanan nasional seperti rakyat dari sesuatu negara dalam ASEAN. Tiada layanan berlainan dalam negara tersebut.

Maknanya, kalau syarikat Malaysia melabur di negara Thai bahawa ia akan diberi layanan sebagai warga Thai. Jadi dengan usaha tersebut kita akan mempercepatkan lagi pelaksanaan rantau ASEAN sebagai satu rantau perdagangan bebas dan kini negara-negara ASEAN juga telah berusaha bersama untuk mempromosikan ASEAN sebagai satu unit ekonomi yang mempunyai syarat-syarat juga di mana misalnya peraturan-peraturan di kastam-kastam akan diseragamkan dan kita cuba mempromosikan ASEAN sebagai satu blok yang boleh menarik pelabur-pelabur ke ASEAN ini sebab ASEAN mempunyai potensi pasaran sampai 500 juta bilangan iaitu penduduk hampir separuh potensi pasaran di negara China. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Perdana Menteri menyatakan, mengapakah wujudnya perbezaan tempoh tinggal di Tanah Suci sehingga 12 hari bagi jemaah haji Tabung Haji yang menggunakan penerbangan MAS berbanding dengan Air Asia dan Saudi Air, sedangkan kosnya sama iaitu RM9,500.00.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada wakil Padang Terap pada 27 Mac 2002 kerana soalan yang dikemukakan adalah berhubung kait dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jadual penerbangan MAS disusun di saat-saat akhir selepas jadual asal Air Asia dan juga Saudi Air ditetapkan. Oleh kerana MAS hanya mengangkut 5,000 jemaah haji sahaja, iaitu lebih daripada peruntukan Air Asia dan Saudi Air, maka kadar pusingan penerbangan MAS adalah pendek berbanding dengan Saudi Air dan juga Air Asia.

Pada masa tersebut, MAS bersedia mengangkut berapa sahaja lebih jemaah haji yang diperuntukkan. Kebanyakan jemaah haji ini merupakan jemaah haji *standby* di mana mereka sepatutnya menunaikan haji di antara tahun 2004 hingga 2007. Tabung Haji bersetuju dengan tempoh 32 hari berdasarkan kepada pengalaman pengurusan haji di waktu lampau yang mana tempoh antara 30 hari kepada 35 hari adalah ideal.

Daripada soal selidik jemaah haji tahun 2000 dan 2001, 85% daripada jemaah haji telah mencadangkan supaya Tabung Haji memendekkan tempoh bilangan hari berada di tanah suci daripada 45 hari kepada 30 hari.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Tabung Haji tidak memperolehi apa-apa keuntungan di sebalik tempoh MAS 32 hari kerana semua bayaran di tanah suci adalah tetap dan mengikut satu musim haji. Contohnya, bayaran untuk kenderaan dan khemah di Arafah dan Mina, begitu juga dengan sewa rumah di Mekah dan Madinah telah ditetapkan mengikut musim haji. Manakala bayaran makan, minum pula dibayar secara pukal ataupun pakej kepada kontraktor, juga mengikut musim haji.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa Tabung Haji tidak pernah mengambil keuntungan di atas urusan haji, sebaliknya Tabung Haji memberikan pula peruntukan kebajikan sebanyak RM28 juta untuk mengendalikan urusan haji. Sebab itulah urusan pengendalian haji kita mendapat kepujian dari negara-negara Islam yang lain dan juga tokoh-tokoh ulama terkenal termasuklah Yusof Qardhawi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa dah cukup Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Membantah Penutupan Jalan Bukit Bintang Setiap Hari Sabtu Hingga Isnin

11.08 pagi

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Dengan hormatnya saya ingin mengemukakan notis untuk membangkitkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat No.18(1) bagi menangguhkan mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincangkan perkara tertentu, yang perlu disegerakan dan berkepentingan kepada orang ramai iaitu membantah langkah kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menutup Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada setiap hari Sabtu mulai jam 4.00 petang hingga hari Isnin jam 2.00 pagi dari sebarang laluan kenderaan dan menukarkan menjadi laluan penjalan kaki, dikenali dengan nama Bintang Walk.

ia menjadikan perkara tertentu kerana menutup Jalan Bukit Bintang dari Hotel Marriot hingga ke kompleks Lot 10 dan mengikuti dengan menutup ke Hotel Century telah menghalang sebarang kenderaan seperti kereta persendirian dan juga pengangkutan awam dari memasuki jalan tersebut pada waktu berkenaan.

ia perlu disegerakan kerana penutupan jalan telah menyebabkan berbagai masalah timbul seperti kesesakan lalu lintas di jalan-jalan masuk dan jalan susur ke Bukit Bintang. Orang ramai terutama pelancong-pelancong asing terpaksa berjalan jauh membawa barang-barang mereka. Perniagaan kedai-kedai dan hotel-hotel jadi merosot kerana tidak ramai yang datang membeli belah dan berniaga. Keadaan ini berlaku sejak awal Januari 2002.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkepentingan orang ramai kerana mereka sukar untuk membeli belah kerana medan letak kereta tidak mencukupi dan teksi enggan pergi ke kawasan Bukit Bintang. Ketika penutupan sedang berjalan, orang ramai dan pelancong-pelancong asing terpaksa berjalan kaki balik ke hotel dan hotel-hotel menerima pembatalan tempahan walaupun kerajaan berhasrat mengadakan berbagai acara untuk menarik lebih ramai orang datang seperti festival kebudayaan dan medan pertandingan go-kart dan sebagainya. ia tidak membantu memulihkan perniagaan yang hilang.

Oleh itu, jalan ini hendaklah dibuka semula kepada lalu lintas kenderaan pada hujung minggu di mana ia telah lama menjadi pusat tarikan pelancong asing datang ke Bukit Bintang disebabkan terdapat kemudahan pengangkutan awam yang selesa. Dalam beberapa siri penutupan jalan beberapa bulan lalu, didapati Jalan Bukit Bintang menjadi jalan tiada penghuni. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Bukit Bintang pada 11 Mac 2002. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati di bawah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat memenuhi tiga syarat:

- (i) syarat yang pertama perkara itu hendaklah tertentu;
- (ii) syarat yang kedua ia adalah untuk berkepentingan orang ramai; dan
- (iii) syarat yang ketiga ia adalah berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan juga perkara ini perlu disegerakan [*Tepuk*] Oleh demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan lepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit [*Tepuk*]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992: di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan: dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHAN RAYA
(PINDAAN) 2002**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954: di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Adnan ibni Sultan Abu Bakar]: dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PILIHAN RAYA
(PINDAAN) 2002**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihan Raya (Pindaan) 1998: di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Adnan ibni Sultan Abu Bakar]: dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.11 pagi

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta sokongan ya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, benda ini Yang Berhormat tidak ada perbahasan Yang Berhormat

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Minta penjelasan.... Adakah usul ini melibatkan sekatan-sekatan di Lebuhraya Utara-Selatan kerana terdapat Ahli-Ahli Dewan Rakyat yang berulang alik sama ada pada saban hari ataupun di hujung-hujung minggu di mana terdapat sekatan-sekatan jalan oleh polis dan ini kadang-kadang juga mengganggu perjalanan itu dan adakah usul ini termasuk sekatan-sekatan di lebuhraya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat, pada fikiran saya, itu termasuk ya, termasuk ya *[Tepuk]* Dan tunjukkanlah kad pengenalan sebagai Ahli Dewan Rakyat itu, termasuk ya.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Bagan ya.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Adakah ini termasuk Federal Highway di mana ada lorong kuning? *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Lorong kuning?

Tuan Lim Hock Seng: Untuk bas dan teksi tetapi semasa

Tuan Yang di-Pertua: Sekiranya salah dari segi undang-undang, itu tidak boleh *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Tidak, semasa kami datang ke Parlimen, trafik sangat sesak tetapi lorong kuning langsung tidak ada kereta, bolehkah kami pakai lorong kuning itu? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, pada fikiran saya, tidak boleh ya *[Ketawa]* Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah usul Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

11.17 pagi

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah saya merafakkan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan saya berdiri di sini serta mengizinkan kita semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini melontarkan pandangan, berwacana bagi menggarap saranan dan pandangan semata-mata kerana kepentingan negara kita.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah menjemput saya untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja pada Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesepuluh ini. Dengan ini, saya Ahmad Zahid Hamidi, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Bagan Datok memohon untuk mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang berbunyi:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kesepuluh pada 11 Mac 2002 kelmarin.”

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak semua pengundi saya di kawasan Parlimen Bagan Datok, Perak, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet Malaysia yang telah memberi peluang kepada saya untuk mempersembahkan Ucapan Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kepercayaan ini menunjukkan sikap keterbukaan seorang negarawan seperti mana yang diperlihatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa rasa prasangka terhadap diri saya, telah memberi kepercayaan untuk saya mempersembahkan usul ini walaupun umum mengetahui bahawa saya pernah berbeza pendapat dengan beliau.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah turut memberikan nafas baru kepada kesinambungan nyawa politik saya. Bagi saya, peluang seperti ini merupakan pembukaan lembaran baru dalam pengkisahan sejarah kehidupan politik saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan kawan-kawan dalam Barisan Nasional mengucapkan Selamat Kembali (*Welcome Home*) kepada Ahli-ahli Parlimen PBS ke pangkuan Barisan Nasional [*Tepuk*] Nampaknya kerusi di sebelah sana semakin kosong [*Ketawa*] Kapal di sana pun sudah ada dua nakhoda. Seorang bawa ke utara dan seorang lagi bawa ke selatan. Sedikit masa lagi, karamlah kapal di sana.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara pro-Asia pernah memunculkan beberapa gergasi politik yang sentiasa berdiri gagah di pentas politik antarabangsa. Di zaman pasca modenisme ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dibariskan sejajaran dengan nama-nama agong itu. Bukan kerana hanya kelantangan suara menongkah arus pendapat yang sering meminggirkan lontaran pandangan pemimpin negara-negara kerdil, bahkan kerana keberaniannya menyanggah teori-teori ekonomi konvensional yang selama ini menjadi jargon dan ikutan tanpa mempedulikan "kebobrokan" dan tiada relevansinya teori-teori berkenaan dalam situasi masa kini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjaya membuktikan bahawa kebergantungan yang amat sangat kepada sesuatu sistem ekonomi tertentu tanpa dipersesuaikan dengan cita rasa tempatan, akhirnya akan memporak-perandakan negara berkenaan.

Di Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil tindakan pantas untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara ini melalui pelbagai usaha termasuk dua pakej rangsangan fiskal berjumlah RM7.3 bilion. Dasar kewangan yang telah dipersesuaikan ini dicerna untuk menyokong rangsangan fiskal tanpa meningkatkan kadar inflasi. Namun demikian, saya menyarankan agar kerajaan menyediakan senarai keutamaan kepada projek-projek yang akan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi berikutnya terutama yang melibatkan sektor swasta secara aktif.

Asas ekonomi Malaysia berada dalam tahap yang kukuh. Walaupun kita menghadapi.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:pelbagai masalah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri ya, Sri Gading.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dengan ucapan pembukaan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bagan Datok, hebat. Seorang pemimpin yang mempunyai masa depan yang begitu gemilang. [*Disampuk*] [*Ketawa*] Seorang yang ada karisma dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Persoalannya Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang tidak salah, pemimpin memilih beliau untuk mengucapkan ucapan Titah Menjunjung Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan memang tidak salah bagi rakyat di Bagan Datok memenangkan dan memilih beliau menjadi Ahli Parlimen. Syabas Yang Berhormat Bagan Datok!

Saya ingin hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya bersetuju 100% apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat

tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, seorang negarawan yang begitu hebat, yang disegani oleh pihak seluruh dunia. Dunia begitu tinggi memandangi dan menghormati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kepimpinannya dan kita di Malaysia ini sebenarnya amat beruntung mendapat seorang pemimpin yang begitu hebat kepimpinannya. Daya kepimpinannya yang mampu membawa kecemerlangan, kemajuan, pembangunan kepada negara dan memberikan satu tahap yang tinggi penghormatan negara-negara lain kepada kita rakyat Malaysia yang dipimpin oleh seorang pemimpin yang begitu berwibawa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, penjelasan. Dia minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ingin minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa ada pihak-pihak di dalam negara ini yang tidak mahu memandangi perkara ini dari sudut kaca mata sebagai seorang insan yang berbudi, yang tahu mengenang jasa, begitu tinggi budi dan juga perkhidmatan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada negara dan rakyat tetapi dimaki, dicaci – apakah mereka ini sebenarnya manusia yang tidak berhati perut yang tidak dapat mengenang jasa dan budi dan tidak boleh menghormati jasa dan budi? Apakah mereka sebenarnya orang-orang yang kecewa, yang melontarkan berbagai-bagai penghinaan ini kerana sebab-sebab kekecewaan mereka, bukan kerana diri Yang Amat Berhormat seperti mana mereka katakan.

Jadi, saya ingin sedikit penjelasan daripada sahabat saya yang begitu canggih, Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Insya-Allah tengah hari ini, saya makan, saya belanja beliau sekali [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah seorang negarawan yang unggul. Pemaafnya luar biasa. Lihat hari ini, Yang Berhormat bagi Keningau berada di barisan kita [*Tepuk*] Kita lihat Gua Musang yang pernah menjadi musuh beliau selama 10 tahun pun balik. Apatah lagi dosa politik saya kecil sangat, itu sebab saya ada di sini.

Oleh kerana keadaan beliau yang mempunyai karisma yang tinggi, yang mempunyai kehebatan peribadi, tidak ada sebab orang dalam negeri tidak menghargai beliau. Orang luar negeri menghargai beliau, jasa beliau disanjung tetapi dua tiga puak di Malaysia ini tidak tahu mengenang budi apa yang beliau lakukan selama dua dekad. Saya ingat biarlah Luncai tersebut terjun dengan labu-labunya kita yang diberikan amanah kita buat kerja. Insya-Allah kita buat kerja.

Tuan Muhamad bin Mustafa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat. Peringat berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih. Saya ingin sedikit penjelasan dari Yang Berhormat. Sebelum ini Yang Berhormat pernah mengkritik dan berbeza pendapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah yang menyebabkan Yang Berhormat berbeza pendapat pada masa itu dan Yang Berhormat telah mengungkapkan beberapa ungkapan-ungkapan yang tertentu yang sedia maklum Yang Berhormat sendiri pun tahu. Atas asas apakah Yang Berhormat berbeza pendapat pada masa itu? Dan atas asas apa pula sekarang ini Yang Berhormat menyanjung tinggi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu sekali? Walaupun itu adalah hak Yang Berhormat tetapi saya suka juga memperingatkan supaya jangan terlalu memuja melebihi daripada apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. Sekian terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih di atas ingatan Kota Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peringat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya bukannya memuji kerana melampaui batas. Saya berbeza pendapat tetapi saya tidak menyentuh dan mengutuk peribadi sebagaimana pembangkang mengutuk dan menyentuh peribadi beliau, dengan izin, sampai *below the belt*. Saya berbeza pendapat ketika itu saya jadi Ketua Pemuda cuma sekadar memberikan fakta-fakta ingatan agar apa yang berlaku ketika itu tidak

diambil kesempatan oleh pihak pembangkang. Itu sahaja. Jelas apa yang saya tegur itu memang benar dan ini telah dilaksanakan dan saya ucapkan terima kasih di atas pemantauan yang dilakukan dan pelaksanaan yang dibuat secara telus oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menghadapi pelbagai masalah namun ekonomi Malaysia terus berkembang dan tetap menghasilkan pertumbuhan biarpun dalam digit yang kecil merangsangkan aktiviti domestik dan menggalakkan urus niaga dalam negeri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat. Sri Gading berdiri sekali lagi. Hendak beri jalan?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingat saya habiskan satu para ini, kemudian boleh teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi dulu, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Merangsangkan aktiviti domestik dan menggalakkan urus niaga dalam negeri merupakan strategi ekonomi yang telah memperlihatkan hasil yang memberangsangkan. Malah penglibatan sektor swasta yang memainkan peranan sebagai jentera penggerak utama pertumbuhan ekonomi telah juga menjadi *stimulus* kepada penjana pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam menerokai peluang-peluang baru dan berusaha meningkatkan produktiviti serta daya saing. Pertumbuhan ekonomi walau dalam digit yang kecil sekalipun sesungguhnya masih mampu untuk mengelak negara daripada terjerumus dalam kemelesetan seperti yang dialami oleh beberapa negara jiran. Jika angka berkenaan jatuh negatif sudah tentu dari segi teknikalnya ekonomi Malaysia jatuh kerana menepati definisi kemelesetan iaitu catatan pertumbuhan negatif untuk dua suku tahun berturut-turut.

Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Pembesar suara tidak menyala] Kenapa susah sangat hendak menyala, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sudah menyala itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi sahabat saya Bagan Datok. Apabila kita memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pujian yang luhur dan ikhlas kerana memang beliau seorang yang berjasa, maka ada pihak parti pembangkang kata kita akan memuja dan jangan memuja keterlaluan. Tetapi yang pelik bin hairan ini, pihak pembangkang apabila memuja pemimpin yang dikatakan ulama, mahaguru, pak guru, pujiannya juga hebat begitu melangit tidak pula diperkatakan sebagai memuja yang keterlaluan. *So, double standard* inilah yang sebenarnya selalu mencelarukan fikiran rakyat.

Sebenarnya pujian kita kepada Yang Amat Berhormat ialah sebagai manusia yang mendapat imbuhan dan kepimpinan. Dan dalam Islam *Habluminannas Habluminallah* memang salah satu daripada perkara yang menjadi tuntutan agama, berterima kasih kepada manusia dan bersyukur ke hadrat Allah. Dan ini dalam konteks *Habluminannas Habluminallah* dan Yang Berhormat bagi Bagan Datok faham apa yang saya maksudkan. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading sebab saya dengan beliau satu fikrah – wahdatul fikr.

Oleh sebab itu, kejayaan negara mengembalikan pertumbuhan positif banyak disumbangkan oleh langkah-langkah rangsangan fiskal kerajaan dan hakikat bahawa ekonomi Malaysia sangat pelbagai. Justeru ekonomi Malaysia yang lebih pelbagai memperlihatkan kejatuhan dalam sesuatu sektor mampu ditampung oleh sektor lain. Kepelbagaian ekonomi inilah bersama rangsangan fiskal kerajaan yang akan

memperlihatkan pertumbuhan ekonomi negara akan dapat terus berkembang walaupun pertumbuhan ekonomi dunia dijangka terus lembap. Saya menyeru sektor swasta supaya memainkan semula peranan untuk menjadi penjana pertumbuhan ekonomi sebaik sahaja pasaran global pulih kelak terutama syarikat-syarikat yang terlibat dalam sektor pembuatan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Nanti dulu.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sekejap lagi, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap lagi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Pada hemat saya usaha kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dengan memberikan penekanan kepada aktiviti ekonomi yang berasaskan pengetahuan serta mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di semua peringkat masyarakat dan juga sektor perniagaan telah turut menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara, malah menentukan Malaysia berada di garisan hadapan dalam dunia perniagaan yang semakin kompetitif. Dengan melibatkan aktiviti k-ekonomi akan memperkasa kedudukan syarikat dan barangan keluaran Malaysia setanding dengan barang keluaran syarikat multi-nasional atau MNC.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli berdiri ya. Sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya bagi Bagan Datok. Dalam Yang Berhormat bagi Bagan Datok memuji langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, apakah Yang Berhormat Bagan Datok sedar bahawa di kalangan negara-negara ASEAN negara yang kedua tercorot dari sudut pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2001 ialah Malaysia selepas daripada Singapura. Di mana pertumbuhan GDP mengikut laporan Bank Negara setelah dibuat dengan izin, *adjustment* ialah 0.4%. Sedangkan Indonesia 3%, Thailand 3% lebih, Vietnam 6%.

Di kalangan negara-negara ASEAN pun, Malaysia hanya lebih baik sedikit daripada Singapura. Tetapi daripada ramalan-ramalan pakar ekonomi dunia sama ada Morgan Stanley, *Standard & Poor's* Singapura akan jauh mendahului negara kita untuk tahun 2002. Dan mengikut beberapa penulis dalam buku "Asia Today" dan beberapa majalah-majalah ekonomi lain Singapura sudah jauh meninggalkan negara kita dan dia sudah berada dalam satu liga berasingan. Malaysia masih lagi bermain dalam liga bersama Thailand, Indonesia dan Vietnam dalam masa yang terdekat ini. Jadi, saya hendak tanya bahawa dalam pertumbuhan 0.4% itu banyak mana disumbangkan oleh dasar rangsangan berjumlah RM7.5 bilion. Maknanya kerajaan yang banyak berbelanja. Jadi, sepatutnya swasta yang banyak berbelanja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan, cukup Yang Berhormat. Itu berucap ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, setakat ini saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Bagan Datok apakah syarikat-syarikat negara kita yang kita boleh ketengahkan di peringkat antarabangsa seperti mana multi-nasional yang lain-lainnya kecuali Petronas - dikecualikan Petronas - yang lainnya apa syarikat yang kita hendak berbangga boleh bertanding dengan Samsung, yang kita hendak berbangga boleh bertanding dengan Hyundai, TSMC. Jadi, sekarang ini umpamanya dalam sudut sektor elektronik negara kita sudah semenjak 1973 lagi pelabur asing datang ke Malaysia. Di mana barang elektronik kita yang boleh sampai premium status selain daripada Khindi dan dan juga Pensoic, barang mereka juga masih dalam liga division dua, division tiga. Belum lagi mencapai status yang diharapkan. Boleh atau tidak tunjuk kepada saya? Kita berbangga dengan syarikat kita, bukan syarikat orang, syarikat kita. Kita hendak berbangga, selain daripada Petronas. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, memang GDP kita berkembang kepada tahap 0.4% berbanding dengan Indonesia 3%, Thailand 3% dan

Vietnam 6% tetapi Yang Berhormat harus sedar bahawa perkembangan ekonomi Indonesia dan Thailand adalah disebabkan oleh dana yang dipinjam dari IMF, tanpa IMF mereka akan menguncup kurang daripada 0. Jadi, pertumbuhan ekonomi 0.4% tanpa IMF, tanpa pinjaman daripada pihak luar, kita harus berbangga dengan pencapaian itu. Jadi kalau saudara Yang Berhormat berhajat untuk menyenangi Indonesia dan Thailand atau Vietnam saya fikir eloklah berhijrah ke sana dan hidup di sana, tumbuh dengan mereka berbanding dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak berhajat hendak memuji secara berlebihan tidaklah keterlaluan kalau saya katakan kekukuhan ekonomi Malaysia, kestabilan politik dan kecemerlangan Malaysia dalam dua dekad mutakhir ini sebahagian besarnya sebenarnya adalah sumbangan dan lahir dari kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama memimpin negara kita. Kemajuan ini tidak dapat dicapai dengan sendirinya tanpa kepemimpinan yang cemerlang, perancangan yang teliti, pemantauan terhadap pelaksanaan program dan selaras dengan iltizam yang tinggi seluruh jentera kerajaan yang dapat menghadamkan terjemahan semua program pembangunan yang dirancangan.

Namun demikian, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai manusia biasa seperti kita juga tidak bersifat maksum tidak sempurna, beliau mempunyai kelemahan dan beliau sendiri mengakui kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dan kita di Dewan yang mulia ini seharusnya bersama-sama menjana pemikiran, membantu beliau untuk memacu negara ini ke arah memperkasakan kecemerlangan negara tanpa mengira perbezaan pegangan politik kita.

Sesungguhnya kita boleh berbeza pendapat tetapi jangan bertelagah semata-mata kerana kita berbeza pendapat, malah perbezaan pendapat jika terdapat sekalipun di antara kita yang berlainan pegangan politik, gunakanlah kaedah penyelesaiannya secara *Adabul ik'tilaf*. Ianya suatu kaedah yang beradab, beradab untuk menangani perbezaan pendapat, bukan dengan kaedah yang *non-Islamic* termasuk menanamkan rasa kebencian yang menebal di kalangan pengikut dan menyanggah setiap perancangan dan pelaksanaan program yang baik sekalipun hanya semata-mata atas nama mahu membangkang. *Adabul Ik'tilaf* inilah yang harus diterjemahkan agar Dewan yang mulia ini tidak dianggap sarkas bagi ahli-ahli politik dari pelbagai kandang yang berlainan pegangan kepercayaan politik.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat,belakang.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sikit penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Datok. Tadi salah seorang dari Ahli Yang Berhormat Telah menyentuh mengatakan ekonomi Malaysia adalah rendah. Yang Berhormat sedar tidak ini kadang-kadang media-media asing, selalu dia buat ramalan, dia pun bacalah. Lebih-lebih lagi media asing itu tidak sokong kepada Kerajaan Malaysia, ekonomi Malaysia yang tercorot, yang kedua daripada negara asing tetapi kadang-kala bila sampai masanya ekonomi kita yang naik dan negeri yang dipuji turun juga termasuk juga Singapura.

Singapura kalau dia capak ekonomi dalam masa peristiwa 11 September pun dia kata turun sikit, turun sikit padahal banyak, dia tidak pernah hendak menyebut banyak, kita sahaja yang sebahagian dari Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada kadang bila nampak sikit diperbesar-besarkan ekonomi negara jatuh teruk tapi kita dapat lihatlah perjalanan baik, tiada bantuan IMF seperti Yang Berhormat Bagan Datok sebutkan tadi.

Yang menjadi sebahagian puncanya ekonomi jatuh ini, ini orang yang banyak hal ini, termasuklah parti pembangkang, buat kacau, tunjuk perasaan, menuduh itu, kumpulan militan, yang ini sebahagian benda yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu yang hendak merosakkan nama negara, tapi sebab itulah kerajaan mengambil tindakan yang tegas. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang saya sebutkan itu tadi?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang disebutkan oleh Tebrau tadi, secara perbandingan, mantiknya. Kalau saya ada kereta, tetapi kereta yang saya ada itu berhutang RM100,000. Lebih baik Tebrau tidak ada kereta cuma motor tetapi tidak berhutang, ertinya secara relatifnya pendapatan beliau lebih tinggi daripada saya. Saya tinggi kerana berhutang, status hidup saya tinggi kerana saya berhutang kereta, status hidup beliau begitu kerana tidak berhutang. Jadi, pada relatifnya masih tinggi begitu juga dengan negara yang berhutang berbanding dengan kita yang tidak berhutang dengan IMF, maka secara relatifnya pertumbuhan kita lebih tinggi, walaupun 0.4% berbanding dengan 3% dan 6% yang diterima oleh negara-negara jiran kita. Kita harus bersyukur dengan keadaan itu.

Media asing, Tuan Yang di-Pertua memang jahat tetapi kita di Dewan ini dalam keadaan berbeza pendapat kita tidak mampu untuk berbelah bagi menghadapi ancaman luar yang memburuk dan mengancam negara kita. Kita sedia mengetahui secara senada dan terancang media asing jelas mempunyai agenda memperburuk dan memperlecehkan Islam, malah prasangka buruk kepada Malaysia menjadi semacam kepuasan buat mereka. Tidak cukup dengan tuduhan yang diada-adakan tanpa berlandaskan bukti, banyak fakta yang sengaja diputar-belitkan, belum pun reda bahang daripada keluaran majalah *Newsweek* yang menyiarkan apa yang didakwa gambar junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Majalah *Times* pula menyusulinya dengan memaparkan Jalur Gemilang, Jalur Gemilang tetapi menggantikan bintang dengan imej Osama bin Laden dan disertakan senapang automatik bersilang depan bendera berkenaan.

Rencana iringannya mendakwa Malaysia memberi perlindungan kepada penganas yang mempunyai kaitan dengan Al-Qaeda. Memetik pendirian daripada '*Fawks News*', yang pernah menyimpulkan media yang bebas dan bertanggungjawab kata mereka adalah tidak dipergunakan oleh pihak lain yang mahu menghancurkan Amerika dan membahayakan rakyatnya, selebihnya tidak dianggap sebagai keutamaan mereka, lantas pertimbangan yang dibuat lazimnya berat sebelah walaupun tidak mengada-adakan cerita. Malah itulah yang menjadi pegangan media asing amnya, tanpa mengira sama ada stesen televisyen, agensi berita, akhbar, majalah mahupun penerbitan elektronik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Parit Sulong berdiri Yang Berhormat, hendak minta penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi : Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari Bagan Datok mengenai peranan media yang diperkatakan sebentar tadi. Hari ini kita mengetahui bahawa media di Amerika Syarikat yang mendakwa dirinya sebagai juara kebebasan dan memperkenalkan kebebasan sebenarnya adalah media yang tidak bebas, sebenarnya adalah media yang dikongkong. Kita mendapat tahu bahawa banyak misteri dan tanda tanya yang timbul daripada tragedi 11 September yang sekarang ini - dengan izin – *has been covered up by the western and American media*.

Contohnya adalah desakan supaya diadakan *commission of enquiry* terhadap apa yang berlaku ke atas WTC, contohnya adalah desakan supaya disiasat mengapakah keselamatan di lapangan terbang Amerika pada 11 September kelihatan seolah-olah cuai, tetapi kerajaan Amerika langsung tidak mahu sensitif terhadap desakan itu dan pihak media juga tidak memainkan peranan ini. Jadi apakah pandangan saudara mengenai apa yang dikatakan sebagai kebebasan akhbar. Adakah kebebasan untuk melindungi Amerika ataupun kebebasan untuk melanyak negara-negara ketiga? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju amat sangat dengan lontaran pendapat yang diberikan oleh Parit Sulong kerana ada satu perumpamaan disebut, *a rich media is a controlled media*, ertinya media yang banyak berita-berita sensasi adalah media yang *dicontrol*. Oleh kerana itu, peranan media di US yang kita anggap bebas yang diwar-warkan sebagai juara pada kebebasan media sebenarnya media-media itu dikongkong. Lihat dari segi liputan, *coveragenya* Tuan Yang di-Pertua, adalah berita-berita yang hanya tertumpu kepada hal dalaman sahaja. Mereka sanggup untuk mengaburi fakta sebenarnya, jadi apa yang berlaku 911

peristiwa 11 September yang lalu sebenarnya ada saranan supaya sebuah suruhanjaya penyiasatan dilakukan tetapi media itu memang menolak kerana mereka khuatir ada agenda dan perancangan sulit yang diketahui selepas penyiasatan itu dibuat. Jadi, media memainkan peranan untuk menutup perkara itu.

Oleh sebab itu, bagi saya media di Amerika sebenarnya melakukan dan melaksanakan *media practising*, dengan izin, adalah mengikut acuan kebebasan ciptaan mereka. Media asing bebas membuat sebarang andaian terhadap mana-mana negara, terutama negara dunia ketiga apatah lagi negara yang tidak mereka senangi seperti Malaysia. Soalnya kenapa media asing bersikap demikian?

Pada hemat saya, terjadinya tanggapan yang sedemikian kerana terdapatnya sebahagian daripada pemimpin organisasi politik, organisasi bukan politik dan individu yang memberikan gambaran yang salah mengenai Malaysia apabila berada di luar negara. Mungkin terdapat juga di kalangan mereka memberikan fakta yang salah dan atas rasa dendam kesumat memberikan maklumat hal ehwal negara ini mengikut perspektif pereka yang negatif kepada pihak media asing ini. Terdapat dalang yang memegang tali memainkan peranan dalam menentukan agenda media yang tersirat, hanya mereka sahaja yang tahu akan maksud yang tersembunyi di sebalik agenda tersebut.

Hakikat bahawa Malaysia berbanding dengan sesetengah negara yang lain banyak memberikan kebebasan kepada media asing seolah-olah tidak mendatangkan sebarang makna kepada mereka, kecuali hanya sesekali apabila sesuatu yang baik mengenai negara ini atau mungkin dimuatkan media asing turut bersikap kritikal terhadap Malaysia dengan laporan berat sebelah serta mengembar-gemburkan sehingga memberi gambaran ia lebih besar daripada yang sebenarnya berlaku.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut berdiri, Yang Berhormat hendak beri penjelasan. Silakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas hujah Yang Berhormat. Saya cuma hendak bertanya kerana kita tahu bahawa media-media asing ini diperalatkan oleh negara-negara Barat kerana mereka tidak senang melihat negara-negara ketiga, negara-negara membangun seperti Malaysia ini menuju ke arah kemajuan yang di luar jangkaan.

Cuma saya hendak tanya sama ada sedar atau tidak ataupun kemungkinan pihak-pihak pembangkang juga turut menggunakan atau memperalatkan media-media asing ini untuk mencapai cita-cita mereka ataupun menjadi tali barut kepada negara-negara luar. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Larut. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada pembangkang ingin menjadi tali barut kepada media asing tetapi banyak berita pembangkang ini tersiar dalam media asing. Bagi mereka sesuatu yang buruk itu mempunyai nilai berita yang baik. Dalam prinsip media kalau anjing menggigit posmen, itu bukan berita, tetapi kalau posmen gigit anjing, itu berita.

Jadi, dalam hal ini media asing pun mempunyai sikap yang begitu. Sesuatu yang baik tidak diberitakan tetapi sesuatu yang jahat, yang tidak baik sebagaimana yang dilontarkan oleh pembangkang, itu jadi berita kepada mereka kerana nilai berita bagi mereka adalah sesuatu yang negatif dan saya fikir Larut benar dalam perkara itu.

CNN umpamanya sebelum ini menghantar wakilnya untuk membuat liputan besar-besaran satu demonstrasi jalanan yang tidak pun menjadi kenyataan. Ketika pergaduhan Jalan Kelang Lama pada bulan Mac tahun lalu, seluruh negara digambarkan seolah-olah berada dalam keadaan kacau bilau. Mengambil kira layanan yang diberikan terhadap Malaysia selama ini tentunya kewajaran iklan pelancongan Malaysia menerusi CNN dan majalah *Times* menimbulkan persoalan yang besar kepada kita.

Wujud kejanggalan yang amat ketara apabila iklan berkenaan mempromosikan Malaysia sebagai kaya dengan ciri-ciri budaya, temasya, makanan dan warisan, sedangkan berita yang dimuatkan lebih menggambarkan negara ini sebagai melindungi pengganas. Sebesar manapun biaya iklan yang saya rasa kita

semua maklumi tentunya bermatlamat baik. Ianya tidak ubah seperti setitis air di lautan buat stesen TV dan majalah berkenaan, lebih dari itu ia tidak akan mengubah pendirian mereka agar berpandangan lebih positif terhadap negara ini.

Namun, usaha hendaklah dilakukan oleh pihak Kementerian Penerangan bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bagi mendekati pengaman media, dengan izin, media *practitioners* dari media luar negara ini agar kecelaruan, salah tanggapan dan keraguan serta fobia mereka terhadap negara kita dapat diberikan gambaran sebenar. Saya ingin mencadangkan agar Wisma Putra melantik *attache* penerangan di pejabat pesuruh jaya dan kedutaan kita di luar negara supaya gambaran dan prasangka buruk terhadap negara ini dapat disangkal secara profesional.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Jeli berdiri.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bagan Datok. Sememangnya akhir-akhir ini selepas daripada peristiwa 11 September memang sama ada masyarakat Islam dan juga negara umat Islam mendapat satu himpitan dalam senario politik dunia. Sememangnya kita akui bahawa media massa dunia dikontrol, dikawal oleh negara-negara besar terutama Amerika Syarikat, tambahan pula sekarang ini Amerika Syarikat menjadi kuasa unipola dunia. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa kerana mereka dapat menguasai media, sebab itu mereka menggambarkan negara-negara yang mungkin tidak sebegitu sehaluan dengan mereka digambarkan sebagai mereka yang cuba dimomokkan. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa dalam negara kita apa halnya, umpamanya media yang sama yang dilaksanakan, yang dipraktis oleh Amerika Syarikat sebagai kuasa unipola dunia juga diamalkan oleh parti pemerintah negara kita, umpamanya kes Memali. Kes Memali ini masih dalam kes perbicaraan. Sudah lama kes ini dikemukakan kepada pihak polis, sudah empat tahun dan kes ini belum lagi mahu dibicarakan, tetapi RTM di bawah kuasa kerajaan telah mengambil kesempatan untuk mengungkit peristiwa yang masih dalam kes perbicaraan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, saya hendak tanya apakah tidak ada persamaan, apakah tidak ada persamaan di situ di mana satu pihak cuba dimomok-momokkan kerana tidak ada peluang dan ruang untuk mempertahankan diri terutama bila mana ceramah pun tidak dibenarkan, tidak ada persamaankah gaya-gaya itu; yang sana Amerika Syarikat buat pada Malaysia, yang sini kerajaan buat kepada parti-parti yang tidak sebulu dengan mereka terutama kes Memali. Minta penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa bentuk pun media mesti dikontrol sama ada oleh pengamal media atau oleh pemiliknya. *Harakah* dikontrol oleh PAS, buktinya. Tidak boleh dinafikan walaupun Presiden PAS kata, "Saya tidak tahu, saya sibuk sangat sebab *Harakah* dijaga oleh orang lain". Itu alasan. Tetapi saya ingin memberitahu dari segi prinsip komunikasi, prinsip media. Media Barat memang dikontrol oleh pemiliknya, oleh media *practitioners*nya. Menguasai media bererti menguasai minda keseluruhannya.

Lihat bagaimana CNN dikuasai oleh kumpulan tertentu, tauke tertentu. Tetapi apabila *counter attack*, dengan izin, oleh Al-Jazeera sebagai stesen TV alternatif bagi umat Islam. Jelas bahawa *the footage*, liputan telah dirungkaikan, ditahan hingga *subscribers*, dengan izin, di Australia, di New Zealand, di Indonesia yang dulunya mendapat *footage* secara percuma, *coverage* secara percuma tetapi sekarang terpaksa menjadi *subscriber* yang berdaftar, ertinya tidak ada kebebasan media, di Barat pun.

Dalam keadaan ini, peristiwa Memali yang cuba dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeli tadi sebenarnya sekadar mengingatkan umat keseluruhannya, jangan berlaku semula peristiwa macam itu, sekadar mengingatkan, bagi saya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seorang lagi berdiri Yang Berhormat, Parit Sulong pula berdiri.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu sahabat saya, sekarang ini saya hendak mendapat penjelasan, adakah Yang Berhormat berpandangan bahawa media Barat sekarang ini sedang bergerak dalam satu gerakan yang diselarasakan, *co-ordinated*, dengan izin. Ini bermakna, *there is a co-ordinated move among the Western media* bahawa mereka bergerak untuk *subscribe* kepada satu agenda dan agenda itu secara lahiriahnya dikatakan sebagai peperangan menentang keganasan, tetapi secara tersuratnya adalah mengembangkan dan memperkukuhkan hegemoni politik, tentera dan ekonomi Barat di kawasan-kawasan terpilih dan strategik.

Sebab itulah bahawa pihak media Barat tidak mahu menggambarkan gambaran-gambaran yang boleh bercanggah dan juga cuba menafikan pencapaian agenda itu. Contohnya, jumlah mangsa orang awam di Afghanistan tidak pernah dihebah-hebahkan oleh CNN atau BBC. Cerita mereka menggugurkan makanan menerusi udara diperbesar tetapi besok paginya tentera Amerika mengebom dengan secara sewenang-wenangnya dari udara. Ini tidak diperbesar. Ini dua gerakan yang *contradictory*, yang bertelagah.

Satu lagi soal senjata yang digunakan, dalam peperangan Afghanistan lebih kurang ada *parallel*nya dengan senjata yang digunakan di Iraq. Bagaimana peperangan di Iraq menimbulkan soal *environment*, soal alam sekitar, tidak pernah diperbesar. Bagaimana air di Iraq sekarang *contaminated* oleh kerana peperangan, tidak pernah diperbesar. Yang diraikan adalah kemeriahan *the sky view* atau pandangan di langit mengenai bagaimana bom meletup, bagaimana senjata itu adalah senjata yang mengandungi material-material yang boleh orang kata menyebabkan manusia itu sendiri menjadi mudarat selepas peperangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah media hari ini khususnya media Barat adalah bergerak secara *co-ordinated* untuk mencapai satu matlamat yang besar. Media di dalam negara ia menunjukkan cerita yang diceritakan oleh Jeli, tidak sama, tidak ada *parallel* di antara perlakuan media di Barat dengan Malaysia. Ini bukan masalah kita hendak menyorokkan sesuatu, tidak. Masalahnya adalah memang tidak ada *parallel*. Kita hendak *maintain national security*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau kita tidak jaga *national security*, kita akan kena *attack*, Amerika telah pun meluluskan resolusi bahawa siapa yang bersubahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta dia ulas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Resolusi bersama kongres mengatakan bahawa ia memberi kuasa kepada Presiden Bush, sesiapa yang didapati bergerak sebagai *terrorist*, melindungi *terrorists*, bersubahat dengan *terrorists*, jadi kalau kita tidak menentang golongan-golongan yang dipanggil oleh KMM, kalau kita kena serang siapa yang dipertanggungjawabkan, Amerika ataupun Malaysia? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong itu memang ada kebenarannya kerana kajian-kajian dalam bidang media memang memperlihatkan hal yang disebutkan oleh beliau. Pada keseluruhannya, apa yang disebutkan itu adalah dipanggil sebagai *agenda setting* atau penentuan agenda yang dibuat oleh media Barat. Kita lihat bahawa apa yang berlaku di Barat dengan media yang dikawal oleh pemilik dan *media practitioner*, pengamal media dengan liputan mengenai senjata yang *parallel* dengan senjata yang digunakan di Iraq dan digunakan juga di Afghanistan, memang jelas dan nyata.

Akan tetapi, kita harus tahu bahawa penyelarasan ini dilakukan melalui terjemahan satu pertubuhan yang dipanggil *Protocols of The Zionist*, pertubuhan orang-orang zionist yang mahu menghancurkan Islam, yang mahu menghancurkan dunia ketiga kerana dahulu, musuh mereka adalah komunis. Apabila blok komunis, negara-negara komunis dihancurkan, mereka mula memfokuskan kepada negara Islam termasuk Malaysia, tidak terkecuali daripada fokus itu.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara Islam, kita memandang dari dekat jurang besar yang wujud antara negara Islam dan Barat terutamanya Amerika. Tinjauan Pertubuhan Gallop di sembilan negara Islam menghimpunkan pendapat yang merumuskan, Amerika sebagai kejam, agresif, sombong, pilih kasih dan mudah berang. Manakala 49% daripada mereka menganggap Amerika jahat. 59% pula membenci Presiden Bush. Meskipun Amerika sendiri tidak cenderung untuk meninjau sebab-sebab berlakunya keadaan begitu, tanggapan negara itu terhadap negara Islam dan rakyatnya serta menyamakan Islam dengan keganasan ketara menjadi puncanya.

Pada ketika Washington bertegas kononnya ia tidak memusuhi Islam atau umatnya, kebanyakan tindakan mereka jelas berlawanan. Hari ini, Amerika berasa gugup terhadap Islam adalah gara-gara pandangan serong mereka terhadap Islam, di sebalik kononnya Amerika berhempas pulas untuk memenangi hati umat Islam, tutur kata serta tindakan mereka sekadar memuncakkan kemarahan Muslimin di seluruh dunia.

Amerika langsung tidak menaruh simpati terhadap penderitaan rakyat Palestin hanya kerana mereka beragama Islam. Begitu juga dalam melancarkan perang terhadap keganasan. Tumpuan hanya terarah kepada Afghanistan selain Iraq dan Iran yang dilabelkan sebagai paksi kejahatan. Dengan mempengaruhi rangkaian medianya, sekali lagi Islam terus diperburukkan dan Malaysia sendiri tidak dikecualikan.

Di Dewan yang mulia ini, ingin saya menyatakan rasa keprihatinan saya terhadap layanan buruk yang diterima oleh beberapa rakyat Malaysia sewaktu mereka mengunjungi Amerika. Mereka menjadi mangsa prasangka buruk kerana dasar dan tanggapan salah terhadap Islam dan Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya amat bersimpati terhadap mereka yang didera mental dengan ditahan beberapa hari, disoal siasat dan digari tangan dan kaki sebelum dihantar pulang. Pihak Imigresen, Kastam dan Biro Siasatan Persekutuan (FBI) turut enggan mendengar penjelasan serta menafikan hak rakyat Malaysia yang ditahan itu menghubungi kedutaan atau ahli keluarga mereka. Tindakan itu jelas melanggar hak asasi manusia. Anehnya, berlawanan dengan kejadian sebenar, Duta Amerika ke Malaysia, Mary Utala tergamak menyangkal kesemuanya sambil bertegas rakyat Malaysia merupakan kes terasing dengan izin, *isolated case* sedangkan kononnya beratus-ratus pelawat dari Malaysia dibenarkan masuk setiap hari.

Penjelasan oleh Duta Amerika dan beberapa penjelasan oleh Pegawai Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur tidak mengubah pandangan negatif mangsa-mangsa berkenaan terhadap Amerika, daripada hanya menyalahkan umat Islam sebagai kononnya berpandangan sempit. Amerika wajar mengambil iktibar dengan mengambil langkah yang membezakan keganasan dan Islam. Kalau selama ini Amerika mendakwa memperjuangkan hak asasi manusia, maka ia hendaklah juga memperakui umat Islam turut mempunyai hak untuk dilayani dengan adil tanpa sebarang prejudis terhadap agama anutan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masalah negara serantau dan persoalan kejiranan kerap kali menjadi agenda utama. Malaysia sering menjaga hati negara-negara jirannya. Kepentingan bersama sering diberikan penekanan kerana Malaysia mempunyai prinsip negara jiran harus dihormati malah kesenangan yang dikecapi oleh negara-negara jiran merupakan kesenangan bersama yang dikongsi oleh Malaysia. Negara kita menghormati jiran, negara jiran juga harus menghormati negara kita dan sebagai jiran, kita harus hidup berjiran secara berkongsi kemakmuran.

Sebaliknya, Singapura sebagai sebuah negara pulau mungkin mempunyai sikap dan tanggapan yang agak berbeza dengan sikap yang diterjemahkan selama ini

oleh Malaysia. Mungkin mereka terjebak dengan pegangan *kiasu mentality*, pemikiran kiasu yang bermaksud dalam bahasa Kantonis - tidak mahu kalah. Tidak mahu kalah ini menjadi *mentality* mereka, menjadi budaya yang sebatian dengan majoriti rakyat Singapura, tidak terkecuali pemimpin-pemimpinnya. Sikap kiasu merekalah yang menyebabkan semua segi mereka tidak mahu mengalah walaupun apabila menghendaki ihsan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura mungkin terasa kian sempit dan terhimpit berbanding dengan keluasan negara-negara jirannya. Dengan keluasan 646.1 kilometer persegi, Singapura mencari jalan mudah untuk memperluaskan sempadan negaranya dengan menambak laut. Memandangkan kawasan republik itu hanya 42 kilometer terpanjang dari timur ke barat dan 23 kilometer dari utara ke selatan. Tindakan Singapura menambak pantai di beberapa bahagian di pulau itu, terutama di perairan Tuas dan Pulau Tekong Besar yang berhampiran Tanjung Pengelih serta beberapa pulau miliknya sejak sekian lama adalah usaha untuk memperluaskan wilayahnya sehingga beribu-ribu ekar.

Walaupun kerja penambakan dilakukan di sempadan dan perairan negaranya, faktor kedudukan perairan Malaysia terutama di Johor perlu diambil kira. Paling penting, pemerintah Singapura perlu pastikan ia tidak terlajak hingga ke perairan negara ini yang akan ditakrifkan sebagai mencerooboh.

Sekalipun kerja menambak dilakukan dalam sempadan republik itu, Singapura perlu mengambil kira kedudukan perairan Malaysia dari segi geografi dan ekologinya terutama di kawasan-kawasan yang membabitkan kegiatan ekonomi. Laporan dari Sumber Bahagian Keselamatan Negeri Johor (BKN) menyatakan kegiatan yang terus rancak itu turut mengubah daratan Singapura yang bertambah luas sekaligus menyebabkan kawasan perairan termasuk di Selat Tebrau semakin sempit dan keadaan itu menjejaskan perairan Johor.

Hari ini di akhbar, dilaporkan bahawa Timbalan Perdana Menteri Singapura menafikan penambakan laut itu menjejaskan ekologi perairan Malaysia. Beliau juga menafikan ia akan menjejaskan laluan kapal. Beliau juga menjelaskan bahawa ia akan menjejaskan garisan laut dan perairan Malaysia. Tetapi, ada laporan daripada ahli profesional yang telah melakukan kajian, Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. yang mengatakan bahawa terdapat perubahan pantai, alunan ombak, laluan kapal yang semakin sempit dan mengikut laporan keadaan perubahan *route* perkapalan ini akan terjejas sampai ke pantai Terengganu oleh kerana perubahan ekologi yang sedang berlaku sekarang ini.

Jadi, kita mahu Singapura sebagai negara jiran sepatutnya memaklumkan langkah negara pulau itu kepada Malaysia kerana ia memberi kesan kepada kedudukan perairan yang semakin sempit termasuk Selat Tebrau dan Malaysia berhak membantah kegiatan menambak laut itu kerana ia bukan sahaja mempunyai kesan geografi antara Malaysia dan Singapura tetapi di dalam jangka masa panjang menjejaskan kelancaran operasi Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Sekiranya Malaysia diberitahu mengenai rancangan Singapura itu, pelbagai tafsiran terhadap tindakan republik itu mungkin dapat dielakkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai sebab untuk menegur tindakan Singapura yang membuat sesuka hati menambak laut yang menghala ke arah Malaysia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seri Gading bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok sebagai seorang Ahli Parlimen, yang walaupun bukan datang dari Negeri Johor tetapi sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, cubit peha kanan terasa sakit peha kiri.

Singapura dalam rentetan sejarahnya dengan Malaysia dan Johor khususnya, memang selalu membuat sesuatu yang tidak menyenangkan jiran, dalam erti kata lain, Johor dan sekali gus Malaysia. Beruntung sangatlah Singapura kerana mempunyai jiran yang begitu baik, jiran yang bertanggungjawab, jiran yang mementingkan kebahagiaan. Inilah sikap, sifat Malaysia yang menguntungkan Singapura. Tetapi walaupun begitu baik apa yang dilakukan oleh Malaysia kepada Singapura, Singapura

sewajarnya tidak mengambil kesempatan dengan berterusan membuat sesuatu yang menyakiti jirannya. Adat orang berjiran sepatutnya saling kasih-mengasihi, saling hormat menghormati....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak nampak ada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akan sampai Tuan Yang di-Pertua. Saya memang suka membuat sedikit mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu boleh tunggu masa Yang Berhormat berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi mukadimah yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok itu mendorong saya membuat mukadimah juga. Saya akan sentuh juga di dalam ucapan saya tetapi sebagai anak Johor tidak patut rasanya kalau saya tidak berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, keluarkan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akan terus kepada soalan tetapi dengan mukadimah yang tidak dapat saya elakkan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, kita kena berbaik kepada jiran tetapi kalau jiran tidak membalas kebaikan dengan kebaikan, kita boleh tuduh dia jiran yang kurang ajar, jiran yang biadab. Kita memang tidak mahu bergaduh dengan jiran, kita tidak mahu berperang dengan jiran kerana itu bukan sifat orang Malaysia dan bukan sifat kita dan kita tidak mahu bergaduh bukan bermakna kita takut, kita tidak takut tetapi kerana kita lebih bertamadun. Kita inginkan hubungan yang baik kerana jiran yang berbahagia akan menyebabkan jiran yang di sebelahnya juga berbahagia.

Dalam isu penambakan di Pulau Tekong Besar di Tanjong Pengelih, di timur dan barat di Kuala Selat Tebrau, kerja-kerja penambakan ini sebenarnya sengaja menyusahkan negeri Johor dan seluruh Malaysia. Penambakan ini sebenarnya adalah suatu sifat yang boleh dikatakan kedengkian yang amat nyata kepada *port* Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di Pasir Gading dan juga di PTP.....

Seorang Ahli: Adakah ini benar?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pelabuhan Tanjong Pelepas. Ini memang mengganggu kerana untuk apa membesarkan Singapura, menambak Singapura hanya di timur dan di barat; kenapa kalau Singapura hendak membesarkan tanah airnya, kenapa tidak membesarkan di sebelah selatan, kenapa tidak dibuat di Pulau Sentosa, di sebelah selatan tidak ada gangguan dengan jiran-tetangga, kamu boleh tambak seberapa besar yang kamu mahu [Tepuk] Tetapi kenapa di Kuala-Kuala untuk masuk ke Selat Tebrau dan kita tahu bahawa Selat Tebrau menjadi perairan sejak zaman-berzaman oleh Johor dan Malaysia; kenapa mesti diganggu? Tidak dapat tidak, sekilas 'air' di laut, kita tahu jantan betina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tetapi ini bukan masa untuk berucap.

Beberapa Ahli: Masa untuk bertanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok, betulkah atau tidak apa yang saya perkatakan ini? Ini yang saya bertanyakan, saya minta maaf, saya menuduh, saya berkata sebab kalau Singapura berkelakuan sebegini menunjukkan Singapura ialah seorang jiran yang biadab, kurang ajar, yang tidak menimbang kepada jirannya [Tepuk] Ini saya minta maaf, saya terpaksa melahirkan rasa dukacita dan saya tahu Singapura tidak akan melayan segala nota bantahan kita kerana Singapura merasa dia hebat, dia besar, dia betul. Memang betul dia tambak dalam kawasan dia tetapi penambakan itu ada kesan kepada Johor. Kesan ini yang kita bantah.

Kita tidak membantah penambahan untuk membesarkan tanah airnya; tambaklah tetapi kesannya sampai kepada Johor. Ini isunya. Saya akan bercakap panjang lagi Tuan Yang di-Pertua dalam hal Singapura ini dalam ucapan saya nanti.

Saya minta sedikit penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Bagan Datok yang canggih. Terima kasih [*Tepuk*]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading sebab dalam teks saya pun ada mencatatkan perkara itu tetapi disebabkan dia sudah ambil perkara ini, jadi saya bagi *chancelah* kepada dia [*Ketawa*] Tetapi sebenarnya laporan mengenai *reclamation* ini... [*Menunjukkan keratan akhbar*] “A trap to ships”, Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi satu ancaman kepada Tanjong Pelepas Port dan juga Pasir Gudang, memang. Daripada kajian yang dijalankan, di sebelah barat dan di sebelah timur memang sengaja ditutup muara-muara laluan itu untuk menyekat kapal-kapal besar daripada masuk dan supaya laluan itu menjadi tohor, menjadi cetek, untuk mengalih kapal-kapal itu supaya pergi ke pelabuhan dia yang telah tidak ada pelanggan lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya setuju. Saya bagi mengikut giliran. Siapa yang *senior*, dialah dahulu. Saya ingat kita bagi Ketua Pemuda dahulu, dia lebih senior.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Ketawa*] Dia tidak terima.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa ini merupakan satu agenda yang begitu halus yang dilakukan oleh Singapura dalam usaha untuk melumpuhkan ekonomi negara kita khususnya melumpuhkan kegiatan di dua pelabuhan yang ada di Pasir Gudang dan juga di Pelabuhan Tanjong Pelepas.

Dan satu lagi juga berkaitan dengan kesan dari sudut keselamatan negara kita apabila tambakan itu dibuat, maka sudah tentu ini akan mengganggu laluan kapal-kapal tentera laut kerana di situ juga ada pusat latihan, bukan sekadar pusat latihan tentera laut iaitu PULAREK tetapi ia juga menjadi tempat berlabuhnya kapal-kapal, KD-KD tentera-tentera laut. Sudah tentu apabila nanti *pontoon* yang memuatkan pasir untuk dibawa ke tempat tambakan itu, diletakkan dua buah... [*Disampuk*] Petang semalam saya berada di kawasan yang berdekatan, kalau diletakkan dua buah sahaja *pontoon* maka laluan kapal, sama ada kapal dagangan ataupun kapal tentera laut ini tidak akan boleh melalui ruang tersebut dan ini merupakan kesan yang sangat besar terhadap ekonomi dan keselamatan.

Tetapi persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang berlaku yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dan juga mungkin daripada pihak kerajaan sendiri untuk kesempatan ini, kenapa perkara ini baru timbul dalam seminggu dua ini sedangkan saya difahamkan bahawa kegiatan tambakan yang dilakukan di Pulau Tekong ini sudah pun berlaku sejak daripada tahun 1999? Ini bermakna sudah tiga tahun, walaupun kegiatan memperluaskan Pulau Singapura itu berlaku sejak 20 tahun yang lalu – kegiatan memperluaskan pulau Singapura tetapi yang terbaru ini berlaku sejak daripada tahun 1999. Itu pun setelah pendedahan yang dibuat oleh akhbar yang saya dimaklumkan bahawa ekoran daripada bantahan yang dibuat oleh nelayan-nelayan kecil yang berada di sekitar kawasan tersebut yang menganggap tambakan itu telah mengganggu tangkapan mereka, telah menghapuskan *eco-system*, kehidupan laut dan sebagainya.

Jadi, adakah ini menunjukkan kelemahan dari sudut jabatan risik – institusi risikan negara kita. Pada hal bagi sayalah bahawa tidak perlu risik kerana kita boleh nampak daripada PULAREK. Apakah ini kelemahan Kementerian Dalam Negeri, kelemahan Kementerian Pertahanan yang tidak mampu menangani persoalan-persoalan ini. Akhirnya, bila kita sedar pihak Singapura sudah dalam keadaan memancang, menanam cerucuk sebagai tanda itu yang menyebabkan sukar untuk kita hendak bertindak terhadap mereka kerana kita telah menyedari pada waktu mereka telah pun menambak dengan begitu luas sepanjang 8 kilometer, yang saya melihat sendiri semalam kawasan sepanjang 8 kilometer yang sudah pun ditambak dan ini sudah tentulah sukar, seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading katakan tadi, bagi

Singapura akan menghormati tuntutan kita, kita boleh buat tuntutan kerana dia sudah pun melakukan satu proses yang sudah jauh ke hadapan. Ini menunjukkan bagi saya bahawa kelemahan yang sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Dalam Negeri, polis yang menjaga Bahagian Risikan dan juga Kementerian Pertahanan yang sepatutnya menyedari bahawa dia memberi kesan kepada Tentera Laut itu sendiri. Sekian [Tepuk]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang gangguan laluan kapal terutamanya di Pusat Latihan Tentera Laut (PULAREK) memang sesuatu yang benar. Saya pernah berada di Mindef di Kementerian Pertahanan dan sumber risikan jangan dinafikan memang mereka tip top tetapi kita tidak hendak bergaduh sahaja. Tetapi kalau hendak bergaduh boleh. Saya jemput Ketua Pemuda PAS berada di Tambak Johor selepas ini. Tetapi persoalannya.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Nanti sekejap saya beri peluang, duduklah dahulu. Soalnya di sini, kenapa timbul sekarang bukan kerana timbul disebabkan oleh rungutan nelayan-nelayan. Kita tahu lebih awal tetapi kita ada Wisma Putra, kita berunding dengan Kementerian Luar Negeri Singapura tetapi sifat orang kurang ajar memang selalu kurang ajar. Mereka tidak mahu mengalah, sifat kiasu mereka itu memang menjadi amalan kepada mereka.

Oleh sebab itu, saya minta di Dewan yang mulia ini tidak kira parti apa kita harus bersetuju dengan langkah Perdana Menteri [Tepuk] Walaupun kita tahu malam tadi Perdana Menteri ada berunding dengan Timbalan Perdana Menteri Singapura tetapi saya fikir Perdana Menteri tidak bersetuju dengan permintaan Timbalan Perdana Menteri Singapura dan kita Ahli-ahli Dewan Rakyat di Dewan yang mulia ini juga tidak bersetuju dengan sebarang alasan yang diberikan oleh Singapura.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada empat, lima Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Wanita.... wanita.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Nanti sekejap, saya terjanji dengan Shah Alam dahulu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datok. Saya tertarik hati mengenai ucapan Yang Berhormat terutama perkara yang menyentuh tentang Singapura ini, apa bahasa Yang Berhormat pakai tadi 'kiasu'. Ini menunjukkan bahawasanya jiran Singapura ini adalah sebagai jiran yang konsep, dengan izin, *prospering your neighbour* ini nampaknya tidak terpakai dalam *vocabulary*, *then* bolehlah kita mengambil kira bahawa Singapura ini sebagai, dengan izin, *very difficult neighbour*.

Jadi Yang Berhormat, saya ingin bertanya selama Yang Berhormat membangkitkan masalah ini, Yang Berhormat dahulu sebagai Ketua Pemuda UMNO Malaysia pun saya fikir telah pun mencetuskan beberapa perkara yang berhubung kait tentang sikap Singapura ini tambahan lagi yang baru ini saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena dengan Sri Gading ini bahawasanya kalau dia hendak tambah daripada segi kawasan, tempat lain pun boleh tetapi tempat yang strategi ini, dia tambah untuk *deep water canal* dan saya dimaklumkan bahawa *the foreign-going ships* terpaksa hendak *hire the local pilot* hendak membawa masuk kapal ini. Jadi kos hendak membawa masuk kapal yang luar perairan antarabangsa masuk ke Tanjung Pelepas dengan *deep water canal* yang sempit ini dia jadi lebih mahal.

Jadi daripada segi *economic viability* dia tidak ada. Jadi maknanya tarikan untuk ke Tanjung Pelepas itu akan lebih berkurangan, jadi ini akan melemahkan daripada segi *viability* projek ini. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok ini, kenapa kita hendak membincangkan tentang masalah perhubungan kita dengan Singapura ini *always in a position of weakness*. Saya rasa bahawa dalam Malaysia kita ada *position of strength*, saya rasa bahawa kita punya masalah yang mana saya difahamkan kadang-kadang tanah dengan pasir ini pun datangnya bukan daripada negeri Singapura, datang daripada negeri Johor. Ini hendak tengok orang Johor macam mana baik hati sangat dok beri pelepas kat sana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini jangan jawablah, saya bukan.... saya dok sebut [Ketawa] kadang-kadang kita pun dalam position, macam contoh air. Saya rasa bahawa harga air yang dijual kepada Singapura 3 sen per 1,000 gelen ini satu angka yang tidak munasabah *ridiculous* daripada sebelum merdeka selepas itu tahun 1961 *renegotiate* sedangkan kalau kita mengambil contoh negeri China menjual air mentah ke Hong Kong pun sudah RM8.00 per 1,000 gelen. Ini 3 sen per 1,000. Saya rasa bahawa kita perlu mendesak dan ini saya ingat pembangkang PAS dan juga rakan-rakannya patut menyokong bahawa jikalau kita beri air ke Singapura baik kita eksport air ke negeri Kelantan. Jadi masalah air bersih di Kelantan pun boleh selesai, yang ini DAP boleh..... takut DAP tidak bersetuju tetapi yang ini saya ingat DAP bersetuju pasal dia hendak bantuan di Ketari ini.

Jadi, saya rasa bahawa boleh tidak kita mengambil ketetapan bahawa kerajaan harus mengkaji balik terutama mendesak sama ada kuasa ini di bidang kuasa Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri saya tidak tahu tetapi kalau ini di dalam bidang kuasa kerajaan negeri bahawa Kerajaan Persekutuan mendesak kerajaan negeri supaya *renegotiate* balik air ini, bukan hanya *renegotiate* kalau dapat bayaran terma yang baik kena *backdated* daripada awal, kerana ini satu perkara yang saya rasa, dengan izin, a *very stupid move* daripada kerajaan kita di peringkat yang mana sekali pun. Kerana saya rasa bahawa perkara ini tidak seharusnya berlaku dalam keadaan ini. Ini yang saya maksudkan bahawa dalam perhubungan kita dengan Singapura ini mesti kita negotiate dalam *position of strength*, jangan berada..... ini saya bertanya soalan kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat kemukakan kepada kerajaan atau kepada Bagan Datok?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagan Datok. Yang Berhormat bagi Bagan Datok bahawa selama ini kita mengadakan perbincangan dan negotiate dengan pihak Singapura ini selalu, dengan izin, *position of weakness*, kita merayu, kalau merayu di peringkat antarabangsa Pulau Batu Putih yang ini pun kita *submit official diplomatic procedures*. Jawapan dia kata apa? Kita ini tidak ada hak untuk hendak mempersoalkan penambahan dalam dia punya *territorial waters*.

Tetapi yang itu kita tidak mahu pertikaikan tetapi kita kata kesan yang dia lakukan itu akan berlaku terhadap dia punya *environmental impact*, terhadap *ecological system* yang berlaku di Tanjung Pelepas dan ianya akan melibatkan bahawa *deep water canal* di kawasan itu akan mengganggu-gugat perjalanan kapal-kapal besar untuk masuk ke Tanjung Pelepas. Ini akan mengurangkan kemampuan kita menjadikan kita punya port itu sebagai satu port yang berdaya saing dan mampu untuk menyebabkan kapal-kapal besar lain datang ke situ selain daripada ke Singapura. Itu sahaja yang saya maksudkan di sini. Jadi, sekian, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ha, silakan.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36(4). Saya rasa semua Ahli Parlimen hendaklah mempertahankan kepentingan negara kita tetapi kita hendaklah cermat dengan apa yang kita kata. Tadi saya dengar Yang Berhormat bagi

Bagan Datok menggunakan perkataan kurang ajar, siapa yang dimaksudkan itu? Ini melibatkan isu penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Kerk Kim Hock: Kita semua sanggup mempertahankan kepentingan negara tetapi jangan kita bercakap di sini untuk politik sahaja. Ini melibatkan isu perhubungan di antara dua negara. Saya puji kerajaan dengan cara yang baik telah cuba berunding dengan Singapura tetapi orang yang datang ke sini menyebutkan bahawa orang itu semua kurang ajar, ini bukan cara kita hendak mempertahankan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat, cukup, cukup!

Tuan Kerk Kim Hock:perhubungan di antara Malaysia dengan Singapura. Jadi bolehkah buat satu ruling jangan emosi sangat Yang Berhormat bagi Bagan Datok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, cukup, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh mana-mana Ahli Dewan ini kurang ajar, tidak menuduh pun. Saya hanya menyambut apa yang Sri Gading katakan dan saya menyambut apa yang Shah Alam kata. Memang dia orang bersifat macam itu. Kalau Malaysian-Malaysia disetujui oleh DAP yang diimport dari sana, memang itulah agaknya keadaan yang berlaku.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang Yang Berhormat bagi Bagan Datok tidak menyebut sesiapa di dalam Dewan ini.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tidak sebut, saya tidak menyebut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia buat balasan memang kita tahu siapa yang sebut. Berani bercakap tidak berani mengaku.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukup!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya beri peluanglah kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia sudah lama menunggu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Bagan Datok. Saya telah jemu dengar ucapan-ucapan berapai-api, sudah dua tahun dalam Dewan ini tentang hubungan Malaysia-Singapura. Ini macam suara gendang sahaja. Bila sampai pada *action*, kita lembik. Dan tadi Shah Alam kata, "*stupid move*". *Stupid move* ini datang biasanya daripada *stupid government!* [*Tepuk*]

Jadi, yang saya hendak minta penjelasan daripada Bagan Datok ialah, kita telah menyedari perkara ini tiga tahun yang lepas, ia mengancam kepentingan negara kita dalam semua segi. Apakah tindakan yang strategik yang telah dirangka oleh kerajaan? Pasir, dia hendak tambak dia memerlukan pasir. Pasir, sama ada ia datang daripada Malaysia, sama ada datang daripada Indonesia. Kita *stop* jualan pasir negara kita, kita berunding dengan Megawati untuk *stop* bekalan pasir daripada Riau. Habis cerita. *Simple*.

Tetapi, kerana perkara ini hendak dipolitikkan, hendak digembar-gemburkan bagi menyatukan rakyat di belakang Barisan Nasional dengan menggunakan isu hubungan Malaysia-Singapura.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Kita nampak ini.

Saya hendak tahu, saya hendak penjelasan. Mengikut maklumat Bursa Saham Kuala Lumpur, kerajaan Singapura menguasai kepentingan syarikat-syarikat di BSKL. Tidak apalah, yang biasa-biasa tidak apa. Tetapi dalam media, yang saya kira industri strategik, Singapura ada syer 5% dalam NST dan dalam The Star. Kita cakap di sini berdegar-degar, tetapi *in practice*, kita sudah tidak ada kepentingan strategik lagi.

Jadi, berhentilah bercakap perkara ini, kita masuk tajuk lainlah. Usah jadikan ia bahan politik gurauan di sini!

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Kubang Kerian sungguh tidak patriotik! [Ketawa] Berlainan dengan Ketua Pemuda, berlainan sekali [Disampuk] Saya ingat lepas ini lawan Ketua Pemuda [Ketawa]

Bukan soal *rhetoric* di sini. Saya tidak membangkitkan soal *rhetoric*. Kita ada adat berjiran, "*Prosper thy neighbour*". Kita menolak peradaban antarabangsa yang bersifat tidak ada adab. Dan, kita bercakap di Dewan yang mulia ini atas fakta, bukan mahu menggembar-gemburkan itu dan ini, soal penguasaan saham-saham di BSKL dan sebagainya. Kita bercakap tentang kepentingan nasional di sini. Kita bercakap tentang ganggu-gugat yang dilakukan oleh jiran kita.

Saya menyeru tanpa kira perbezaan parti politik, atas kepentingan nasional kita harus bersatu dan bersependapat kerana hak kita dicabul. Apabila hak rumah tangga Kubang Kerian, isterinya dibawa orang, tentu marah.

Soal pasir. Mengikut kajian yang saya lakukan, tidak ada pasir yang datang daripada Riau atau daripada Malaysia. Mengikut kajian ini mereka mempunyai kaedah yang tertentu iaitu membawa pasir daripada dasar lautan di tempat lain di bawa ke sana. Sebelum pengharaman pasir itu dibuat memang ada, tetapi pada tahun 1999, pengharaman pasir oleh Johor, oleh Malaysia keseluruhannya telah dilakukan.

Dalam hal ini, Kubang Kerian jangan ada agenda lain apabila kita memperkatakan tentang kepentingan kita bersama.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Jadi, saya harap perkara ini harus diberikan sokongan, bukan dilontar dengan perkara-perkara yang tersirat. Saya persilakan Arau. *Sorry*.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya hairan bagaimana Yang Berhormat Kubang Kerian boleh menyatakan ini soal remeh dan melihat bahawa dia diutarakan, diucapkan cuma untuk *rhetoric*. Ini, saya rasa penjelasan Yang Berhormat bagi Bagan Datok tadi jelas. Apa yang berlaku di antara Singapura dan Malaysia - lebih-lebih lagi penambahan yang berlaku sekarang ini - akan menjejaskan negara kita dan akan menjejaskan ekonomi pada masa akan datang. Kita sedar selama ini. Dengan ada Malaysia, banyak pendapatan (*income*) kepada Singapura, hasil datang daripada Malaysia.

Dan yang kita lihat satu lagi hubungan antara Singapura dengan Malaysia. Yang Berhormat, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat. Hubungan kita dengan Singapura daripada dahulu sampai sekarang, kita lihat Singapura tidak pernah menghormati Malaysia sebagai jiran, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi.

Saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak perlu minta maaf. Memang itulah perkataan yang tepat kepada negara jiran yang bersikap demikian. Saya tidak tahu kenapa pihak DAP hendak membela, sebab ini negara kita, kita harus mempertahankan negara kita. Ini memang berlaku. Dan kalau kita baca sejarah, kita lihat hubungan yang berlaku selama ini, Singapura tidak pernah menghormati kita.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Duduk Yang Berhormat! Adakah Yang Berhormat bagi Bagan Datok setuju supaya kita tidak payah mohon maaf dengan perkataan yang kita sebutkan tadi. Memang tepat kalau itu sikap Singapura kepada kita.

Dan satu lagi, Yang Berhormat, kalau kita lihat pada senario politik. Saya pergi ke Singapura, semasa AIPO meeting, saya tengok Singapura ini sebuah negara yang mana mereka mengawal politik sehingga parti pemerintah cukup kuat. Dia tidak ada pembangkang. Pembangkang dilantik. Tetapi kelemahan, salah satu faktor kelemahan yang ada di negara kita kerana kita selalu memperlihatkan pembangkang yang juga bersikap tidak rasional, dalam apa hal sahaja hendak membangkang. Sampai dalam soal yang berkaitan dengan kepentingan negara pun kadang-kadang pihak Singapura boleh menggunakan parti pembangkang untuk menikam kita balik.

Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Arau cukup tepat. Lebih patriotik daripada Kota Melaka *[Tepuk]* Kita harus lihat, walaupun kita tahu malam tadi perundingan telah dilakukan kelmarin antara pemimpin dua negara, tetapi kami ingin nyatakan bahawa perasaan rakyat Malaysia terutama orang Melayu sering diguris dan diusik oleh Singapura.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Hati orang Islam di Malaysia terhiris apabila masalah larangan murid Islam bertudung dibangkitkan. Masalah perkampungan Melayu di Kampung Gelam ditenggelamkan dalam arus pembangunan Kota Singa itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya tidak bagi dahulu. Saya hendak habiskan ayat saya. Saya akan bagi kemudian lepas makan. *[Ketawa]* Kita dinostalgikan, diimbau dengan peristiwa Natrah, yang mengingatkan kita kepada peristiwa berdarah yang berlaku. Dan peristiwa ini – kita ingin ingatkan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak berhajat campur tangan dalam hal ehwal negara Singapura

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun. Lepas makan tengah hari atau sekarang?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya minta dua-dua duduk dahulu, saya hendak habiskan ayat sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, nanti.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Dengan tidak berhajat untuk campur tangan dalam hal ehwal dalam negara berkenaan, kita merasakan bahawa tindakan negara jiran kita ini boleh menimbulkan salah faham yang berpanjangan. Malah tidak dapat dielakkan rakyat Malaysia tentu beranggapan bahawa langkah Singapura itu, yang menambak laut itu, sebagai reaksi kepada kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Malaysia.

Oleh kerana sikap kiasu mereka, tindakan yang dilakukan oleh mereka hanya dianggap biasa oleh kepimpinan Singapura. Dan, Timbalan Perdana Menteri semalam, kita baca dalam laporan akhbar hari ini, macam tidak ada rasa apa-apa. Kononnya itu hak mereka, mereka melakukan tambakan itu di sempadan mereka, di perairan mereka.

Memang orang yang ada sikap tidak tahu mengalah, tidak tahu mengalah memang itu caranya. Kinabatangan [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini MSC pun macam tidak mahu hiduplah. Terima kasih, Yang Berhormat.

Ini soal serius. Penjelasan. Dari dahulu saya masuk dalam Dewan ini saya telah minta kerajaan supaya memutuskan hubungan dua hala dengan Singapura. Dan hari ini saya akan tegaskan, adakah Yang Berhormat meminta kepada kerajaan untuk memutuskan hubungan dua hala ini. Kerana Singapura memang kurang ajar, biadap, cuma DAP sahaja yang mengatakan perlu minta maaf. Apa perlu minta maaf dengan Singapura? Dia bukan sahaja dijadikan dalang oleh Amerika untuk menjajah negara kita semula. Dia tidak boleh cara kekerasan, dia guna cara ekonomi. Dia tambak dia punya laut supaya menyempitkan laluan dan sengaja untuk menghalang ekonomi daripada pelabuhan-pelabuhan yang ada di Johor supaya menghalang ke Singapura.

Bukan itu sahaja, banyak sudah dilakukan oleh pemimpin Singapura ini seperti memanggil pihak media kita sebagai "haiwan liar", sedangkan mereka lagi liar daripada serigala yang liar. Jadi, saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan kerana kita bukan bersandiwara, kita bukan main wayang seperti yang dicakapkan oleh Kubang Kerian. Tidak ada sandiwara dalam Parlimen ini, melainkan pembangkang yang bersandiwara.

Kita minta kerajaan kaji hubungan dengan Singapura, air harus dikaji, segala-galanya harus dikaji kerana kita rugi dalam perjanjian kita. Kita terlalu lembut. Kerajaan Johor juga harus bertindak tegas, pemimpin-pemimpin Johor harus bangun, bangkit menentang kerajaan ini, jangan harap Kerajaan Persekutuan. Bangkit negeri ini untuk menentukan masa depan negerinya. Sekian, terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang hendak bela abang apa ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Peraturan Mesyuarat 36(4) tadi saya kata "cermat dengan penggunaan perkataan". Saya tidak minta "minta maaf". Ini pakar putar belit di sana [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita faham, Tuan Yang di-Pertua, DAP daripada dahulu memang ada dasar Malaysian Malaysia macam mana PAP buat sekarang. Itu sebab dia berdiri membela Singapura, membela PAP.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian. Minta maaf, Pokok Sena.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Nanti sekejap, saya hendak habiskan ayat ini [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang ini mungkin Singapura sakit hati, iri hati dengan kejayaan Tanjung Pelepas, kejayaan Malaysia dan sakit hati di atas kemampuan Malaysia menarik ramai pelabur ke Johor. Hakikat harus diakui bahawa Johor mampu menyediakan tanah sehingga seluas 400 hektar bagi menempatkan operasi PTP, di mana kawasan sebesar itu tidak mampu dilakukan oleh Singapura. Malah kawasan pelabuhan Singapura yang sudah diperbesarkan juga menerusi penambakan tidak mampu lagi menampung permintaan demikian. Apakah kerana perkembangan ini Singapura harus bimbang kepentingan pelabuhan terjejas. Terbukti Johor dianggap sebagai persaingan membimbangkan.

PTP sudah menarik syarikat perkapalan kontena terbesar di dunia apabila "*Maersk-Sealand*" menjadikan pelabuhan itu sebagai pangkalan utama kegiatan mereka. Sebuah lagi syarikat perkapalan terkemuka, Evergreen Marine Corporation

dari Taiwan juga turut menjejak langkah "Maersk" dengan memindahkan operasi ke PTP. Banyak lagi syarikat perkapalan mungkin mengikut jejak langkah mereka ini. Kedudukan strategik PTP terbukti memberi kemudahan kepada pengimport dan pengekspor menjadikannya pintu masuk dan keluar bagi barangan mereka, ditambah dengan kadar caj yang kompetitif. Dan kita tahu menteri kanan Singapura, Lee Kuan Yew baru-baru ini pergi ke "Maersk-Sealand", pergi ke Evergreen di Taiwan untuk sabotaj perjanjian yang telah dimeterai antara PTP dengan kedua-dua syarikat ini. Inilah jiran yang tidak tahu menghargai jiran. Sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya daripada Bagan Datok. Memang kami pun mempunyai semangat patriotik dalam isu ini, kita tidak bertolak ansur. Saya pun berasa bersemangat kadang-kadang dengar ucapan Yang Berhormat bagi Bagan Datok yang begitu gagah nampaknya. Cuma saya kadang-kadang rasa agak keliru adakah betul ucapan itu datang dari satu keikhlasan hati yang betul-betul menggambarkan patriotik ataupun [Disampuk] - ianya begini, sebab Yang Berhormat ini ada sejarah. Sewaktu dia jadi Ketua Pemuda UMNO dahulu, ada isu dengan Singapura yang dia 'berdegardegar' bercakap, akhirnya dia minta maaf kepada Lee Kuan Yew [Tepuk] Dan hari ini diwarisi pula oleh Ketua Pemuda UMNO yang ada.

Rombongan Pemuda UMNO Barisan Nasional pergi ke Singapura dengan kenyataan yang cukup lemah, cukup lembik. Ini Pemuda UMNO, Pemuda Barisan Nasional. Jadi, jangan pula selepas ini di Dewan ini Yang Berhormat bagi Bagan Datok bercakap berdegardegar, kemudian seminggu selepas ini minta maaf ke Goh Choh Tong, minta maaf kepada Singapura. Ini sejarah. Kalau Yang Berhormat hendak nafi, saya tak tahu, silalah nafi, seantero dunia tahu [Ketawa]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, sejarah tidak boleh menafikan bahawa saya pernah jadi Ketua Pemuda UMNO. Sejarah juga tidak pernah menafikan Yang Berhormat sekarang ini jadi Ketua Pemuda PAS. Tetapi saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, saya tidak pernah satu zarah pun minta maaf dengan Kerajaan Singapura, tetapi media Singapura memutarbelitkan kenyataan itu. Dan.....[Disampuk] ini floor saya. Saya beritahu di Dewan yang mulia ini, Ketua Pengarang *New Straits Times* Singapura adalah bekas Pengarah Special Branch polis Singapura.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Oleh sebab itu, saya ingin beri amaran kepada Pemuda PAS melalui Ketua Pemudanya, kalau Ketua Pemuda PAS patriotik, sama-sama dengan Ketua Pemuda UMNO Malaysia pergi ke Tambak Johor buat sesuatu yang memperlihatkan patriotisme kita, barulah betul. Ini cakap di Dewan masuk lokap tiga empat hari keluar, selepas itu kata "saya telah jadi hero memperjuangkan syahid dan sebagainya." Jadi, itu perjuangan pondan, tak tahu hendak menghargai cara demokrasi yang sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Oleh yang demikian, saya fikir perkara-perkara ini harus diterima dengan baik, rasional sedikit.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu bukan baik?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Itu bukan baik. Itu...bahasa badan nampaknya tak baik. Duduk dahulu, *this is my floor!*

Beberapa Ahli: Duduk!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Jangan memutarbelitkan kenyataan. Jadi, dalam keadaan ini....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:kita minta Pemuda PAS melakukan sesuatu. Saya fikir Presidennya tentu restu kalau Pemuda PAS membela negaranya, memang itu yang dikehendaki oleh Islam.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kita mahu negara jiran kita makmur dan maju, tetapi negara jiran kita itu tidak boleh iri hati dengan kejayaan kita. Segala tindakan yang boleh menjejaskan hubungan Malaysia dengan Singapura perlu dielakkan. Saya mengucapkan syabas di atas ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menyuarakan hak ketidaksenangan Malaysia terhadap tindakan Singapura ini dan ini harus disokong oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak masuk bab air pula, air merupakan salah satu elemen utama kehidupan. Sejarah telah membuktikan air bukan sahaja pernah menyebabkan teretusnya konflik politik, malah perang antara negara kerana berebut kawasan bahan semula jadi itu atau bantahan kerana sistem alirannya pernah menjadi faktor terjadinya konflik. Dalam sejarah tercatat sekurang-kurangnya 20 krisis politik dan perang berpunca dari air atas perebutan kawasan bekalan air.

Mengikut catatan, pada tahun 1503 konflik ketenteraan teretus apabila pemerintah Piza merancang melencongkan Sungai Arno yang turut mengairi Florence. Antara konflik lain yang ada dengan kaitan air ialah Boswana dan Namibia, di antara Jordan dan Israel sewaktu Almarhum Al-Malik Hussein. Pada tahun 1898 pernah berlaku konflik yang melibatkan tiga negara iaitu Mesir, Perancis dan Britain apabila sekumpulan pengembara Perancis menguasai Sungai Nil Putih. Pada tahun 1947 berlaku konflik antara India dan Bangladesh berkaitan Sungai Ganges. Antara tahun 1999 hingga 2000 konflik membabitkan Namibia, Boswana dan Zambia berlaku berkaitan sempadan dan kawasan air di Pulau Sedudu, Kasikili dan Sungai Zambesi, Kobe. Kes ini dibicarakan di Mahkamah Antarabangsa sekarang.

Pada tahun 1997, terdapat cadangan supaya Malaysia menghentikan bekalan air jika Singapura terus mengeluarkan kenyataan mengkritikkan polisi Kuala Lumpur. Di Dewan yang mulia ini, kita ingin mengingatkan Singapura supaya jangan bermain api dengan Malaysia. Negara ini membekalkan lebih separuh keperluan bekalan air negara pulau berkenaan. Tanpa sungai atau tasik untuk menjadi punca bekalan air dan dikelilingi air masin pula, Singapura selagi ada bulan dan bintang terus berharap Malaysia dapat membekalkan air mentah berterusan ke negara berkenaan.

Air dari Sungai Skudai, Gunung Pulai dan Tebrau juga termasuk tadahan air Pontian telah membekalkan air ke Singapura buat kesekian kalinya. Namun, perjanjian bekalan air yang termeterai pada tahun 1991 akan tamat pada tahun 2061 turut menyaksikan karenah Singapura yang sering berdalih mengenai harga air. Seperti yang termeterai dalam perjanjian, Malaysia menerusi Johor membekalkan 350 juta gelen air mentah sehari ke Singapura dengan harga tiga sen setiap 1,000 gelen dan menjual balik air yang sudah dirawat ke Johor sebanyak 30 juta gelen pada harga 50 sen bagi setiap ribu gelen, sedangkan Hong Kong seperti disebutkan oleh Shah Alam tadi membeli air mentah dari tanah besar China dengan harga RM8.00 bagi setiap 1,000 gelen.

Secara kasarnya bermakna Singapura membelanjakan kira-kira RM1.05 bilion untuk membeli air mentah dan mendapat semula kira-kira RM1.85 bilion hasil jualan air yang dirawat. Malah dengan alasan menanggung kos operasi seperti infrastruktur, empangan, saluran paip, logi, peralatan dan operasi. Singapura enggan bersetuju apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta dinaikkan harga air per 60 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Di Dewan yang mulia ini, kita suka memberitahu Singapura bahawa rakyat Malaysia menganggap menjual air pada harga tiga sen dan membeli balik pada harga 50 sen satu perbuatan yang tidak masuk akal dan urusan niaga yang berat sebelah. Oleh sebab itu, Singapura sekurang-kurangnya perlu waras untuk menilai sama ada tiga sen, 45 sen atau 60 sen lebih mendatangkan manfaat dari pelbagai segi atau mungkin Malaysia terpaksa memulakan semula tawaran baru dengan meletakkan harga RM1.00.

Sebagai jiran yang rasional, rakyat Malaysia masih berharap krisis harga air mentah dapat diselesaikan segera dan tidak menjadi pencetus konflik politik atau lebih jauh lagi membawa kepada perang atau terpaksa diselesaikan oleh pihak yang ketiga. Dan kita menuntut supaya apabila harga air ini dikaji semula, kita menuntut supaya harga ini *dibackdate* mengikut harga yang ditentukan oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang kita hadapi dengan negara ialah masalah Pendatang Tanpa Izin (PTI). September lalu, Presiden Indonesia Megawati Sukarno Puteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Menekan butang mikrofon*] Buang masa Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Satu minit tolak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada sahabat saya Bagan Datok. Apa yang telah pun dinyatakan tadi memang sesuatu yang benar bahawa kita telah pun mengalami satu kerugian yang amat besar apabila dia membeli air mentah daripada Johor tiga sen, dia jual air yang telah pun diproses 50 sen bagi 1,000 gelen.

Mengikut ingatan saya, Singapura sudah pun melanggar perjanjian dalam hubungan air kerana air yang diambil daripada Johor ini sebenarnya ialah air yang hendak dibekalkan kepada penduduk, tetapi air yang diambil daripada Johor ini selepas diproses dijual kepada antaranya ialah kapal-kapal yang berlabuh di negara Singapura.

Dan penjualan air ini jauh berlipat ganda lebih mahal daripada harga biasa, saya difahamkan hingga ada, saya tidak berapa jelas tetapi hingga sampai S\$20, bukan RM20 untuk 1,000 gelen yang dijual kepada kapal-kapal dan antara pelabuhan yang terbesar di dunia ialah Singapura, maknanya ribuan kapal yang singgah di Singapura yang dibekalkan air oleh Singapura dan Singapura mendapat keuntungan yang besar.

Dalam hubungan air ini, saya menyokong sangat apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Bagan Datok supaya perundingan air ini saya rasa untuk yang lebih munasabah agaknya RM4.50 seratus gelen, kalau boleh harga itu diperjuangkan oleh Malaysia. Kerana Singapura menjual semula air kepada rakyatnya ialah S\$12 bagi seribu gelen, kita cuma menuntut RM4.50 sen, itu yang munasabah.

Kalau selain daripada harga itu, saya rasa tidak munasabah. Tetapi saya rasa, kalau Singapura tidak dapat memenuhi hasrat Malaysia dengan harga ini, kita tidak tahu bagaimana agaknya satu cara yang agak yang boleh diputuskan supaya Singapura akur dan patuh kepada harga yang kita tentukan dan kalau ini dapat jadi pulangan kepada kita, ia menjadi satu lagi pulangan yang akan menguntungkan negara kita dan air memang menjadi salah satu perkara yang terpenting dalam kehidupan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, soalan. Jadi, dalam hubungan ini, saya bersetuju dengan Bagan Datok supaya bayaran mesti dikira daripada masa yang dikebelakangkan (*backdated*). Dalam hubungan ini, saya rasa masa, Tuan Yang di-Pertua, pun faham agaknya, sepatutnya kita telah pun memulakan ataupun kita membuat perjanjian baru bagi konsesi yang daripada tahun 1961 hingga 2011 ini pada tahun 1984 atau 1986 begitu, jadi kalau harga perbezaan bayaran itu harus dimulakan daripada tahun 1984 atau tahun 1986.

Jadi, jangan kita menerima bayaran daripada waktu ditandatangani, mesti dibayar oleh Singapura waktu perjanjian itu harus dikaji dalam tahun 1984 ataupun 1986, saya kurang pasti, tetapi dalam tahun 1980-an saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Bagan Datok. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Singapura khususnya pemerintah, pemimpin-pemimpinnya sering menagih simpati dari masyarakat antarabangsa, hingga mereka mahukan pertolongan, hingga mereka memerlukan ihsan daripada kita pun dianggap kita salah kerana sifat tidak mahu mengalah ini.

Harga tiga sen bagi 1,000 gelen ini ialah pada tahun 1961, ketika itu Singapura masih berada dalam Malaysia. Kita mempunyai sifat, orang Melayu ini sifat kita, sifat rendah diri, sifat mahu mengalah, sifat pentingkan jiran. Tetapi jiran seperti mereka itu tidak tahu menghargai kebaikan jiran seperti kita.

Apabila Malaysia merundingkan semula dua kali diadakan perundingan untuk menentukan harga air, mereka memberikan pelbagai alasan, mereka memainkan, dengan izin, *delaying tactic*, kerana mereka tahu mereka akan kalah jika dibawa ke majlis apa pun, dibawa ke mahkamah apa pun, hingga ke Mahkamah Antarabangsa, pastilah bahawa kemunasabahan dari segi *economic value*, dari segi nilai ekonominya memang Singapura harus membayar harga air dengan harga yang ditentukan oleh Malaysia.

Mereka telah cuba mendapatkan air daripada Indonesia, jelas bahawa kos pengangkutannya lebih mahal. Mereka cuba mendapatkan kepakaran daripada Arab Saudi dan negara-negara yang telah menapis air daripada air laut, air masin, jelas bahawa kosnya lebih tinggi.

Jadi, mereka tidak ada pilihan. Pilihannya hanya mendapatkan air daripada Malaysia. Oleh sebab itu, kita bukan mahu menekan jiran, tetapi jiran harus faham bahawa harga yang tidak masuk akal itu harus dikaji semula. Saya bersetuju sangat dengan cadangan Sri Gading agar harga itu *dibackdate* daripada seawal perjanjian itu dilakukan pada tahun 1981 supaya harga itu menjadi lebih munasabah.

Oleh yang demikian, kita harapkan mesej ini sampai ke Singapura. Tidak sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pemuda PAS seolah-olah kita tidak ada saluran untuk sampai. Saya fikir ada ejen-ejen di sini, ada pemberita-pemberita di sini yang datang daripada sana yang menyatakan ucapan kita pada hari ini dan insya Allah dalam media malam ini atau esok kita akan lihat bahawa keprihatinan kita terhadap permasalahan yang dibangkitkan oleh Singapura ini harus diberikan perhatian oleh kita, tanpa mengira sebarang parti yang kita pegang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman, Larut dan Pokok Sena.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Silakan Larut dahulu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita bersetujulah. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Bagan Datok, adakah Singapura ini terlalu berani sangat, walaupun mereka tahu kesilapan mereka. Disebabkan ada dalang-dalang, konco-konco dalam negara kita ini tidak kiralah termasuk pembangkang, yang bersubahat, bersekongkol dengan mereka seolah-olah memberi gambaran, jangan tunduk sebarang tekanan dan ini menyebabkan mereka tidak mengindahkan apa juga tindakan rundingan pihak Singapura dengan Malaysia.

Minta sedikit pandangan supaya perkara ini dapat diperjelaskan kerana kita tahu pembangkang ini berpura-pura, mereka selalu main sandiwara. Minta sedikit pandangan daripada Ahli Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, pendapat Larut ada kebenarannya kerana kita saksikan sendiri bagaimana Kota Melaka tadi bersandiwara, bila disentuh sahaja Singapura, dia melenting buat Standing Order seolah-olah tidak bersetuju dengan kita, bersetuju dengan PAP, memang ideologinya memang ikut PAP.

Ya, sila Sri Aman.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kawan saya bagi Bagan Datok. Saya ingin tahu bersetujukah atau tidak Yang Berhormat bagi Bagan Datok, kalau kita menyeru Kerajaan Negeri Johor dan juga Kerajaan Persekutuan supaya mulai dari sekarang membuat satu persediaan yang rapi supaya semua pembekalan air untuk negeri Johor tidak bergantung kepada pembekalan dari Singapura supaya pada satu hari nanti kita boleh mengatakan kepada Singapura terima kasih, kita tidak perlukan air dari kamu lagi dan selepas itu kalau mereka tidak mahu berunding dengan cara yang halus, kita bolehlah menggunakan cara-cara yang lain supaya mereka memberi kita satu penyelesaian yang menguntungkan kita dan bukan merugikan kita seperti yang ada sekarang.

Oleh kerana keadaan yang ada sekarang, masyarakat saya orang Iban ada mengatakan itu adalah cara dagangan 'apai saloi'. 'Apai saloi' ini bila dia menjual buah betik yang besar, dia jual 5 sen, yang kecil dia mahu jual 20 sen. Macam mana pendapat Yang Berhormat bagi Bagan Datok?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, 'apai saloi' ini saya baru belajar hari ini. Mungkin Kota Samarahan bersetuju memang itu yang berlaku dengan Singapura selama ini. Memang dari segi perangkaan yang telah saya sebutkan tadi, mereka membeli air dengan harga RM1.05 bilion setakat ini. Mereka menjual balik ke Johor dengan harga RM1.85 bilion. Ertinya, mereka berkeuntungan RM800 juta, air kita punya, dia tapis di bumi Johor, bukan ditapis di Singapura. Mereka ada pengawal sendiri di *reservoir*, di tempat tadahan itu, di Skudai.

Jadi, saya fikir tidak munasabahlah. Jadi, saya bersetuju dengan Sri Aman, saya bersetuju dengan Sri Gading, saya bersetuju dengan Larut, saya bersetuju supaya kemunasabahan harga ini harus ditentukan semula. Sebab, sepatutnya kalau Singapura mahu menapis air yang dibawa daripada Malaysia, tapis di pulau mereka, jangan tapis di Sekudai lagi, jangan ditapis di Malaysia, bumi kita kedaulatan kita, hak kita menentukan. Apa benda yang kita mahukan ini di bumi kita, jadi tidak perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya beri Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah banyak kali sebut dalam Dewan ini bahawa pemimpin dan ahli DAP adalah rakyat Malaysia dan kita sanggup berkorban untuk negara kita ini, jangan sekali-kali menyoalkan ketaatsetiaan parti kita. Tetapi saya rasa sungguh memalukan apabila orang UMNO ini bila dia membincangkan isu berkenaan dengan Singapura, cara yang membimbangkan saya dahulu ada seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional menyifatkan Lee Kuan Yew telah nyanyuk, ada seorang Sri Gading mengatakan bahawa Lee Kuan Yew belum tahu dua perkara, iaitu belum tahu mati dan belum tahu peperangan. Saya rasa cara - saya sanggup menyokong fakta yang baik.

Saya puji kerajaan telah dengan cara yang baik cuba merunding dengan Singapura, tetapi apabila kita membantah cara yang mereka berucap itu, mereka menyoalkan soalan patriotik. Kalau apa yang dikatakan oleh Bagan Datok dapat dilaporkan di seluruh dunia, saya rasa orang akan merasakan Ahli Parlimen kita tidak ada standard, itu yang saya hendak mengutarakan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, saya harap kawan saya ini boleh ambil perhatian, jangan lagi putarbelitkan apa yang saya katakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir lagi rendah standard Kota Melaka bila bercakap macam itu. Sebab kita memperkatakan sesuatu yang harus dipandang melalui fakta yang ada di hadapan kita dan fakta-fakta ini kita garap kerana kita mahu bahawa Singapura sedar bahawa sumber bahan asli yang datang daripada negara kita, atas kesedaran kita untuk membantu jiran walaupun hampir setengah abad yang lalu, kita merasakan bahawa budi baik kita ini harus dibalas, itu sahaja maksudnya.

Apa yang dibangkitkan oleh Larut, apa yang dibangkitkan oleh Tebrau, oleh Sri Gading, oleh Sri Aman dan sebagainya hanya manifestasi 'kefrustratan' yang diperlihatkan atas keangkuhan yang diperlihatkan oleh Singapura, itu sahaja, tidak lebih daripada itu.

Kita tidak mahu prasangka buruk terus berlaku. Kita memerlukan mereka dan mereka memerlukan kita. Tetapi satu-satu masalah diperbangkitkan. Satu-satu isu dibangkitkan, apabila pemimpin kita pergi ke sana, seolah-olah mereka mengatakan, oh perkara itu sudah selesai. Apabila pemimpin mereka datang ke sini, mereka mengatakan, perkara itu telah selesai. Tidak ada penyelesaian kalau tidak ada isu-isu itu dibangkitkan, ini apabila perundingan diadakan, isu-isu baru dibangkitkan ertinya tidak pernah selesai perkara-perkara itu.

Umpamanya, perkara-perkara yang dirundingkan di Malaysia yang tidak pun dipersetujui oleh pemimpin kita, apabila mereka pulang ke Singapura, mereka memanggil sidang akhbar mengatakan pemimpin Malaysia telah bersetuju, itu, ini dan sebagainya, seolah-olah mahu memaksa pemimpin kita bersetuju walaupun perkara itu tidak pernah dipersetujukan, perkara itu tidak pernah dibincangkan sekali pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukuplah. Yang Berhormat boleh sambung balik petang ini.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih. Terima kasih ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat disambung semula. Saya menjemput Yang Berhormat Bagan Datok, sila sambung.

2.32 ptg.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang menyambung ucapan ini. Pagi tadi kita banyak membicarakan tentang masalah pembekalan air khususnya air mentah ke Singapura di mana kita membeli semula air yang telah dirawat, air yang telah ditapis dengan harga yang mahal dan ini menyebabkan Singapura memperolehi keuntungan dari transaksi ataupun urusaniaga yang dijalankan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya bagi Bagan Datok. Berkaitan dengan isu penjualan air ke Singapura ini dan kita juga rasa bahawa ini merupakan suatu keadaan yang tidak selesa kepada negara kita apabila dilihat bahawa Kerajaan Singapura mengambil kesempatan atas jualan harga murah yang dibuat oleh kerajaan kita berdasarkan kepada perjanjian, sedangkan dalam masa yang sama kita sendiri menghadapi krisis air dalam negara kita seperti mana yang digambarkan dalam akhbar hari ini, 'gangguan bekalan air berlarutan di Lembah Kelang'. Menteri Kerja Raya mengatakan bahawa mesti bersiap sedia untuk menghadapi catuan air sedangkan dalam masa yang sama negara Singapura mendapat bekalan air yang cukup dan dengan harga yang begitu murah, dan ini sepatutnya tidak sewajarnya berlaku.

Tetapi walau bagaimanapun, bagi saya bahawa ini menunjukkan disebabkan oleh perjanjian yang telah dibuat antara kerajaan negara kita baik kerajaan negeri mahupun Kerajaan Persekutuan dengan Singapura sejak dari tahun 1961 dan ini tidak boleh dinafikan. Dan sebab itu adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sepatutnya kerajaan membenteng di Dewan ini rupa bentuk perjanjian, kita pun hendak tahu juga, dan Ahli-ahli Parlimen kita hendak tahu macam mana rupa bentuk perjanjian dan macam mana perjanjian itu boleh berlaku sedemikian rupa.

Saya minta dari Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ianya sepatutnya dikemukakan di Parlimen ini supaya kita sama-sama untuk mencari jalan bagaimana percambahan pandangan minda untuk mengatasi masalah krisis air yang boleh membawa kesan yang buruk. Sebab bagi saya kalau berdasarkan kepada kenyataan yang dibuat oleh bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia bahawa ianya boleh mengundang kepada keadaan peperangan antara Singapura dan juga Malaysia dalam menghadapi krisis air ini.

Tetapi kita lihat bahawa kerajaan agak begitu, bagi sayalah bahawa tidak begitu cepat untuk menangani persoalan ini yang sudah pun berlarutan sekian lama dan tidak memberikan penekanan yang lebih keras kepada Singapura sedangkan dalam masa yang sama sebelum ini kerajaan boleh *bulldoze* perjanjian dengan Kerajaan Negeri Terengganu dalam hal yang berkaitan dengan royalti minyak umpamanya. Tetapi sedangkan ini merupakan kepentingan nasional, kepentingan ramai yang sepatutnya kerajaan lebih agresif dalam mencari jalan untuk mengatasi perjanjian jual beli air dengan Kerajaan Singapura.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, cadangan oleh Yang Berhormat tadi mungkin boleh dibuat dalam bentuk usul yang boleh dibentangkan di

Dewan ini untuk membawa perkara perjanjian ini supaya diwacanakan, diadakan perdebatan di Dewan yang mulia ini. Tetapi saya ingin mengimbau kepada perjanjian yang telah dibuat pada tahun 1961 di mana kita harus ingat bahawa ketika itu Singapura masih berada di dalam Persekutuan Malaysia.

Oleh sebab itu, mungkin perjanjian itu agak longgar kerana semangat kekitaan yang ada pada ketika itu, tetapi dengan semangat 'kiasu' yang terus diterjemahkan oleh rakyat Singapura terutama pemimpin-pemimpinnya, jadi keihsanan kita itu dibalas dengan sesuatu yang tidak menggembirakan kita. Kita berikan susu mereka memberikan tuba. Jadi keadaan ini harus diambil perhatian oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini agar perkara ini, perjanjian yang dibuat pada tahun 1961 ini antara Kerajaan Negeri Johor ketika itu dengan Singapura yang kemudiannya diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, harus kita Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat mengambil bahagian untuk menyatakan bahawa kita prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang kita hadapi dengan negara jiran kita ialah masalah pendatang tanpa izin. September tahun lalu, Presiden Indonesia Megawati Sukarno Puteri dalam pertemuan dengan rakyat negara itu di kedutaannya di Kuala Lumpur mengakui ada lebih 1.5 juta rakyat Indonesia di negara ini. Menurut Jabatan Imigresen Malaysia hanya terdapat kira-kira 550,000 orang sahaja pekerja Indonesia yang bekerja secara sah di negara ini. Perangkaan ini turut diakui kebenarannya oleh Warmas Hassan Saputra, Menteri dan juga Timbalan Ketua Misi Kedutaan Indonesia. Saya terpaksa sebut, 'qalqalah qubranya', sebab nama Jawa. Benar, Malaysia memerlukan pekerja asing untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di pelbagai sektor.

Ia bukan kelonggaran buat mereka serta pendatang tanpa izin mempersendakan undang-undang Malaysia. Pelbagai karenah terpaksa kita hadapi seperti penerokaan tanah haram, pertumbuhan kawasan setinggan, kadar jenayah di kalangan mereka yang cukup-cukup meningkat tinggi dan mereka juga sanggup melakukan rusuhan di tempat tahanan. Mungkin cara inilah yang merupakan cara mereka mengucapkan terima kasih di atas budi baik kita rakyat Malaysia yang selama ini membantu mereka.

Ketika Malaysia bersungguh-sungguh membendung kemasukan pendatang tanpa izin, negara asal pendatang itu sendiri nampak seperti bersikap lepas tangan. Ada pihak tertentu di Indonesia menyalahkan Malaysia kononnya sistem kawalan keselamatan kita kurang berkesan hingga menyebabkan pendatang tanpa izin Indonesia dengan mudah bolos memasuki negara ini. Akibatnya Malaysia terpaksa menangani kebanjiran pendatang tanpa izin yang tidak berkesudahan. Kerana itu, apa juga tindakan Malaysia dalam menangani masalah ini termasuk pengambilan pekerja Indonesia sebagai pilihan terakhir hendaklah dihormati dan tidak dipertikaikan.

Kita menghargai cadangan yang dibuat oleh Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Kepulauan Riau, Ande Anharchaled supaya pemerintah Indonesia menutup kem penampungan tidak berlesen. Kegiatan tekong dan calo juga harus dipantau. Pasport terhad hendaklah diperkenalkan supaya mereka ini tidak tinggal melebihi tempoh waktu yang dibenarkan. Setiap orang yang memohon kerja di Malaysia perlu menjalani tapisan terlebih dahulu. Setiap pekerja Indonesia yang ingin memasuki negara ini harus dilatih terlebih dahulu dan diletakkan dalam sektor pekerjaan yang sesuai sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat tidak mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Negara Indonesia di Bali baru-baru ini di satu persidangan antarabangsa yang turut dihadiri oleh Menteri Luar kita. Secara sinis Presiden Megawati Sukarno Puteri menegaskan bahawa terdapat sebuah negara yang tidak sabar dalam menangani permasalahan penyeludupan manusia. Walaupun tanpa menyebut secara *specific* tindakan Malaysia, sebagai sebuah negara jiran kita turut terasa dengan sindiran itu.

Walaupun saya yakin kenyataan itu tidak hanya ditujukan kepada kita, mungkin itulah cara berterima kasih yang telah dilontarkan oleh pemimpin negara itu. Maka tidak hairanlah jika rakyatnya di negara ini melakukan pelbagai karenah kebejatan sosial dan kebobrokan perilaku apabila berada di negara orang kerana Presidennya juga bersikap demikian.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sejak negara mencapai kemerdekaan, usaha membantu penduduk termiskin tidak pernah diabaikan. Malah pembangunan penduduk termiskin sentiasa menjadi agenda utama dalam program kerajaan demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya. Soal pendatang asing ini, saya bersependapat dengan Yang Berhormat bahawa negara-negara jiran kita ini agak tidak tahu berterima kasih. Tetapi dalam masa yang sama dalam kita menghadapi karenah pendatang-pendatang asing khususnya pendatang tanpa izin ini, kita juga harus melihat kepada persoalan dalaman dalam negara kita. Kadang-kadang keadaan itu boleh berlaku kerana institusi-institusi yang terlibat dalam penguatkuasaan pencegahan ini tidak bertindak dari awal yang menyebabkan kebanjiran pendatang-pendatang asing sehingga mereka terlibat dalam menduduki tanah-tanah yang dimiliki oleh negara kita, yang dimiliki oleh kerajaan dengan dijadikan sebagai satu perkampungan dan sekarang ini baru nampak kita hendak bertindak.

Tadi pun kita lihat kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri yang juga Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa tindakan-tindakan itu tindakan yang tidak berterusan, tindakan-tindakan yang bersifat bermusim. Jadi ini menyebabkan masalah kebanjiran pendatang-pendatang tanpa izin ini berlaku.

Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat bahawa baru-baru ini kita mendengar beberapa kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin dalam negara kita, Menteri-menteri, umpamanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri daripada Jelebu yang menyebut bahawa terlibat dalam penguatkuasaan di pihak berkuasa tempatan ini yang terlibat dalam amalan rasuah yang menyebabkan pendatang tanpa izin ini boleh melakukan apa sahaja khususnya dalam konteks menduduki tempat-tempat ataupun tanah-tanah yang dimiliki oleh kerajaan.

Kemudian Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator kita pun menyatakan bahawa ada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang telah memberikan surat persetujuan untuk membenarkan pendatang-pendatang tanpa izin ini menduduki tanah-tanah yang dimiliki oleh kerajaan, ini menunjukkan kenyataan yang dibuat oleh mereka yang berada di dalam pentadbiran kerajaan.

Baru-baru ini juga kenyataan yang dibuat oleh orang yang disebut iaitu Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Kumpulan Riau, Ande Anharchaled menyatakan bahawa penguatkuasaan Malaysia rasuah. Kita tidak tahu sama ada kenyataan ini betul ataupun tidak, tetapi yang penting sekarang ini ialah kerajaan seharusnya lebih serius dalam bertindak untuk mencegah amalan-amalan rasuah yang berlaku dalam negara kita. Ini tidak boleh dinafikan dengan kenyataan perakuan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga yang dibuat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebab itu saya minta supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ada bukti seharusnya mengemukakan bukti itu di Dewan ini, kepada BPR ataupun kepada pihak polis. Oleh sebab itu, bagi saya adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa persoalan ini merupakan persoalan yang berkaitan dengan penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan kita serius, tindakan yang berterusan dibuat dan memastikan umpamanya kalau buruh-buruh pendatang tanpa izin yang terlibat dalam buruh binaan, khususnya di tempat-tempat pembinaan bangunan-bangunan yang dimiliki oleh kerajaan. Kalau mereka didapati mengambil pekerja-pekerja asing tanpa izin, seharusnya kontrak tersebut mestilah dibatalkan.

Saya tunjukkan contoh, Hospital Besar Alor Setar yang baru bersebelahan dengan rumah saya sedang dibina dan sebahagian besar pekerja-pekerjanya ialah pendatang tanpa izin. Malam-malam pendatang tanpa izin ini tidur di bawah *high-way*, tidur dalam kawasan bendang kerana takut nanti pegawai Imigresen ataupun polis membuat serbuan. Sedangkan sepatutnya kalau serbuan itu hendak dibuat pihak polis ataupun Imigresen boleh membuat serbuan itu pada siang hari di waktu mereka bekerja

barulah boleh mengetahui sama ada mereka itu pendatang tanpa izin ataupun tidak. Kalau didapati mereka di tempat dan di waktu mereka bekerja, maka kontraktor tersebut mestilah diambil tindakan. Tetapi malang sekarang ini walaupun *report* dibuat oleh penduduk-penduduk sekitar itu, tidak ada serbuan yang dibuat di tapak projek hospital baru Alor Setar di Jalan Langgar.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, bukan soal penguatkuasaan sahaja tetapi soal kesedaran rakyat keseluruhannya terhadap pendatang-pendatang tanpa izin ini. Rakyat harus mengubah minda dan mengubah sikap. Kenapa mereka datang ke sini? Kerana ada peluang pekerjaan. Kenapa semut datang, kerana ada gula. Begitu juga dengan pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia itu.

Soalnya, tenaga kerja yang ada di Malaysia tidak mahu menjalankan kerja-kerja yang dijalankan oleh pendatang-pendatang tanpa izin. Cuba kalau rakyat Malaysia menukar minda dengan mendapat latihan keterampilan dan kemahiran dalam bidang yang mereka ceburi, saya fikir mereka tidak akan datang.

Soal kerajaan boleh menguatkuasakan. Undang-undang boleh dilaksanakan, tetapi kalau tidak ada kerjasama daripada rakyat keseluruhannya terutama pembangkang, maka perkara-perkara seperti ini tidak boleh diatasi. Oleh sebab itu kerjasama semua pihak adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya ini

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan dah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Bagan Datok. Cerita pendatang tanpa izin ini cerita yang dibualkan di mana-mana malahan sebenarnya datang ke Malaysia ini menjadi salah satu daripada perkara yang diberikan suatu galakan di Indonesia.

Sebab mereka datang kerana kesusahan dalam negara mereka. Soal pekerjaan yang tidak ada, soal makan dan minum, soal kehidupan. Bagi rakyat Indonesia, minta maaf saya untuk menerangkan di sini, datang ke Malaysia ini seperti datang ke syurga. Kalau kena tangkap pun sebenarnya dia tidak susah. Dia ada makanan, kalau dia sakit dalam tahanan, doktor ada, lepas itu dihantar dengan naik bas *air conditioned*, hantar ke pelabuhan, hantar dengan hormat, kita buat satu yang tidak menggambarkan kesusahan kepada mereka. Jadi mereka memperjudikan nasib mereka, kalau kena tangkap pun masih selamat.

Sebab itu ratusan ribu pekerja-pekerja yang ingin datang ke Malaysia ini seperti yang di Pulau Karimun, Tanjung Pinang, Pulau Batam, Selat Panjang, dia berbaris panjang dan menunggu peluang sahaja. Bila peluang-peluang terbuka untuk mereka datang ke mari. Jadi saya setuju dengan Bagan Datok, sebenarnya, bukan penguat kuasa sahaja yang harus ada dalam negara kita untuk membendung kebanjiran pendatang asing ini malahan sebenarnya ialah kerjasama daripada semua pihak.

Kerjasama inilah yang saya lihat tidak dizahirkan secara bersungguh-sungguh oleh rakyat negara ini. Seperti saya nyatakan dalam soalan saya tadi, kadang-kadang memang syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang ia memang hendakkan pekerja asing ini kerana pekerja asing ini akan dibayar dengan gaji yang lebih murah berbanding dengan pekerja-pekerja daripada negara sendiri.

Apa yang kita kesalkan, kalau ada berlaku jenayah seperti yang berlaku di Nilai umpamanya. Saya berbual dengan orang Indonesia sendiri yang datang ke rumah saya, sebenarnya ada kaitan keluarga dengan saya. Dia kata, bapak kalau itu berlaku, dia menceritakan di Nilai yang 500 orang yang merosakkan, yang merusuh yang menjahanamkan kereta polis dan sebagainya. Dia berkata, kalaulah misalan berlaku perkara itu di Indonesia. Misalan yang merusuh itu umpamanya pekerja-pekerja Malaysia di Indonesia. Hooi!....., dia kata kalau itu berlaku di Indonesia dengan mengibarkan bendera Malaysia di Indonesia, sudah pasti M16 akan menemui mereka.

Ha, itu kalau di sana. Bagaimana mengibarkan bendera, saya difahamkan bendera Kedutaan kita pun hendak dikibarkan di luar daripada daripada kawasan Kedutaan kita pun tidak boleh. Malahan kita kena menyambut 31 Ogos itu di dalam kawasan kita. Tetapi di sini dia kibarkan bendera dan kita begitu lembut dan ini menarik kepada orang-orang Indonesia bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang begitu lunak undang-undangnya.

Jadi dalam hal begini, kita begini kerana kita hendak menjaga hati sanubari jiran tetangga kita, supaya kita dilihat sebagai tidak berperikemanusiaan maka itu antara cara hendak kita membendung ialah melalui kerjasama daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Saya mintalah janganlah masing-masing hendak meminta penjelasan, memberi ucapan pula yang panjang. Kita ada hanya empat hari sahaja. Jadi biarlah yang berucap itu berucap dan bertanya kepadanya yang patut. Janganlah bertanya kepada perkara-perkara yang patut dijawab oleh menteri. Ya, sila teruskan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tun, saya bersetuju dengan Tun. Tetapi kalau saya tak bagi kepada kawan-kawan ini, kecil hati, Tun. Jadi macam orang Indonesia juga kita datang, tak layan, kecil hati Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Jadi berbalik dengan Sri Gading, tenaga kerja Indonesia atau pun TKI ini memang mereka memberikan masalah kepada kita. Kemudian masalah mereka, mereka serahkan kepada kita seolah-olah tanggungjawab kita menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Seolah-olah negara kita ini sebahagian daripada hak mereka.

Dari segi hubungan diplomatik, memang bendera sesebuah negara itu tidak diizinkan dikibarkan, kecuali di perkarangan kedutaan atau pejabat Pesuruhjaya Tinggi masing-masing dan kita sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersyukur sebagai rakyat negara ini, kerana kita tidak perlu berhijrah ke negara lain untuk cari makan. Oleh sebab itu jangan buat kebejatan di negara kita.

Dah kita ada sistem demokrasi yang baik, dah kita ada sistem berkerajaan yang baik dan pihak pembangkang diberi peluang, jangan timbulkan perkara-perkara yang tidak-tidak. Kalau hendak jadi nasib macam Indonesia, itu sebabnya. Jadilah TKM pula 'tenaga kerja Malaysia' yang pergi dekat sana.

Tuan Yang di-Pertua, malah kita lihat bahawa ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan dalam tahun 1971, 49.3% rakyat Semenanjung berada dalam kemiskinan. Dari jumlah itu, 85% adalah penduduk luar bandar. Selepas tamat tempoh DEB, kadar kemiskinan mutlak rakyat Malaysia turun kepada 1.5% pada tahun 1990.

Melalui usaha gigih kerajaan untuk melepaskan rakyat dari belenggu kemiskinan, kadar itu turun kepada 8.9% pada tahun 1995 dan 6.1% pada tahun 1997. Insyallah pada tahun 2005, kadar kemiskinan akan dikurangkan pada 0.5%.

Kini wujud desakan agar takrif keluarga miskin dikaji semula. Pada hemat saya, kerajaan seharusnya mentakrifkan keluarga termiskin berdasarkan taraf hidup rakyat pada hari ini. Memang pendapatan RM230 atau kurang sebelumnya sesuai untuk ditakrif sebagai keluarga termiskin tetapi dengan peningkatan taraf hidup di negara ini, kadar pendapatan sedemikian tidak lagi sesuai. Malah ada juga rakyat yang berpendapatan RM500 sebulan tetapi masih hidup dalam serba kekurangan dan tidak mampu menghantar anak ke sekolah. Namun sekalipun dianggap miskin mereka tidak layak untuk menerima bantuan berikutan syarat yang dikenakan mesti berpendapatan kurang daripada RM460 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kerajaan yang prihatin kepada permasalahan seperti ini dan bagi mengelakkan pembangkang mengambil kesempatan membuat tuduhan melulu, saya menyarankan agar kadar garis kemiskinan dapat ditakrifkan semula. Garis kemiskinan pada kadar kemiskinan nasional hendaklah dibuat mengikut kategori baru. Sewajarnya pengukuran kadar kemiskinan pada masa depan mengambil kira petempatan golongan ini iaitu golongan luar bandar, bandar atau bandar raya kerana kos sara hidup yang berbeza-beza.

Dengan cara itu, apa jua bantuan dapat dimanfaatkan lebih ramai tanpa terikat kepada garis kemiskinan yang mungkin tidak lagi bersesuaian. Saya amat bersetuju dengan strategi kerajaan dalam menangani masalah kemiskinan turut berubah mengikut keperluan semasa. Kini program pembasmian kemiskinan mempunyai sasaran lebih khusus bagi menangani masalah kelompok kecil miskin terutama di kawasan pedalaman terpencil.

Saya sentiasa mengharapkan tumpuan turut diberikan terhadap keperluan Orang Asli dan golongan minoriti bumiputera lain di Sabah dan Sarawak selain daripada golongan termiskin yang sedia ada. Kita maklum, kerajaan mempergiatkan usaha bagi memastikan golongan miskin dan berpendapatan rendah dapat manfaat daripada langkah yang dilaksanakan dalam bidang pendidikan, perkhidmatan kesihatan, perumahan dan penyediaan kemudahan awam yang berkualiti.

Mekanisme yang ada bagi menangani masalah kemiskinan sebenarnya amat menyeluruh. Dengan pelbagai bantuan disediakan sama ada menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Amanah Ikhtiar Malaysia atau institusi zakat, sebenarnya kerajaan amat prihatin dan serius membuat pembelaan terhadap golongan daif ini. Apa yang saya harapkan agar tidak terdapat lagi muatan berita yang sarat di dada-dada akhbar terhadap kedaifan yang mereka alami.

Tuan Yang di-Pertua, gejala sosial di tanah rancangan FELDA memang sudah lama wujud. Daripada keseluruhan kes jenayah membabitkan masyarakat FELDA yang dilaporkan, 61.5% berkait dengan penagihan dadah. 16.8% berkaitan dengan pengedaran dadah serta 6.5% berkaitan dengan perlumbaan haram khususnya motosikal haram.

Jenayah lain ialah sumbang mahram dan rogol kira-kira 5.7%. Manakala 4.8% lagi terlibat dengan kegiatan judi dan lain-lain jenayah termasuk salah laku, 4.5%. Antara faktor gejala sosial dikatakan banyak berlaku di kawasan FELDA kerana jumlah penduduknya yang ramai dan kebanyakannya tinggal setempat. Sesetengah rancangan mempunyai 400 hingga 500 keluarga. Generasi kedua dan ketiga iaitu anak peneroka mewakili lebih separuh masyarakat FELDA.

Kajian yang dijalankan sejauh ini mendapati punca gejala berkenaan semakin ketara akhir-akhir ini berkait rapat dengan masalah ekonomi apabila harga komoditi rendah. Sebagai sebuah agensi yang diwujudkan oleh kerajaan untuk memajukan tanah dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berpatah balik tadi Yang Berhormat Datuk, menyebut PPRT. Datuk tadi mempersoalkan dan memberi cadangan-cadangan yang begitu baik mengenai rakyat termiskin.

Saya ingin mendapat pandangan Datuk, masalah yang berbangkit di kalangan ibu tunggal. Banyak kalangan pemimpin dan juga masyarakat melihat bahawa ibu tunggal ini harus dibela tetapi saya tidak melihat satu pembelaan yang jelas kepada ibu tunggal. Kalau kita lihat dari segi pendapatan, mungkin itu satu kriteria. Kita melihat kepada masalah rakyat termiskin. Tetapi ibu tunggal adalah merupakan seorang wanita yang membesarkan anak-anak dan juga menanggung keluarga.

Dia miskin dari segi tenaga, untuk membantu beliau untuk membangunkan keluarga. Tidakkah dalam PPRT ini juga harus diberi perhatian mengenai ibu tunggal supaya diberikan satu keutamaan kepada mereka ini untuk mendapatkan bantuan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin kerana saya percaya ramai juga antara ibu tunggal yang tidak berdaftar dengan Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi memang ada kebenarannya kerana ibu tunggal ini kerap kali terpinggir dari segi bantuan berbanding dengan ketua keluarga ataupun

dengan izin, *head of the family* ataupun *household* diberikan mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya setuju PPRT ini dapat diberikan pertimbangan kepada mereka tetapi mengikut kaedah Islam, kalau ibu tunggal lebih ramai kena cari suami-suami baru yang telah ada isteri yang sedia ada. Jadi Yang Berhormat bagi Rompin, saya berbincang dengan beliau, beliau bukan takut isteri tetapi isteri tak takut beliau. Jadi beliau tidak tambah cawangan. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini keperihatinan secara khusus, secara yang serius harus dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat agar kategori-kategori yang saya sebutkan dapat diberikan pertimbangan.

Berbalik dalam soal FELDA tadi, saya menyebutkan FELDA sebagai sebuah agensi yang diwujudkan oleh kerajaan untuk memajukan tanah dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Saya yakin, tentunya FELDA tidak terpesong dari matlamat sebenarnya dan tidak berhasrat membuat keuntungan semata-mata. Pada hemat saya, pengurusan FELDA harus juga memberikan tumpuan kepada tanggungjawab sosial mereka khususnya kepada generasi kedua dan ketiga.

Semua pihak harus berganding bahu membantu mengatasi masalah ini. Kita tidak mahu ada pihak yang menanggung di air keroh dengan keadaan ini dan mengeksploitasikannya....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis: [*Bangun*]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:untuk kepentingan politik dan memporak-perandakan komuniti FELDA keseluruhannya. Sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato Mohd. Jarjis: Terima kasih Bagan Datok yang memberikan satu ucapan yang sungguh baik di Dewan yang mulia ini. Satu perkara yang ingin saya bertanya dan mendapat penjelasan kepada Dato' Bagan Datok, berkaitan isu FELDA, adakah Bagan Datok menghayati bahawa dalam FELDA ini kira-kira ladangnya semua sekali, hartanah di bawahnya adalah lebih 100,000 hektar. 50,000 hektar itu ialah untuk yang ada peneroka-peneroka, separuh laginya adalah mempunyai ladang. Bermakna FELDA mempunyai satu pendapatan yang besar, dengan ladang-ladang ini pada suatu ketika dengan harga yang baik, saya difahamkan keuntungannya lebih satu bilion satu tahun daripada ladang-ladang yang tidak ada peneroka.

Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan bahawa FELDA gunakan dana yang besar ini, untuk mengalih ke satu kaedah yang baru, satu *paradigm* yang baru iaitu bukan sekadar hanya memberi prasarana untuk peneroka itu seperti rumah, adakan tanam semula tetapi lebih dari itu. Pada generasi yang kedua adakan industri hiliran, bangun bandar baru, industri-industri baru, supaya menampung generasi yang kedua. Adakah Yang Berhormat sedar kita difahamkan ada fungsi baru di FELDA sana, bahawa pengurusan kena ada satu lonjakan atau *paradigm* yang baru melihat tentang perkara-perkara baru sebahagiannya disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang masalah sosial, seperti yang dikatakan adakah FELDA perlu mengambil satu anjakan baru atau *paradigm* baru dengan memikirkan satu kaedah-kaedah baru.

Apa yang dibuat sekarang ini semuanya adalah ilham oleh YAB Allahyarham Tun Razak diteruskan pelaksanaannya, idea yang lama, yang baik, sejarah membuktikan ia berjaya, tetapi kita tidak boleh hidup dengan hanya dengan kecemerlangan yang dahulu. Kita perlu satu anjakan yang baru terutama sekali menghadapi perkara-perkara baru seperti gejala sosial seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya minta sedikit pandangan Bagan Datok.

Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi: Rompin sebagai wakil rakyat yang mewakili sebahagian besarnya peneroka-peneroka FELDA. Memang saya ikut beliau sendiri, beliau cukup prihatin di kawasan berkenaan. Itu sebab beliau dah tiga penggal di Dewan Rakyat ini, malangnya belum naik pangkat lagi [*Ketawa*]

Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato Mohd. Jarjis:rosak! [*Ketawa*]

Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi: Paradigma yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin tadi, memang jelas diterjemahkan oleh Pengerusi yang baru, Dato' Dr. Yusof Nor apabila beliau menyebutkan, segala keuntungan daripada aktiviti dan

urusniaga 50,000 hektar ladang FELDA yang tidak dikongsi bersama dengan peneroka, telah dipindahkan ke akaun Yayasan FELDA dan Yayasan FELDA saya difahamkan mempunyai beberapa perancangan urusniaga untuk membangunkan kawasan-kawasan yang terpinggir di sekitar tanah rancangan FELDA termasuklah membina Kolej Teknologi FELDA bagi tujuan untuk melatih *the dropouts*, mereka yang tercicir dari peringkat persekolahan supaya dijadikan tenaga mahir, diberikan latihan keterampilan dan ini satu kaedah pendekatan yang baik agar keuntungan itu dipulangkan semula kepada peneroka-peneroka kerana selama ini titik peluh daripada mereka itu hanya diperolehi daripada hasil yang dibuat di kawasan tanaman mereka sahaja.

Dalam keadaan kesedaran yang cukup tinggi di kalangan pegawai-pegawai FELDA yang cukup komited dan anak-anak syarikat yang diwujudkan, saya fikir fokus harus diberikan sekarang ini, mungkin Rompin setuju, bukan kepada anak-anak syarikat FELDA tetapi kepada FELDA sebagai badan induk untuk melihat permasalahan sosial yang dihadapi oleh peneroka-peneroka melebihi daripada *bottom-line* keuntungan yang diperolehi oleh badan induk berkenaan. Jadi idea yang cukup baik dari Rompin, ini cukup bernilai dan saya fikir YAB Perdana Menteri boleh memberikan pertimbangan kepada beliau selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, [Disampuk].....pelaksanaan dua skim latihan iaitu skim latihan graduan dan skim pekerja yang diberhentikan kerja dan menganggur kini telah memasuki bulan keempat. Kedua-dua skim berkenaan dirangka khas untuk membantu graduan baru, penganggur dan mereka yang diberhentikan kerja ketika ekonomi negara dilanda kesan kemelesetan global. Dalam penelitian saya tidak terdapat sebuah pun kerajaan di dunia yang menyediakan skim seperti ini kecuali Malaysia.

Siswazah menganggur perlu mengambil peluang dan memanfaatkan sebaik mungkin program khas yang diwujudkan kerajaan untuk meningkatkan kualiti sumber manusia di kalangan mereka. Selain program sangkutan dan latihan dengan dana, RM300 juta, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan dipengerusikan oleh Tambun turut memperuntukkan pinjaman berjumlah RM40 juta kepada 1,500 siswazah menganggur untuk menyambung pengajian pada peringkat Sarjana ketika kegawatan ekonomi ini berlaku.

Walaupun pendekatan yang dilakukan bukan penyelesaian jangka panjang, ia dapat meringankan beban dan masalah yang dihadapi golongan siswazah yang sukar mendapat pekerjaan. Keprihatinan kerajaan terhadap golongan ini semata-mata kerana rasa tanggungjawab kerajaan yang tidak mahu mengetepikan mana-mana golongan rakyatnya. Pelaksanaan skim ini bertujuan untuk membantu dan melengkapkan para graduan dengan kemahiran dalam bidang ICT. Melalui skim ini para graduan dalam apa bidang sekalipun boleh mempelajari atau mempertingkatkan keterampilan dalam bidang berkenaan. Selain dari itu mereka dilatih untuk memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dan Mandarin dan juga bahasa-bahasa lain yang mempunyai nilai komersial.

Kenyataan bahawa kira-kira separuh daripada 75,000 lepasan IPT, khususnya IPT tempatan pada tahun ini dijangka menganggur. Sekali imbas memberikan gambaran yang menakutkan, namun di atas keprihatinan kerajaan ini saya yakin masalah pengangguran di kalangan siswazah diharapkan menjadi masalah yang berbentuk sementara.

Justeru, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan dan melalui Pembangunan Sumber Manusia Bhd kerana sebanyak 145 pusat latihan telah dipilih dalam memberikan latihan kepada graduan yang melibatkan sebanyak 2,645 permohonan sejak November tahun lalu yang melibatkan perbelanjaan lebih RM19 juta. Sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd Jarjis: Terima kasih. Saya hendak minta sedikit dalam perbahasan kita mengenai isu pengangguran ini. Pertamaanya pengangguran siswazah, kita telah melabur satu dana yang besar untuk melatih, mendidik mereka daripada rendah, menengah dan sampai universiti, namun demikian bila mereka lulus, tidak ada peluang pekerjaan untuk mereka. Saya hendak bertanya kepada Bagan Datok, intisari isu ini sebagai satu statistik. Boleh dikatakan lebih daripada 90 peratus yang menganggur ini terdiri daripada mereka yang lulus bukan engineering, bukan sains, *social arts and sciences*, bukan kepada *engineering*, jurutera, akauntan *professional* mampu mendapat pekerjaan sama ada dengan kerajaan atau

pasaran tetapi banyak yang menganggur kita dengar ialah daripada mereka daripada *social sciences*.

Apakah ini sampai masanya kementerian mengkaji kembali kemungkinan dasar kita dari segi pengambilan penuntut itu sendiri. Menghayati bahawa dari segi *demand* keluaran dalam pasaran lebih daripada sains dan teknologi mungkin kita ada anjakan supaya lebih ramai anak-anak kita terhalakan kepada *engineering, sciences, professionals, lawyers, engineering* selain daripada pergi ke *social sciences*. Sebab kita tahu bila mereka keluar nanti tidak ada pekerjaan, *demand* dalam pasaran mungkin tidak ada. Saya minta sedikit pandangan kepada Bagan Datok, Dato' Timbalan Menteri Pendidikan ada, adakah Yang Berhormat ada cadangan tertentu kepada Yang Berhormat kepada Dato' Timbalan Menteri, sebab nampaknya Dato' Timbalan Menteri ini dia terbuka, selalu menerima idea-idea yang baik. Saya minta pandangan Dato' Bagan Datok.

Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rompin ini adalah satu fakta yang harus kita hadamkan dengan ikhlas kerana hakikat 90% pengangguran ini memang terdiri daripada *non-engineering, non-science graduates*. Memang satu hakikat yang harus diakui. Oleh sebab itu pengkhususan dalam bidang *engineering*, dalam bidang *bio-technology*, dalam bidang teknikal harus dijuruskan sesuai dengan permintaan pasaran guna tenaga di negara kita. Oleh yang demikian, saya fikir bukan sekadar jumlah *graduates* atau graduan atau siswazah itu diwujudkan tetapi kualiti siswazah harus difikirkan supaya ia dapat memberi sumbangan yang proaktif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, saya fikir agar pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad turut memikirkan satu skim latihan kemahiran untuk para belia lepasan sekolah dalam bidang pembinaan bagi menggantikan tenaga mahir dari Indonesia yang sebenarnya tidak pun mahir. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum sektor pembinaan sentiasa berkembang dan memerlukan tenaga mahir dalam banyak bidang yang berkaitan.

Amatlah diharapkan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) seperti yang ada di Skudai yang telah sekian lama melaksanakan skim latihan kemahiran dalam sektor pembinaan ini, saya masih teringat Rompin ketika itu menjadi Pengerusi Kobena dan beliaulah yang telah menjadi pemangkin mewujudkan tenaga mahir di IKBN Skudai ini hingga sekarang masih terus berjaya tetapi beliau juga belum naik pangkat. Harusnya diberikan peruntukan yang lebih besar bagi Institut ini mengambil lebih ramai peserta. Pada hemat saya, seharusnya lebih banyak IKBN seperti ini yang menyerupai IKBN Skudai supaya didirikan sesuai dengan jumlah permintaan tenaga kerja mahir yang meningkat dalam sektor pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia sudah hampir berusia 69 tahun, bulan Jun ini 69 tahun. Masalah dan kebajikan anggota tentera serta bekas tentera turut mendapat perhatian kepimpinan negara sebagai menghargai besarnya jasa dan pengorbanan mereka. Namun jika dibandingkan dengan perkhidmatan lain sudah tentulah ada kelebihan dan kekurangannya.

Setiap sesuatu bidang perkhidmatan itu mempunyai daya tarikan tersendiri dan adalah tidak tepat untuk menganggap ATM sebagai terkebelakang pada era teknologi, telekomunikasi dan maklumat walaupun akhir-akhir ini ia kerap digambarkan sedemikian. Sama ada disukai atau tidak kurangnya minat golongan muda untuk menyertai ATM adalah sesuatu yang membimbangkan. Ianya bukanlah sangat berdasarkan kepada terhakisnya patriotisme di kalangan mereka tetapi dunia pekerjaan hari ini memberikan mereka pilihan yang lebih luas.

Malah Menteri Pertahanan pernah menyatakan seramai 60,000 anggota tentera akan bersara dalam tempoh lima tahun akan datang sedangkan pengambilan anggota baru hanya 3,000 orang setahun dan berhenti 5,000 setahun, yang diambil 3,000 setahun, kekurangan 2,000 anggota setahun. Ini membayangkan ATM akan berdepan dengan kekurangan anggota yang meruncing andainya pelbagai langkah untuk menanganinya tidak dilakukan segera.

Dalam keadaan sedemikian pun ATM tidak dapat mengelakkan persaingan dengan sektor pekerjaan lain. Ia adalah sesuatu yang harus didepani dan bukan dielakkan. Sekalipun dalam keadaan aman pertahanan dan keselamatan negara bukanlah sesuatu yang boleh ditolak ansur. Pencerooban dan penculikan di pulau-

pulau dan perairan negara terutama di kawasan Timbalan Menteri Pertahanan di Semporna umpamanya adalah contoh ancaman kepada keselamatan negara wujud sepanjang masa.

Keadaan jauh berlainan ketika darurat apabila patriotisme generasi muda dalam menyahut seruan negara mudah diperolehi. Sebaliknya tanggapan negatif terhadap profesion ketenteraan kini dari segi gaji, kemudahan dan peluang-peluang pekerjaan yang amat terbatas selepas persaraan awal dengan sendirinya meletakkan ia di antara yang terkebawah dalam senarai pilihan pekerjaan. Cabaran inilah di pihak ATM sendiri harus menerimanya sebagai realiti bahawa usaha untuk meningkatkan imej ketenteraan sebagai kerjaya yang baik selain berupaya membekalkan pelbagai kemahiran bagi memenuhi pasaran pekerjaan selepas umur bersara. Penubuhan pasukan kadet, kadet tentera khususnya sekarang lebih meluas di sekolah adalah antara langkah yang boleh mendedahkan pelajar kepada ilmu ketenteraan dan seterusnya menanamkan minat di kalangan mereka untuk menjadikannya sebagai kerjaya sesudah tamat persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pendidikan pernah menyatakan bahawa hampir 40% atau kira-kira 200,000 kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan tidak mendapat pendidikan pra-sekolah sama ada sekolah kerajaan atau swasta. Pada hemat saya, sebahagian besar perangkaan ini datangnya dari anak-anak di luar bandar yang kurang serba-serbi. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan tanpa usaha terancang untuk mengatasinya akan mewujudkan jurang pendidikan di antara anak di bandar dan di luar bandar akan melebar.

Saya menyokong rancangan Kementerian Pendidikan memperluaskan rancangan pendidikan prasekolah dengan tambahan 1,500 kelas setiap tahun mulai tahun 2003 hingga 2006 dan 1,600 kelas mulai tahun 2007. Diharapkan ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya sesuai dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2001 hingga 2010 yang telah dirangka. Namun, saya mengharapkan di peringkat awal lagi janganlah wujudkan dualisme dalam pendidikan prasekolah. Pembentukan generasi akan datang jangan harus dirojakkan dengan pelbagai sistem pendidikan yang akan memunculkan generasi yang mempunyai kecelaruan pegangan hidup dan berada di dalam keadaan 'keliruism'. Kita tidak mahu kemudaratan melanda negara dalam jangka panjang jika keadaan ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, masalah isu pengasingan murid mengikut kaum seperti yang dibangkitkan oleh Persatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), disusuli pula pendedahan bahawa 60,000 murid bukan Cina memilih Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina SRJK(C) di seluruh negara selain pembinaan makmal komputer yang terlengah, pada hemat saya telah ditangani secara berhemah dan baik dan bijaksana oleh Kementerian Pendidikan. Syabas dan tahniah! Namun, umum mengharapkan tidak akan berlaku lagi kes-kes seumpama ini supaya imej Kementerian Pendidikan berada dalam kegemilangan.

Dalam pada Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk memartabatkan dan meningkatkan kemudahan sekolah kebangsaan, saya ingin tahu bagaimana dan mengapa boleh wujud sebuah jawatankuasa yang menuntut supaya dibatalkan sekolah wawasan dan diganti dengan sebuah lagi SRJK(C) bagi memenuhi keperluan 4,000 murid di sebuah kawasan perumahan di Selangor. Andainya kecenderungan ini berlarutan, tentunya ia sesuatu yang amat membimbangkan dan amat malang.

Saya mengharapkan agar sebuah jawatankuasa bebas dan dianggotai oleh tujuh pakar dalam bidang sosial dan pendidikan yang telah dilantik bagi menyiasat dakwaan pengasingan pelajar di 200 buah sekolah di seluruh negara mungkin boleh turut dilibatkan dengan tugas tambahan untuk membuat saranan bagi memperbaiki pencapaian sekolah kebangsaan berbanding dengan SRJK(C) tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik pelbagai bantuan kerajaan dalam menyediakan kemudahan terbaik di sekolah kebangsaan, sebarang kekurangan yang masih wujud hendaklah dikenal pasti dan diatasi, bukan hanya terbatas kepada pembinaan pagar baru sekolah, sekolah kebangsaan harus lengkap serba-serbi, baik kerusi meja serta kemudahan kurikulum dan ko-kurikulum agar tidak dilihat sebagai kekurangan atau ketinggalan jika dibandingkan dengan SRJK(C).

Paling penting, keyakinan ibu bapa terhadap sekolah kebangsaan tidak harus dibiarkan terhakis walau sedikit pun. Pada hubungan ini, saya berpendapat apa juga

langkah pembesaran, menaikkan taraf atau pembinaan sekolah baru hendaklah mengutamakan sekolah kebangsaan. Ini seiring dengan penekanan agar murid mendapat pendidikan rendah di sekolah kebangsaan bagi memupuk perpaduan, bukan di sekolah lain. Untuk itu, sekolah kebangsaan hendaklah dipastikan menjadi pilihan terbaik dan bukan hanya untuk mereka yang tiada pilihan lain. Moga-moga tidak akan ada lagi tuntutan atau desakan agar diwujudkan sekolah yang berbeza dari sekolah kebangsaan selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini minat pelajar untuk mendalami pengajian agama Islam semakin meningkat. Sebagai buktinya, sekolah agama yang diwujudkan oleh kerajaan mahupun swasta sentiasa menjadi tempat untuk memperolehi ilmu tambahan kepada mata pelajaran agama Islam yang diajar di sekolah-sekolah harian biasa.

Sebagai umat Islam akhir zaman, kesedaran demikian tentunya amat digalakkan ke arah melahirkan lebih ramai insan mulia yang seimbang akal budinya. Dari sebegitu ramai yang mengikuti pengajian berkenaan, sesetengah dari mereka memilih untuk terus mendalami di pelbagai institusi pendidikan agama di luar negara. Pada peringkat inilah kecelaruan bermula. Pelajar tajaan kerajaan dihantar ke institusi yang diiktiraf manakala pelajar persendirian pula bebas menentukan pilihan masing-masing.

Dalam keghairahan pelajar bertukar haluan, tidak ketinggalan ada yang tersalah pilih, digelapkan mata dengan kos pengajian yang lebih murah, syarat kemasukan longgar serta pelbagai janji yang tersebar menerusi usaha pemasaran dan komunikasi maklumat menyebabkan ramai pelajar Malaysia yang terpedaya. Bukan setakat pusat pengajian tinggi yang banyak terdapat di Pakistan dan Timur Tengah tidak mendapat pengiktirafan, malah kurikulumnya juga meragukan. Pelajar ini kemudian kembali ke tanah air sebagai lulusan separuh masak dan setengahnya terpengaruh dengan ilmu yang terpesong daripada ajaran Islam sebenar.

Maka berlakulah masalah pelajar kita yang terbabit dengan kegiatan ekstremisme dan militan agama kerana menuntut di madrasah yang menganjurkan kegiatan seumpama itu dan menyarankan penubuhan kerajaan Islam menerusi kekerasan. Malah, kesukaran mendapat pekerjaan mendorong kebanyakan mereka menjadi penceramah bebas dengan berusaha pula mempengaruhi orang lain dengan ilmu mereka hingga menjadi ancaman kepada perpaduan ummah dan kestabilan negara.

Pada peringkat ini, bukan lagi mudah untuk membetulkan kefahaman dan pendirian golongan berkenaan. Kononnya telah sebatu dengan jiwa mereka dan mengikut ajaran Islam sebenar tanpa sebarang bentuk kawalan, lebih ramai akan terjebak dan inilah yang harus dibendung dari berleluasa.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan mewajibkan setiap pelajar yang ingin menuntut di luar negara berdaftar dengan Wisma Putra. Ini bagi menghindarkan mereka daripada memilih institusi yang tidak diiktiraf. Dengan sebarang kecelaruan yang akan dapat dielakkan pada peringkat awal lagi, pelajar yang bakal mendalami pengajian di luar negara dapat memenuhi harapan tinggi ibu bapa yang mengharapkan mereka kembali sebagai orang yang berguna kepada keluarga, bangsa dan negara.

Ijazah atau sijil yang diiktiraf turut memudahkan peluang mereka mengisi pasaran pekerjaan. Lebih daripada itu, ianya dapat menghindarkan daripada mereka diperalatkan oleh pihak yang berkepentingan dalam menjayakan perjuangan politik mereka.

Saya juga meminta Kementerian Pendidikan menyediakan garis panduan bagi memastikan ibu bapa pelajar memahami prosedur dan senarai lengkap institusi yang diiktiraf. Seboleh-bolehnya kita tidak mahu lagi ada pelajar negara ini yang diperdayakan. Apatah lagi institusi berkenaan menjadi tempat menyuburkan ideologi atau bibit perjuangan yang bertentangan dengan aspirasi negara dan rakyat.

Saya menyeru juga kepada kerajaan-kerajaan negeri dengan tidak berhajat langsung untuk campur tangan dalam urusan agama kerajaan negeri, terutama bagi negeri-negeri yang turut membiayai ramai pelajar untuk mengikuti pengajian di luar negara supaya harus memperketatkan tapisan selain daripada pelajar persendirian yang perlu lebih bijak membuat pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas pelajar sekolah menengah agama, saya yang pernah belajar di Sekolah Menengah Agama Izuddin Shah, Ipoh, rasa bersyukur dengan keseimbangan ilmu yang saya perolehi iaitu ilmu duniawi dan ukhrawi sewaktu saya berada di bangku sekolah tempoh hari.

Mengambil perspektif dan pengalaman peribadi, pada hemat saya fungsi pendidikan Islam mesti dilihat menerusi pendekatan baru. Ia mesti dilihat sebagai instrumen penting dalam membina keutuhan sahsiah, sikap dan tasawur atau wawasan generasi akan datang. Ia mestilah memainkan tanggungjawab penting dalam mengekalkan masyarakat kita sebagai masyarakat beragama. Penguasaan pengaruh Barat menuntut kita supaya memberi fungsi baru kepada pendidikan Islam agar masyarakat kita tidak kehilangan arah dan akhirnya berdepan dengan masalah moral yang dihadapi dunia Barat akibat hilangnya fungsi agama dalam menentukan arah dan hala tuju masyarakat berkenaan.

Seperti mana yang pernah dinyatakan oleh Will Duran, ahli falsafah Amerika, bahawa kemerdekaan dan kebebasan zaman *renaissance* yang menggerakkan kebangkitan Eropah merungkaikan masyarakat itu daripada ikatan moral. Daya manusia untuk menentukan nasib dirinya menyebabkan suburnya perkembangan humanisme sekular yang mengusir pegangan keagamaan. Akal yang telah dibebaskan begitu mempesonakan hingga ia menghirup hingga kering segala sumber tuntutan akhlak tanpa penggantinya yang berkesan.

Pada hemat saya, pendidikan Islam mestilah mempunyai daya ketahanan dan wawasan bagi mengelak masyarakat kita terjebak dalam kedahagaan yang menghirup segala sumber tuntutan moral ini. Sebaliknya, pendidikan Islam perlu mengembalikan kekuatannya yang berteraskan kesedaran mengenai fungsi hidup manusia sebagai khalifah di bumi Allah ini.

Pendidikan Islam yang dibelenggu budaya taklik tidak mungkin mengembalikan kesedaran ini. Pendidikan yang tidak membangkitkan kesedaran akan hanya muncul sebagai upacara yang hambar dan membosankan. Inilah yang sedang dialami oleh sistem pendidikan Islam sekarang. Menghidupkan kembali pendidikan Islam supaya dinamik memang sesuai dengan keperluan masyarakat zaman ini.

Kehidupan zaman ini memerlukan satu bentuk pandangan hidup yang dinamik dan seimbang antara kehidupan duniawi dan ukhrawi bagi mengelak manusia daripada menjadi semata-mata alat teknologi hingga mengalami keadaan yang disebut oleh Hadi Sya'ati sebagai alinasi yang teruk kepada mesin yang diciptanya.

Saya ingin menyarankan agar satu kurikulum baru yang menyeluruh dan berjangka panjang dalam pendidikan Islam dirombak, meliputi sistem pendidikan pra-sekolah, peringkat rendah, peringkat menengah dan tinggi. Pendekatan mengenai pengajian Islam mestilah bersifat menyeluruh dan pengkhususannya hanya akan ditentukan pada peringkat tinggi. Ini ialah untuk membolehkan pelajar dan bakal ulama memahami Islam secara menyeluruh.

Pengkhususan pada peringkat awal kepada pengajian syariah, usuluddin, dakwah dan lain-lain menyebabkan Islam difahami secara terpisah, mengakibatkan agama ini tidak difahami sebagai sistem yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, jihad adalah satu perkataan keramat. Namun berlawanan dengan perjuangan suci menegakkan agama, semakin jelas kini ramai yang terpesong hingga tergamak menggolongkan kepentingan diri sebagai sesuatu yang turut diredai. Maka, timbullah pelbagai tanggapan silap yang mendorong tertubuhnya kumpulan atas nama jihad atau mujahidin, sekali pun tiada langsung dengan kaitan atau persamaan dengan sejarah kepahlawanan dan perjuangan pejuang-pejuang Islam. Mereka sebaliknya melakukan penentangan tanpa sebab jelas, manakala pihak yang ditentangnya pula tidak tergolong dalam kalangan musuh yang sebenar.

Kekeliruan mengenai jihad memerlukan penjelasan bagi membolehkan rakyat benar-benar faham tafsiran sebenar perjuangan mereka. Kekaburan mengenai istilah jihad menimbulkan salah tafsir hinggan ada yang beranggapan tindakan menentang kerajaan hari ini adalah jihad, sedangkan jihad turut merangkumi usaha memperbaiki diri atau membangunkan negara.

Kewujudan gerakan yang cuba mempengaruhi pelajar-pelajar IPT supaya berjihad termasuk mengangkat senjata bagi menubuhkan negara Islam, “*daulah islamiyah*” kononnya, cukup membimbangkan, lebih-lebih lagi membabitkan pensyarah yang sepatutnya melaksanakan tanggungjawab mendidik pelajar menjadi rakyat berguna. Kita bimbang dengan cubaan gerakan militan yang mahu menjadikan IPT sebagai tempat mereka menjalankan jarum bagi mempengaruhi pelajar menentang kerajaan secara militan.

Pelajar ke IPT untuk menimba ilmu dan pensyarah bertanggungjawab membuka minda supaya boleh berfikir dengan waras dan bertanggungjawab. Usaha meracuni dan menyempitkan pemikiran pelajar tidak sepatutnya berlaku di IPT. Ini bertentangan dengan kemahuan dan naluri majoriti rakyat. Negara mempunyai sistem yang mana rakyat diberi peluang secara demokratik untuk menentukan kerajaan bagi pilihan raya bukan dengan kekerasan dan pemberontakan. Tiada siapa di antara rakyat yang mahukan tindakan keganasan, kekasaran, pertempuran dan pertumpahan darah. Malaysia adalah sebuah negara yang aman damai dan berpegang kuat kepada usaha menentukan kestabilan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat kerana sejak mutakhir ini aktiviti-aktiviti parti pembangkang khususnya PAS di mana mereka sering kali membuat ucapan dan ceramah-ceramah tidak kira di mana lokasi ataupun tempat dia, di mana mereka sering melaungkan bahawa jihad yang sebenarnya ialah menentang UMNO. Jadi, apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa cadangan jihad daripada parti pembangkang ini adalah tidak benar dan ini merupakan satu andaian mereka untuk sengaja memesongkan umat Islam itu sendiri. Dan kenapakah sejak akhir-akhir ini PAS sering kali menghujahkan jihad supaya memerangi UMNO itu sendiri. Apakah kerana mereka telah ketandusan isu ataupun mereka telah hilang hala tuju untuk perjuangan ke arah menegakkan parti mereka. Minta penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi bukannya jihad – jahat. Dia lain itu. Jadi, dalam perkara ini saya fikir marilah kita sama-sama memberikan fokus tumpuan kepada menegakkan sahsiah yang baik untuk semua rakyat. Bagi kita kejumudan memikirkan fokus yang sempit terhadap sesuatu ideologi itu harus dirungkaikan sekarang ini. Apa yang harus kita lihat ialah memandang ke hadapan (look forward) supaya kita dapat mencapai kemajuan saya sebutkan tadi, duniawi dan ukhrawi. Ceramah-ceramah boleh dibuat tetapi tunggulah ketika kempen pilihan raya. Aktiviti-aktiviti “pemomokan” dan memberikan fobia serta sesuatu yang buruk haruslah diketepikan supaya masalah masyarakat yang berkecelaruan ini dapat diketepikan dan kita harus lebih realistik menghadapi dunia yang lebih kompetitif dan kita tidak harus duduk dalam tempurung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jihad yang sebenarnya mengikut Islam tidak diterjemahkan oleh parti PAS dengan sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya minta penjelasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat hendak beri penjelasan itu ya [Ketawa] [Disampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok.... [Disampuk] Adakah jihad yang diterjemahkan oleh PAS itu sebenar-benarnya jihad seperti mana ada pemimpin PAS kata, “Perjuangan kita jihad, derma kita jihad, persatuan kita jihad, perkumpulan kita jihad”. Yang

Berhormat kata tadi itu jahat saya bersetuju. Apakah betul itu jihad ataupun jahat? Itu saya hendak dapat sedikit penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kita berkesempatan mempunyai Presiden PAS berada bersama-sama kita. Kita tunggulah penjelasan apabila beliau diberi peluang bercakap menjelaskan mana jihad yang sebenarnya. *[Tepuk]* Tetapi saya fikir apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu benar – jahat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saranan pembentukan Majlis Perundingan Ulama harus diterima dengan berlapang dada dengan fikiran terbuka.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Larut ini hendak tanya benda yang samakah? Minta penjelasan. Tun saya baik Tun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, Yang Berhormat bagi Bagan Datok tidak salahlah apabila timbul kekeliruan Kementerian Penerangan ataupun RTM menayang semula isu berhubung dengan jihad ini termasuk peristiwa Memali. Kalau tidak dimulakan oleh PAS supaya masyarakat kampung terutamanya yang daif yang tidak berapa reti dapat penjelasan.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Mesyuarat]***

Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat maknanya penerangan-penerangan seperti ini perlu digerakkan dan diperluaskan lagi supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan masyarakat berhubung dengan isu jihad. Minta penjelasan *[Tepuk]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Larut itu ada kaitan dengan apa yang disiarkan oleh RTM1 mutakhir ini. Saya fikir apa yang dilakukan oleh RTM sekadar menjelaskan kepada rakyat keseluruhannya bahawa kalau kita terlalu taksab, kalau kita terlalu menyalahfahsirkan perjuangan jihad dalam bentuk kekerasan dan sebagainya akibatnya ialah peristiwa Memali, akibatnya seperti peristiwa di Sauk, akibatnya seperti berlakunya kumpulan KMM dan kumpulan "al-malaunah" yang disebut sebagai Maunah sebenarnya "malaunah". Oleh yang demikian, saya fikir marilah kita sama-sama mencambahkan minda di kalangan kita apabila pihak kerajaan sendiri membentuk Majlis Perundingan Ulama yang saya sebutkan tadi dan saya fikir majlis ini harus diterima dengan berlapang dada dan fikiran yang terbuka.

Tibalah masanya ulama dan umarak sama-sama terbabit dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan penghayatan agama dalam pelbagai bidang. Ulama dan umarak harus terbabit dan bersama dalam membuat keputusan bagi memelihara agama dan bagi menjalankan siasah dunia.

Saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini langkah awal bagi keanggotaan Majlis Ulama seharusnya merangkumi orang yang berilmu yang mempunyai pengkhususan dan yang tidak hanya terbatas kepada pengkhususan dalam ilmu bersumberkan wahyu semata-mata. Orang yang berilmu yang mengkhususkan dalam ilmu yang bersumberkan kajian *empirical* yang sememangnya diakui oleh petunjuk wahyu sendiri hendaklah juga diterima sebagai ulama dalam bidangnya. Yang tidak harus dibenarkan orang yang berilmu yang menggunakan agama untuk kepentingan golongan dan politik sempit mereka serta mengeluarkan fatwa agama bagi tujuan politik tanpa mengambil kira keburukan yang bakal menimpa agama dan umat dari fatwa berkenaan.

Janganlah jadikan krisis politik dan perbalahan mengenai kuasa menyebabkan berlakunya perpecahan antara golongan umarak dan ulama. Institusi ulama dan umarak perlu mencari titik pertemuan agar hubungan antara kedua-dua institusi ini

memberi kesan kepada keadaan masyarakat, negara dan perkembangannya. Hubungan yang baik dan kerjasama antara kedua-dua institusi yang berpengaruh ini akan membawa kebaikan yang banyak kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengharapkan kita bersatu hati menangani semua permasalahan dengan penuh keikhlasan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Padang Serai.

3.33 ptg.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera. Terlebih dahulu saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok iaitu Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena perasmian Mesyuarat Dewan Rakyat Penggal Keempat, Parlimen Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih bagi pihak diri saya dan pengundi-pengundi saya di kawasan Parlimen Padang Serai kepada pucuk pimpinan negara yang diterajui Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita cintai yang telah sekali lagi memberi mandat dan kepercayaan kepada seorang wakil dari kaum Hawa untuk menyokong ucapan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ia adalah bukti kukuh akan keutuhan Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah mengamalkan sebarang diskriminasi terhadap rupa paras, *seniority* dengan izin, mahupun jantina seseorang Ahli Dewan yang mulia ini.

Ini adalah konsep keadilan yang telah sekian lama diamalkan oleh kerajaan kita yang telah berjaya membawa pembangunan pesat kepada negara dan kemakmuran kepada rakyat. Mana mungkin sebuah kerajaan yang terus dipilih selepas sepuluh kali pilihan raya mengekalkan majoriti besar di dalam Dewan yang mulia ini sekiranya ia tidak mengamalkan satu dasar yang adil, saksama dan membawa kepada perpaduan dan kesejahteraan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam menghargai usaha berterusan kerajaan bagi memastikan Malaysia tidak terjerumus di dalam masalah kemelesetan ekonomi yang sedang melanda dunia. Apatah lagi ekoran serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 September 2001 yang lalu. Rangsangan fiskal yang lebih RM7 bilion ini membuktikan komitmen jitu kerajaan untuk memastikan rakyat terutama golongan luar bandar dan kurang bernasib baik agar tidak merana ekoran kelembapan ekonomi yang melanda dunia.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan di atas usaha ini. Saya dapat melihat bahawa kita sedang di dalam proses pembaikan dengan izin, *recovery* daripada kemelesetan ini sedangkan beberapa negara lain termasuk jiran-jiran kita masih menghadapi masalah. Kita di Malaysia sedang mengorak langkah untuk mempertingkatkan kedudukan kita di persaingan global. Ini bermakna segala perancangan dan dasar kerajaan di dalam pemulihan ekonomi negara telah berjaya dan berkesan tetapi ini tidak bermakna kita boleh berdiam diri dan berpeluk tubuh semata-mata. Kejayaan ini datangnya dari titik peluh semua rakyat Malaysia. Takkanlah kita sanggup membiarkan kejayaan ini lenyap begitu sahaja, sudah tentu kita perlu mempertingkatkan lagi keupayaan daya saing kita di dalam pelbagai sektor untuk memastikan kita dapat terus bersaing dengan negara-negara lain.

Ini termasuklah memperkukuhkan industri sedia ada di dalam bidang elektronik dan pembuatan yang selama ini telah berjaya menjana pertumbuhan pesat negara. Saya bersetuju bahawa kita perlu meneroka bidang-bidang baru terutama di dalam teknologi dan berasaskan pengetahuan bagi memberikan kita, dengan izin, *competitive edge* berbanding dengan negara lain. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebarang usaha ke arah ini tidak dapat lari dari skop membantu meningkatkan keupayaan sedia ada industri kita. Untuk terus beralih kepada sektor industri baru yang

masih di dalam peringkat awal ini adalah sangat, dengan izin, *risky*, sekiranya kita tidak memperkukuhkan industri sedia ada.

Jumlah tenaga kerja yang berjuta orang di dalam sektor perkilangan akan turun mendadak dan mungkin membawa masalah pengangguran dan sosial kepada negara tidak dikawal. Oleh yang demikian, sedang kita sibuk mempelopori bidang-bidang baru seperti bio-teknologi di mana kita mempunyai *comparative edge*, dengan izin, berbanding negara lain, asas-asas industri sedia ada juga perlu perkukuhkan demi menjamin keamanan pembangunannya dan mengelakkannya dari tenggelam terus.

Maksud saya di sini kita mungkin dapat mempertingkatkan kajian di dalam bidang R&D serta inovasi dan kreativiti di dalam pengeluaran barangan, lebih-lebih lagi di dalam peningkatan kualiti pengeluaran. Kita sudah lama terkenal sebagai pengeluar nombor satu dunia peti televisyen dan penghawa dingin. Jenama buatan Malaysia mempunyai kedudukan kukuh di mata dunia. Jadi, tidak merugikan jika kita dapat meningkatkan lagi kualiti dan inovasi barangan Malaysia agar dapat terus bersaing, malah dapat menandingi barangan dari negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan Malaysia ke Zon Perdagangan Bebas ASEAN atau AFTA tahun hadapan, akan membawa pelbagai cabaran baru kepada rakyat. Justeru itu, kita wajar mengukuhkan asas-asas industri kita agar dapat menyaingi persaingan jiran-jiran kita terutama di dalam sektor pembuatan makanan. Hasrat kita untuk menjadi salah satu pengeluar makanan utama dunia akan lebur sekiranya kita tidak dapat menilai bagaimana negara seperti Thailand dapat mengeluarkan begitu banyak beras untuk diekspor sehingga beras Siam terkenal seluruh dunia. Terdapat pelbagai peluang untuk kita mempelajari dari jiran-jiran kita teknik pengeluaran yang lebih baik agar dapat meningkatkan lagi produktiviti kita sendiri.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir sekiranya kemasukan kita ke AFTA akan dirundung malang kepada industri automobil negara. Walaupun kini kita telah mendapat kelonggaran syarat sehingga 2005, apakah PROTON dan PERODUA dapat menyediakan diri masing-masing untuk menghadapi kemasukan jenama-jenama seperti Honda, Toyota dan Ford yang kini mempunyai kilang-kilang di Thailand. Memang syarat utama takrif AFTA untuk lebih 65% alat ganti kenderaan terbabit mestilah dibuat di negara ASEAN, tetapi apa akan terjadi jika gergasi-gergasi automobil ini dapat melakukannya.

Harga jualan kenderaan mereka di Thailand jauh lebih murah dari di Malaysia dan kemasukan dengan takrif rendah di dalam AFTA mungkin akan menggugat pasaran tempatan yang kini dikuasai oleh PROTON, bagaimana pula nasib PROTON di dalam persaingan eksport kelak. Saya berharap kementerian dan syarikat-syarikat yang bertanggungjawab dapat meneliti dan mengkaji segala aspek kemasukan kita ke AFTA agar industri automobil yang dipelopori sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak akan terganggu atau tenggelam akibat persaingan rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih bertuah kerana mempunyai asas-asas kukuh perpaduan dan kesefahaman rakyat yang telah berulang kali teruji dan berjaya. Perpaduan erat selama hampir 45 tahun kemerdekaan ini memang telah wujud lama dahulu tetapi ia wajar dipertingkatkan, diperkukuhkan dan diperkasakan demi menjamin kestabilan berkekalan yang akan mendorong keharmonian rakyat Malaysia. Seri Paduka Baginda ada menyentuh mengenai ancaman golongan militan dan ekstremis agama di negara ini. Memang tidak dapat dinafikan lagi ancaman ini benar-benar wujud walaupun ada pihak yang sengaja mempersoalkan kesahihan demi kepentingan politik cetek mereka.

Rakyat Malaysia ini sedar akan wujudnya kumpulan-kumpulan pelampau seperti KMN dan Al-Mau'nah yang ingin membawa kepada peperangan di negara ini. Mereka ini bukan sahaja penjenayah, malah pengkhianat negara yang mahukan negara kucar-kacir dan rakyat saling bermusuhan dan berbunuhan. Saya menyokong sepenuhnya segala tindakan kerajaan di dalam memerangi anasir ini. Keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia tidak boleh dikompromi walau apa pun sebabnya. Selama ini kita telah berjaya mengamalkan sikap toleransi dan saling menghormati kepercayaan dan fahaman orang lain, tetapi pengganas-pengganas ini mahu

menggugatnya dengan fahaman serong mereka bahawa hanya fahaman dan agama yang mereka bawa sahaja yang betul.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk menyeru kepada semua parti politik di dalam Dewan yang mulia ini untuk mematuhi segala perundangan yang telah ditetapkan di negara ini. Janganlah pula kita terlalu bongkak dan sombong hingga terlupa daratan, kita bukanlah Tuhan, kita manusia biasa yang banyak kelemahan. Undang-undang diadakan untuk menjaga kepentingan majoriti rakyat di negara ini. Janganlah hanya kerana kepentingan peribadi yang tidak seberapa kita mengamalkan konfrontasi dengan kerajaan berkaitan dengan undang-undang. Ini umpama satu cabaran kepada kewibawaan kerajaan dan keluhuran undang-undang Malaysia. Saya bersetuju sepenuhnya jika kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mencabar undang-undang negara ini.

Perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, perlulah di pupuk di semua peringkat termasuk di sekolah dan institusi pengajian tinggi iaitu IPT. Saya memohon kepada kerajaan agar mempertingkatkan pemantauan di semua sekolah dan IPT agar gejala pengajaran serong dan anti-kerajaan dapat dihapuskan dan dibendung. Jika ada di antara kakitangan perguruan dan pendidik yang terlibat, ambillah tindakan yang tegas dan *preventive* dengan izin, mereka ini sepatutnya menjadi dian yang menyinari hidup pelajar-pelajar yang menjadi harapan negara ini. Akan tetapi tindakan mereka mengajar kebencian dan menimbulkan prasangka buruk di kalangan pelajar sehingga menjadi anti-kerajaan tidak ubah bak musuh dalam selimut yang cuba mencucuk duri ke dalam daging dari dalam.

Mereka juga bersalah kepada profesion perguruan mereka, malah bersalah kepada masyarakat yang selama ini memberi kepercayaan kepada mereka untuk mendidik generasi muda agar menjadi insan yang berguna di masa hadapan. Perpaduan juga wajar dipupuk di semua peringkat masyarakat baik di bandar mahupun di luar bandar. Kita tidak boleh membezakan perpaduan bandar dan luar bandar kerana kedua-duanya sama walaupun di dalam suasana yang sedikit berbeza. Kita tidak boleh menggadaikan perpaduan yang selama ini kita kongsi bersama atas apa alasan sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan melalui kementerian yang berkenaan dapat mempertingkatkan program-program pembangunan perpaduan seluruh negara. Program-program ini wajar menjurus kepada sikap toleransi, rendah diri dan muafakat yang juga menjurus kepada pembentukan satu generasi Malaysia baru, satu masyarakat bangsa Malaysia yang bersatu-padu dan hidup aman dan harmoni.

Untuk membentuk bangsa Malaysia, kita perlulah terlebih dahulu menghentikan politik polemik kaum dan agama. Kita wajar memupuk perasaan cintakan negara dan tanah air di kalangan semua rakyat Malaysia. Ini bermakna kecintaan kepada negara mengatasi perkauman dan polemik fahaman politik yang selama ini telah memecahbelahkan sebahagian dari semua masyarakat di negara ini. Di sini mungkin kita perlu mengadakan satu sistem khidmat negara dengan izin, *national service* yang menganjurkan kepada setiap rakyat yang mampu berkhidmat untuk kerajaan, baik di dalam bidang ketenteraan mahupun bidang lain selama satu ketika. Ia adalah untuk memupuk semangat cintakan Malaysia di samping membina jati diri tinggi serta semangat juang demi mempertahankan negara. Ia tidaklah asing kerana negara-negara maju seperti Singapura juga mengamalkannya. Bagi saya, ia adalah satu langkah positif untuk dengan izin *amalgamation* masyarakat Malaysia ke dalam sebuah kelompok bangsa Malaysia yang kita inginkan.

Begitu pun ini tidak bermakna AkuJanji dan kontrak sosial yang telah terurai sekian lama di Malaysia wajar dihentikan. Negara masih di dalam proses pembangunan dan di dalam pembangunan ini masih terdapat ketidakseimbangan di dalam pembahagian kekayaan di antara kaum-kaum di negara ini yang memerlukan sistem pembahagian sosial seperti mana yang telah diterapkan Kerajaan Barisan Nasional. Ini adalah satu sistem agihan ekuiti yang wajar disokong demi menjamin pembangunan seimbang di negara ini. Harapan saya hanyalah sekiranya pentadbiran sistem ini dapat ditingkatkan keberkesannya di samping meningkatkan aktiviti peningkatan taraf hidup penduduk luar bandar agar tidak tertinggal di dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, aspek pembangunan tidak dapat dilengkapkan sekiranya kita tidak menyentuh peranan wanita dan keluarga di dalam konteks pembangunan negara. Kita wajar memperakui kewibawaan Kerajaan Barisan Nasional yang selama ini telah memberi pengiktirafan dan tempat kepada kaum wanita di dalam semua bidang. Kejayaan wanita untuk berkarier baik di dalam bidang swasta mahupun kerajaan adalah bukti kemampuan wanita di dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Jika dilihat dari sudut pekerjaan juga, bilangan wanita yang lebih ramai di dalam sektor perkilangan berbanding lelaki adalah satu petanda bahawa negara kita tidak pernah mengabaikan pembangunan kaum wanita selaras dengan teras ekonomi negara. Di dalam hal ini saya amat tertarik dengan peranan wanita di dalam mencerna pembangunan dinamik. Di sini kita wajar melihat wanita sebagai satu kaum yang sama taraf dengan lelaki dan wajar diberi mandat dan kepercayaan sewajarnya untuk terus membangun. Saya yakin bahawa kaum wanita moden Malaysia dapat mempelbagaikan sumber tenaga kerja negara dan sekali gus menjadikan keupayaan tenaga kerja kita, *mobile*, dengan izin, dan berdaya saing.

Masyarakat global memandang serius isu wanita sebagai satu isu yang mesti dipertimbangkan di dalam pelbagai segi ekonomi. Kerajaan yang mengamalkan sikap diskriminasi terhadap kaum wanita akan dikecam dan dikenakan sekatan seperti mana mereka yang melakukan kekejaman ke atas manusia. Ini bermakna dunia antarabangsa juga telah menerima wanita sebagai memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan ekonomi dunia dan nasibnya wajar diperjuangkan dan dipertahankan.

Oleh itu adalah tidak wajar sekiranya mana-mana jua dasar atau cadangan dari apa jua pihak untuk mengamalkan diskriminasi tidak kira dari segi rupa mahupun agama terhadap kaum wanita disokong. Memang wanita lebih memainkan peranan sebagai penyokong dan tunjang kekuatan sesebuah keluarga, tetapi ini tidak bermakna wanita tidak boleh memainkan peranan yang lebih dari itu. Cuma di sini saya ingin menyeru kepada kerajaan agar menitikberatkan pembangunan wanita terutama di kawasan luar bandar. Pembangunan masyarakat luar bandar dapat dijayakan jika kaum wanita diberi tempat dan sokongan untuk maju ke hadapan.

Begitu juga saya menyeru kepada kerajaan agar memberi perhatian kepada masalah ibu-ibu tunggal di negara ini. Sewajarnya mereka diberi sokongan dan bantuan agar dapat menyumbang kepada pembangunan negara di samping mendidik anak mereka dengan sempurna. Di sini kerajaan mungkin dapat memperkenalkan pelbagai skim bantuan pembangunan ibu tunggal yang tidak terhad kepada penduduk di luar bandar sahaja.

Pada hemat saya, kadangkala ibu tunggal di kawasan bandar dan kotlah yang selalunya menghadapi lebih kesulitan untuk mencari nafkah di samping mendidik anak-anak mereka. Walaupun masyarakat bandar dikatakan lebih moden dan *advanced*, dengan izin, perilaku dan prasangka terhadap ibu tunggal masih berleluasa. Ibu-ibu tunggal masih dipandang serong sedangkan dalam banyak kes, kaum wanita inilah yang menjadi mangsa keadaan atau ketidakadilan yang disebabkan oleh sesetengah kaum lelaki. Perundangan untuk melindungi kaum wanita terutama ibu-ibu tunggal juga wajar dipertingkatkan lagi. Lihat sahaja bagaimana berlakunya kes-kes ngeri pembunuhan ibu tunggal dan anak-anaknya baru-baru ini. Ini adalah satu amaran keras kepada kita rakyat Malaysia agar dapat sama-sama menilai semula perundangan dan sikap kita terhadap ibu tunggal agar kejadian seumpama ini tidak akan berulang lagi.

Saya menyokong penuh tindakan sekeras-kerasnya dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang bukan sahaja menjatuhkan maruah kaum wanita malah bertindak kejam tanpa belas kasihan terhadap nyawa yang tidak berdosa.

Menyentuh hal ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat tidak, saya ingin menyentuh isu kehamilan sebelum berkahwin atau bernikah. Gejala sosial yang tidak sihat ini sudah tidak dapat dibendung lagi di negara Barat. Mereka telah mencuba pelbagai cara termasuk pendidikan mengenai seks untuk menghalang merebaknya gejala ini, akan tetapi gagal semuanya. Di United Kingdom kadar kehamilan untuk wanita di bawah umur 20 tahun adalah yang tertinggi di dunia. Kebanyakannya pula membabitkan pelajar-pelajar sekolah di bawah umur 17 tahun.

Apakah ini satu dari bahana yang di bawa proses pembangunan? Apakah Malaysia rela gejala sosial sebegini merebak hingga ke negara ini? Peningkatan kes-kes membuang bayi ini adalah satu contoh yang mungkin menunjukkan kepada kita bahawa masalah ini mungkin sedang mengalami peningkatan. Justeru itu program-

program kesedaran tentang bahayanya gejala sosial seperti seks bebas dan juga memperketatkan undang-undang mengenainya adalah dialu-alukan.

Kita di Malaysia mempunyai tunjang keagamaan dan keluhuran budaya ketimuran yang kuat, amat perlulah bagi pendapat saya, untuk kerajaan dan masyarakat mempertingkatkan usaha ke arah menyedarkan generasi muda khususnya akan padah yang akan dihadapi mereka sekiranya mereka terjebak dengan gejala tidak bermoral ini. Saya merasakan sudah tiba masanya untuk kita bersama-sama mengkaji satu struktur perundangan yang dapat melindungi kaum wanita terutamanya remaja dari dimangsakan sehingga berlakunya kes-kes seperti yang saya sebutkan tadi. Ini adalah langkah ke arah pembentukan satu masyarakat penyayang yang dilaungkan oleh kerajaan.

Pembangunan keluarga yang sempurna juga adalah satu cara untuk memantapkan lagi pembangunan negara. Tanpa keluarga yang bahagia dan sihat, perhatian ibu bapa tidak dapat tertumpu kepada peningkatan produktiviti dan kualiti kerja. Oleh yang demikian, kerajaan menerusi kementerian dan agensi berkenaan wajar mempertingkatkan program-program pembangunan kekeluargaan di negara ini agar dapat merealisasikan aspirasi Keluarga Bahagia Tunjang Kepada Kekuatan Negara.

Pembangunan keluarga seimbang wajar menekankan aspek-aspek muafakat dan kasih sayang di samping membantu mengenal pasti dan mengekang percambahan anasir tidak sihat dan penyakit tidak bermoral dari menular dan merosakkan hubungan kekeluargaan yang sedia ada. Untuk itu, agensi-agensi berkenaan wajar memperkemaskan aktiviti dan perancangan agar program-program kekeluargaan dapat dipertingkatkan dan lebih efektif di dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan ya. Ya, sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat bagi Padang Serai. Dari mulanya Yang Berhormat Padang Serai mengatakan bahawa kerajaan ini tidak pernah mengetepikan wanita ataupun memberi sektor yang sama kepada wanita tetapi sampai ke belakang ini, ia banyak mengemukakan masalah wanita. Sekiranya kerajaan yang begitu prihatin ataupun selama ini telah mengamalkan polisi yang adil kepada wanita, bagaimana sekarang kita wanita ini boleh menghadapi begitu banyak masalah?

Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Padang Serai, kalau begitu sensitif atau prihatin atau begitu pentingnya keluarga, mengapa Kerajaan Barisan Nasional ini sampai hari ini enggan memberi perkhidmatan pusat penjagaan anak ataupun *childcare centres* kepada keluarga yang mana kedua-dua ibu bapanya bekerja. Ini memang perkhidmatan yang asas untuk menjaga kebahagiaan keluarga. Mengapa sampai hari ini, kerajaan enggan menjalankan polisi ini?

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi 'Bagan' Serai. Kita sama-sama adalah wanita dan kita perlu, apabila kita membentangkan ataupun mengemukakan ucapan di dalam Dewan yang mulia ini, kita perlu ingat ada ramai wanita di luar sana yang mengharap kepada kita wanita di dalam Dewan ini untuk memperjuangkan kepentingan mereka tetapi saya rasa yang 'Bagan' Serai ini lebih memuji-muji kerajaan walaupun kerajaan ini tidak menunjukkan polisi....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Adakah Yang Berhormat bagi 'Bagan' Serai bersetuju bahawa ada banyak lagi yang perlu dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk mempertingkatkan status wanita di dalam Malaysia ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, terutama sekali saya hendak betulkan bahawa kawasan saya ialah Padang Serai, bukan Bagan Serai tadi, sebelah situ. Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi perlulah dimaklumkan bahawa negara kita ini

merupakan negara yang sedang membangun dan masalah-masalah serta isu-isu yang dihadapi bukanlah dalam *overnight* sahaja kita boleh selesaikan, iaitu kita perlukan satu jangka masa, satu masa untuk kita memperbaiki. Tetapi, kalau kita membandingkan taraf wanita negara kita dengan negara-negara lain terutama sekali negara yang dunia ketiga itu, kita rasa kita sudah banyak lebih baik daripada mereka dan memang sebab kita sebagai negara yang membangun sentiasa kita perlu memperbaiki mana-mana sahaja kelemahan dan kita dapati kerajaan telah banyak buat.

Kalau kerajaan buat sesuatu yang betul, yang patut dipuji, kita kena puji. Kita jangan asyik dok menghentam sahaja tidak tentu hala. Kalau betul dan baik kerajaan buat, kita kena bagi galakan dan pujian yang diperlukan dan ada juga masalah yang perlu lagi dibaiki, yang perlu kita bangkitkan, kita akan bangkitkan. Jadi, itulah pandangan saya kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan berterusan negara adalah satu cara berkesan untuk mengelakkan unsur-unsur.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Mengetuk mikrofon]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau berdiri Yang Berhormat.

Puan Lim Bee Kau: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat bagi Padang Serai mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi iaitu, institusi penjagaan anak.

Kalau kita lihat hari ini, memang nampak ada masalah dari segi penjagaan anak ini kerana tidak banyak institusi yang wujud untuk membantu wanita-wanita menjaga anak tetapi pada keseluruhannya, kita tidak ada nampak anak-anak di Malaysia ini yang terbiar, tidak terjaga kerana dasar-dasar yang lain membantu.

Tetapi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam Kementerian Sumber Manusia, insentif telah pun diberikan kepada majikan yang dapat mewujudkan institusi penjagaan anak dan apakah pandangan Yang Berhormat, kenapa insentif telah pun diberi, begitu juga dengan Jabatan Kebajikan telah pun mengadakan satu peraturan di mana diberi galakan untuk diwujudkan institusi-institusi penjagaan anak oleh pihak swasta tetapi malangnya sambutan daripada pihak swasta sehingga ke hari ini tidak menggalakkan. Apa agaknya masalah yang timbul di negara kita menyebabkan perkara ini tidak dapat dilaksanakan walaupun dasar-dasar itu telah pun ada? Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau atas pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan pusat penjagaan kanak-kanak. Saya rasa kerajaan telah mengambil langkah pertama iaitu, meluluskan dasar-dasar untuk memberi galakan. Jadi, kita tidak sepatutnya hanya berharap kepada kerajaan, yang pihak swasta juga perlu memainkan peranannya dan kita sama-samalah Yang Berhormat, wanita dan juga Yang Berhormat lain, kita cuba memainkan peranan kita untuk menggalakkan swasta untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya pusat-pusat ini dapat diadakan dengan seberapa cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan berterusan negara adalah satu cara berkesan untuk mengelakkan unsur-unsur negatif seperti yang telah saya sebutkan tadi dari menular. Akan tetapi, pembangunan bukan sahaja terletak kepada bidang ekonomi sahaja. Ia juga memerlukan pembangunan insan dan masyarakat...

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada Yang Berhormat berdiri lagi Yang Berhormat. Santubong.

Puan Lim Bee Kau: Oh! Okey. Sila, sila.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim: Yang Berhormat, sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Jadi, sebagai satu tambahan, yang mana lebih memberikan kita satu petunjuk yang baik bahawa kita begitu prihatin dengan kaum wanita dengan tertubuhnya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga atau dengan langkah-langkah untuk mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak. Jadi, Yang Berhormat dapat tidak memberi penjelasan mengenai perkara ini? Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa dengan kewujudan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini, cukup jelas menunjukkan prihatin kerajaan kepada kaum wanita. Ia, *sorry* ya.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Puan Lim Bee Kau: Ia juga memerlukan pembangunan insan dan masyarakat baik dari segi pendidikan dan kesihatan untuk menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang telah selama ini begitu prihatin terhadap pembangunan pendidikan di negara ini. Begitu banyak belanja telah dikeluarkan demi membangunkan satu sistem pendidikan yang mapan di negara ini. Harapan saya adalah semoga usaha ini diteruskan dan ditingkatkan lagi selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi pusat pendidikan di rantau ini malah di dunia. Kita wajar menerapkan unsur-unsur teknologi dan IT di dalam sistem pendidikan sedia ada untuk menyediakan generasi akan datang di dalam menghadapi cabaran-cabaran baru. Sistem dan kurikulum pembelajaran juga wajar dikaji dan ditingkatkan dari masa ke semasa untuk melihat keberkesanannya. Dalam pada itu, saya berharap kerajaan akan terus memainkan peranan di dalam meningkatkan prasarana dan peluang pendidikan di kawasan luar bandar.

Saya berterima kasih di atas keputusan kerajaan untuk mengadakan kolej komuniti di seluruh negara ini. Cuma, saya berharap kolej-kolej yang memberi peluang pendidikan *second chance* dengan izin, dan pembelajaran sepanjang hayat ini dapat diperbanyakkan di kawasan-kawasan luar bandar. Ini adalah wajar, sedangkan hampir semua bandar di Amerika Syarikat mempunyai kolej komuniti mereka sendiri. Ia akan memberi peluang pendidikan lanjut dan tinggi kepada lebih ramai lagi rakyat agar inspirasi dan aspirasi pembentukan sebuah masyarakat berpengetahuan dapat direalisasikan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan luar bandar kini menghadapi ketandusan jentera penggerak generasi muda yang semakin hari semakin ramai berhijrah ke bandar-bandar bagi tujuan mencari pekerjaan dan juga pendidikan tinggi.

Pada pandangan saya, adalah menjadi satu gerak positif sekiranya kerajaan dapat menerapkan elemen-elemen ekonomi tempatan di dalam sistem pembelajaran di kolej-kolej komuniti mahu pun di pusat-pusat vokasional dan teknikal. Ini akan memberi pendedahan dan informasi sebenar kepada generasi muda. Rezeki boleh dicari walaupun di kampung halaman asalkan kita tahu kaedahnya. Seperti negara-negara maju yang lain, kita juga ingin mempunyai graduan di dalam bidang pertanian, perikanan malah di dalam industri kampung. Dengan memperbanyakkan peluang sebegini, penghijrahan beramai-ramai dapat dikurangkan. Jadi kawasan luar bandar juga akan terus membangun dan tidaklah ditinggalkan begitu sahaja; hanya untuk sedap mata memandang ketika pulang ke kampung waktu perayaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kepada kerajaan agar dapat memandangkan kurikulum pembelajaran serta latihan, baik teknikal dan vokasional di peringkat sijil, diploma dan ijazah kepada persekitaran kerja yang sebenarnya. Maksud saya di sini ialah, kebanyakan dari kurikulum pembelajaran peringkat tinggi masih mementingkan elemen teori sedangkan praktikalnya tidak ada. Ini akan menyukarkan graduan dan mereka yang tamat latihan untuk menyesuaikan pendidikan mereka dengan suasana dan keperluan pekerjaan. Di dalam hal ini, kurikulum pelajaran di peringkat tinggi mestilah dikaji agar dapat dirombak dan diperkukuhkan lagi dengan elemen *real life setting*, dengan izin, untuk membantu pembangunan tenaga kerja yang berdaya saing dan jati diri tinggi.

Saya bersetuju sekiranya sistem yang sedia ada diubah daripada satu sistem *spoon-feeding* dengan izin, kepada satu sistem praktikal yang mementingkan aspek

pembangunan kreativiti, inovasi dan kebolehan, *skills*, dengan izin. Dengan ini kita dapat mempertingkatkan lagi kebolehan tenaga kerja kita dan seterusnya daya saing kita. Dalam pada itu saya memohon kepada Tuan Yang di-Pertua, agar dapat menyentuh sedikit tentang masalah pendidikan di negara ini.

Pendidik memang dikenali sebagai elemen utama pembangunan masyarakat. Akan tetapi kita wajar mengimbangi pembangunan pendidikan ini dengan pembangunan pendidik itu sendiri. Sejak sekian lama profesion pendidikan telah lesu akibat hilang minat di kalangan rakyat untuk menceburinya; imbuhan yang rendah serta tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya adalah antara punca utama kelesuan profesion perguruan.

Saya berterima kasih kepada kerajaan yang telah mempertingkatkan kemudahan imbuhan serta pengiktirafan kepada profesion ini yang kini tergolong di dalam golongan profesional. Akan tetapi ini sahaja tidak mencukupi. Kerajaan wajar mencari jalan untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru-guru di samping membangunkan profesion ini sebagai satu profesion yang wajar diceburi semua. Untuk itu, satu pelan pembangunan profesion pendidikan perlulah digubal atau disesuaikan dengan keperluan semasa.

Di dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan ini, keperluan pendidikan akan berubah. Peranan guru bukan lagi sekadar pemberi maklumat tetapi bercambah kepada pencetus idea, peledak inovasi dan penasihat kerjaya. Semua ini memerlukan latihan tambahan, dan di sinilah kerajaan wajar mempertingkatkan. Ini akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar serta generasi akan datang agar dapat meneliti dan menghayati *epitome*, dengan izin, pembangunan k-ekonomi ini dengan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan yang sempurna tidak dapat dilaksanakan jika tahap kesihatan rakyat tidak dinaiktarafkan. Tahap kesihatan mental dan fizikal yang seimbang mestilah dijadikan teras kepada pembangunan masyarakat sihat dan kuat di negara ini. Begitu juga tahap kesihatan di lokasi-lokasi strategik, terutama di kawasan luar bandar wajar dipertingkatkan lagi. Ini akan memberi gambaran positif kepada dunia luar terutama pelabur, bahawa negara kita mempunyai satu sistem kesihatan yang kukuh untuk kesejahteraan rakyat.

Rancangan untuk membina lebih banyak pusat kesihatan dan hospital di luar bandar akan dapat mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan di negara ini terutama kepada penduduk-penduduk kawasan luar bandar yang mungkin sering terdedah kepada penyakit-penyakit merbahaya seperti denggi, malaria dan taun. Ini memerlukan penambahan kakitangan perubatan seperti doktor dan jururawat, yang masih belum mencukupi.

Oleh itu saya meminta kerajaan untuk menimbangkan pengambilan doktor dari luar negara untuk berkhidmat dalam bandar manakala doktor tempatan diberi mandat dan kepercayaan untuk berkhidmat kepada rakyat di kawasan luar bandar. Skim imbuhan perkhidmatan kesihatan wajar dikaji semula untuk memberi perhatian khusus mengajak atau menarik minat doktor dan jururawat untuk bekerja di kawasan luar bandar. Begitu pun, pembangunan kesihatan mestilah juga mementingkan aspek pembangunan pemikiran sihat dan kasih-sayang kekeluargaan.

Di sini adanya implikasi persefahaman dan koordinasi yang perlu oleh kementerian dan agensi kerajaan yang berbeza ke arah pembentukan sebuah keluarga sihat dan bahagia. Saya berpendapat program-program kesedaran kesihatan wajar ditingkatkan terutama di kalangan ahli keluarga agar dapat dimanfaatkan. Ini bermakna setiap ahli di dalam satu unit keluarga itu dapat meneliti dan menilai tahap kesihatan ahli-ahli keluarga tersebut dan meningkatkan lagi demi kesejahteraan keluarga berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja hujah-hujah saya di dalam perbahasan kali ini. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini serta Kerajaan Barisan Nasional yang telah memberikan saya mandat untuk berucap pada hari ini. Bagi diri saya, saya berharap apa yang saya utarakan tadi dapat memberi sedikit kupasan dan pandangan positif kepada kerajaan di dalam menguruskan negara ini, sekali gus membawa kepada pembangunan mapan, masyarakat madani, k-ekonomi di dalam sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat bagi Bagan Datok sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

4.13 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya untuk memulakan perbahasan di atas Usul Menjunjung Kasih. Saya juga ikut menyatakan terima kasih dan menjunjung kasih di atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menyampaikan titah ucapan dasar kerajaan dalam pembukaan sidang Parlimen; sidang Dewan Rakyat dan sidang Parlimen yang telah berlangsung pada hari kelmarin.

Saya telah meneliti ucapan ini dan saya dapati kerajaan cuba untuk menyeret Yang di-Pertuan Agong untuk ikut sama di dalam isu-isu yang sebenarnya belum nyata dan belum jelas dan belum dibuktikan kebenaran tentang isu-isu yang dibangkitkan itu dan ini amat saya kesali. Sebagai seorang Raja Berperlembagaan yang menjadi payung rakyat bernaung, sepatutnya tidaklah dibawa terseret di dalam isu-isu yang belum jelas sehingga pada waktu ini, terutamanya mengenai dengan penangkapan-penangkapan yang terakhir di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya memulakan ucapan ini dengan membaca dua potong ayat Al Quran di mana Allah S.W.T berfirman [*membaca sepotong ayat Al Quran*], ayat lima dan enam dari Surah Al-Khasas yang memberi erti: "...dan Kami..." iaitu Allah S.W.T "...hendak mengurniakan nikmat kepada orang-orang yang telah ditindas di bumi ini...". Kita rujuk kepada bumi Mesir di mana kaum Nabi Musa bani Israel ditindas oleh Firaun begitu lama. "...dan Kami hendak menjadikan mereka sebagai pemimpin-pemimpin dan menjadikan mereka sebagai pewaris-pewaris dan Kami akan memberikan pengukuhan kepada mereka di bumi Mesir..." iaitu dalam konteks pada waktu itu "...dan Kami hendak memperlihatkan kepada Firaun dan Hamam....." - Perdana Menteri Firaun - "...dan tentera-tentera mereka berdua dari kalangan mereka. Apa yang mereka sangat takut dan bimbang iaitulah kejatuhan mereka".

Kebimbangan inilah yang membawakan Firaun dan Hamam dan tentera-tentera mereka bertindak semakin kejam dan semakin zalim menindas rakyat tetapi akhirnya ketentuan Allah S.W.T bahawa mereka itu akan jatuh maka jatuhlah mereka. Ini..

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Arau. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya baru membaca ayat Al Quran. Tanya ayat Al Quran?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [*Ketawa*]. Saya ini menjalankan Peraturan Mesyuarat .

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Yang Berhormat bagi Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pendang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam awal ucapan Yang Berhormat Dato' tadi menyebutkan bahawa raja cuba diseret dan ada lagi ayat ini yang disebutkan itu saya melihat di mana bila dibaca ayat Al Quran tadi menyatakan bahawa pemerintah dan juga Hamam - Perdana Menteri - akan dijatuhkan oleh kerana sikap dan juga kezaliman. Jadi, bila dikaitkan apa yang disebutkan di peringkat awal walaupun menjunjung kasih tetapi seolah-olah mempertikaikan ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Kebetulan pula Agong sekarang raja saya, jadi saya bangun hendak bertanya kepada Yang Berhormat Dato', adakah ini menunjukkan

bahawa ketaatsetiaan kepada Raja Berperlembagaan dan raja pula adalah merupakan kepala agama di peringkat negeri dan juga di peringkat pusat.

Saya rasa adalah tepat bagi Yang di-Pertuan Agong dan juga mana-mana raja melihat soal-soal keagamaan ini adalah soal-soal yang harus mereka memberikan input yang jelas supaya negara tidak jatuh ke kancang yang buruk. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Dato', apakah sikap Dato' apabila membacakan ayat Al Quran tadi "...maka akan jatuhlah negara itu, pemerintah dan Hamam...". Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau tidak perlu mempersoalkan kesetiaan saya kepada Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong bukan hanya raja kepada Arau tetapi raja kepada kita semua dan kepada seluruh rakyat Malaysia [*Tepuk*] Sebab itulah saya tidak mahu ucapan yang terbit dari mulut, yang dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong itu, dicemari dengan sogokan-sogokan oleh Barisan Nasional mengenai isu-isu yang tidak pasti dan tidak jelas dan penuh dengan kekaburan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ucapan itu adalah ucapan kerana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya ingat saya sudah memberi peluang kepadanya tadi dan saya fikir dia perlu dengar dan ikuti ucapan saya selanjutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia menunggu peluang diberikan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Baiklah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Bila Yang Berhormat Dato' menyebutkan tadi bahawa ucapan Tuanku dicemari bererti kewibawaan kepada yang memberi ucapan itu dipertikaikan. Kalau kewibawaan dipertikaikan kedudukannya juga dipertikaikan dan kehormatan kita kepada ucapan yang dibawa di Dewan yang mulia ini seolah-olah bahawa kita tidak menerima ia sebagai satu perintah daripada raja yang memerintah. Jadi, saya dengar tadi berbelit-belit penjelasan Yang Berhormat. Saya sendiri tidak faham. Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Memang, Tuan Yang di-Pertua, Arau tidak akan faham, dan dia tidak boleh faham. Ucapan Titah Diraja dalam mana-mana juga negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan, ucapan itu adalah menerangkan dasar kerajaan. Baginda hanya menitahkan apa yang dirancangkan dan apa yang dihasratkan oleh kerajaan. Sebab itulah kita diberi peluang untuk membahaskan titah ucapan itu, mempersoal, mengkritik dan mengulas, bukan hanya menyokong. Kalau tidak, tidak ada ertinya usul untuk membahaskan Ucapan Menjunjung Kasih ini. Ini ucapan membahaskan dasar kerajaan, jangan hendak mengampu sampai tidak tahu cara hendak mengampu [*Tepuk*]

Saya mengambil beberapa contoh.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun lagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md.Noor: Cukuplah, saya ingat, balik baca dahululah.

Kemunculan kumpulan-kumpulan pelampau yang berasaskan agama menggunakan keganasan. Ini menggambarkan bahawa banyak ada kumpulan-kumpulan, sebab digunakan perkataan "kumpulan-kumpulan". Berapa banyak kumpulan-kumpulan yang menggunakan agama untuk keganasan? Yang kita dapati satu kumpulan sahaja yang dibawa ke mahkamah dan dibicarakan. Kumpulan-kumpulan lain tidak pernah dibawa ke mahkamah, yang didakwa sebagai menggunakan keganasan. Dan kenyataan ini sangat merbahaya dalam dunia global pada waktu ini terutamanya di saat Amerika dan majalah-majalah di Amerika telah

menyenaraikan Malaysia sebagai pusat pertumbuhan keganasan. Apabila dimasukkan kenyataan ini di dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, ini seolah-olah mengesahkan kenyataan-kenyataan yang telah disiarkan dalam majalah-majalah di Amerika [*Tepuk*]

Pada waktu yang sama, kita akan mendengar sebelum ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa dia akan mengkaji untuk mendakwa majalah itu, tetapi ini telah dimasukkan dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Ini mesti difahami oleh Perlis dan orang-orang seperti Arau [*Mengarahkan pandangan ke arah Yang Berhormat bagi Arau*] Mana sudah keluar dah? Lari dah?

Inilah saya kata satu *statement* yang sangat merbahaya. Macamlah pada mula berlaku insiden 11 September yang lalu, Malaysia mengambil tindakan, mengambil kesempatan daripada peristiwa itu untuk menekan terutamanya pembangkang, terutamanya PAS dan menangkap beberapa orang anak-anak muda dan menghebahkan kumpulan-kumpulan ini sangat merbahaya kepada negara, mengancam keselamatan negara. Kemudian bila timbul desas-desus Amerika menyenaraikan Malaysia di antara kumpulan negara-negara yang disyaki melindungi penganas, pemimpin-pemimpin kerajaan terutamanya daripada UMNO membuat penafian-penafian pula. "Tidak ada, kumpulan ini kecil sahaja, kita boleh atasi".

Kalau hanya satu kumpulan kecil kenapa dibesarkan di dalam Titah Ucapan Diraja. Tidak ada modalkah Kerajaan? Tidak ada isu lainkah? Isu puluhan ribu yang saya dimaklumkan, terdapat anak-anak di luar nikah yang menjadi warganegara kita. Apa yang ditangani oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga? Ada seorang tadi berucap, bukan main lagi, menjolok-jolok, melambung-lambung, mengampu-ampu. Tetapi, tahukah – ini satu statistik.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat, mengizinkan saya. Saya sudah ikut banyak kalilah Yang Berhormat berucap, kadangkala Yang Berhormat berucap saya tidak nampak Yang Berhormat macam satu ulamak kerana kasar, bahasa yang kesat. Saya pernah campur orang alim [*Disorak*] tetapi saya tidak jumpa orang alim macam sebelah sana [*Disorak*]

Ha! Tulah tengok, kalau ikut hukum – ini yang berderet pakai songkok haji ni, tidak boleh nasihatkan yang belakang tu, yang nakal-nakal [*Ketawa*] Ini ikhlas cakap. Kita kalau dalam agama, jangan ketawakan kita, yang betul kita kata betul, yang salah kita kata salah. Ini cerita yang pasal tangkap – yalah Yang Berhormat cakap anak luar nikah pun banyak. Apa Kelantan tidak ada anak luar nikah. Di bawah kepimpinan PAS hapuskanlah semua. Tidak ada!

Kemudian Yang Berhormat cakap pasal keganasan – kerana yang terlibat ini banyak yang kena tangkap kebetulan ahli daripada satu parti. Jadi, Yang Berhormat untuk mempertahankan mereka, Yang Berhormat sanggup mengeluarkan perkataan yang menyokong dalam satu kesalahan. Ini pun salah juga daripada segi hukum.

Yang Berhormat hari itu pun datang tempat saya, di Kempas kebetulan, mengata orang Yahudi. Yang Berhormat, saya sudah belajar agama banyak tetapi tidak macam cara Yang Berhormat ini. Saya tidak jumpa. Termasuk yang lain. Ini bekas Imam Masjid Negara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya! Ini hendak soallah. Lepas cakap baru soal [*Ketawa*] Yang Berhormat bekas Imam Masjid Negara, nasihatkanlah sikit, salah. Dia kena terima yang salah, salah. Jangan ketawa. Tidak apalah, dunia yang Yang Berhormat hidup ini, Yang Berhormat boleh ketawakan orang. Bila sudah sampai nazak besok, baru teringat dosa banyak kepada orang. Saya hendak tahu Yang Berhormat ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada soalan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha? [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada soalan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Hendak soal. Di negeri Terengganu pun dalam ucapan, bebas sahaja parti pemerintah, apa hendak ucap, baca sahaja. Itu hak kerajaanlah. Bila sesebuah kerajaan memerintah, dia boleh berucap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada soalan, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya hendak minta penjelasan. Macamana, betul atau tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Nampak merapu sahaja.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tunjukkan di mana kata-kata saya yang kesat, apa perkataan yang saya guna yang mengatakan saya kesat. Tunjukkan, mana?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Mana dia perkataan kesat yang saya gunakan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Apa dia perkataan kesat yang saya gunakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan ikut peraturan mesyuarat *[Ketawa]*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya mengatakan, ini suatu isu besar yang mesti diberi perhatian oleh kerajaan dan rakyat Malaysia. Isu kelahiran anak-anak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana ada usul, ucapan Yang Berhormat boleh sambung selepas perbahasan usul itu.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Membantah Penutupan Jalan Bukit Bintang Setiap Hari Sabtu Hingga Isnin

4.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut Peraturan Mesyuarat 18(3) dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi yang telah meluluskan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya sekarang memberhentikan perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk membahaskan Usul yang di bawa oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang seperti yang telah pun diputuskan pagi tadi. Pihak pencadang dan penyokong akan diberi 30 minit dan bagi pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jalan Bukit Bintang yang terletak di antara Jalan Tun Razak dan Jalan Pudu, Kuala Lumpur termasuk dalam kawasan segi tiga emas, salah satu jalan paling sibuk dalam Bandaraya Kuala Lumpur kerana di situ terdapat banyak bangunan pusat membeli belah dan hotel-hotel besar. Tidak lengkap lawatan dan kunjungan para pelancong jika mereka tidak memasuki dan menyelusuri Jalan Bukit Bintang selain kawasan China Town.

Kemajuan dan perkembangan Jalan Bukit Bintang sebagai destinasi pelancongan dan pusat membeli belah yang dicapai selama ini adalah hasil gabungan pelbagai pihak dan memberikan keuntungan pelbagai pihak juga. Faktor yang membawa kepada kemunculan kawasan Bukit Bintang menjadi kawasan emas sebagai sektor perdagangan ialah disebabkan faktor kemudahan asas yang baik, lokasi yang strategi serta kemudahan pengangkutan awam dan persendirian untuk sampai ke kawasan Bukit Bintang.

Dalam beberapa dekad yang lalu, kemajuan dan perkembangan Bukit Bintang tidak dicemari dengan gangguan birokrasi dan menukarkan corak geografi dan urusan hidup harian keluarganya. Kehidupan penduduk dan sektor perniagaan dan perdagangan berjalan tanpa gangguan. Mereka boleh dengan mudah mencari rezeki dan meneruskan kehidupan tanpa halangan. Tetapi sekarang perubahan mulai melanda kawasan Bukit Bintang.

Langkah kerajaan menerusi tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menutup jalan Bukit Bintang bermula 5 Januari tahun ini dianggap oleh para penduduk dan para peniaga Bukit Bintang sebagai langkah menebalikkan pencapaian Bukit Bintang selama ini. Masyarakat Bukit Bintang termasuk orang luar melahirkan kebimbangan mereka bahawa langkah menutup Jalan Bukit Bintang adalah tindakan tidak wajar.

Sungguh pun langkah penutupan Jalan Bukit Bintang berkonsepkan laluan pejalan kaki Bintang Walk sambil menikmati aneka jualan tepi jalan, persembahan kebudayaan dan seni, sambil mereka boleh bersantai dan menikmati hidangan di warung kopi yang boleh dijumlahkan sebagai kesan positif penutupan jalan.

Berbanding dengan kesan positifnya, kesan negatif adalah lebih banyak dan meluas sejak penutupan bermula. Kita boleh membaca pelbagai rencana atau *features* dalam akhbar tempatan yang memuatkan *response* orang ramai terhadap penutupan jalan dan kebanyakan mereka menunjukkan perasaan tidak setuju kerana kesan yang ditanggung oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, penutupan Jalan Bukit Bintang ialah satu isu yang bermula Mac 2000. Bila cadangan ini dibuat pertama kali diperkenalkan oleh Dewan Bandaraya atas desakan tokoh-tokoh korporat tertetnu, pihak Dewan Bandaraya tidak menjalankan kajian penuh mengenai sebelum dilaksanakan. Apa yang pernah dibuat oleh DBKL ialah memanggil para peniaga sepanjang Bukit Bintang untuk berdialog dan mengutip pandangan mereka. Akan tetapi majlis dialog itu bertukar menjadi tempat DBKL mengedarkan borang komen para peniaga mengenai cadangan penutupan Jalan Bukit Bintang.

Berikutan kehadiran dua wakil rakyat dalam perjumpaan yang disokong oleh wakil-wakil peniaga tetapi tidak direstui oleh DBKL.

Sepanjang tahun 2000, saya selaku wakil rakyat kawasan terbabit telah menghantar dua memorandum kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 11 Mei 2000 dan 29 September 2000 tetapi malangnya dua memorandum itu telah tidak menerima apa-apa jawapan sehinggalah pada bulan Disember tahun 2001, bila Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengumumkan bahawa Jalan Bukit Bintang akan ditutup untuk dijadikan Bintang Walk bermula pada awal tahun 2002.

Dalam beberapa siri penutupan jalan pada hujung minggu bermula dari jam 4.00 petang hari Sabtu sehingga 2.00 pagi hari Isnin, para peniaga dan orang ramai telah merasai bahang penutupannya. Pejabat wakil rakyat saya menerima pelbagai aduan dari orang ramai, para peniaga, penduduk, pelancong yang mengeluh akibat penutupan Jalan Bukit Bintang. Mereka bukan sekadar merungut tetapi melahirkan perasaan marah akan tindakan penutupan jalan ini.

Dari siri-siri tinjauan dan pertemuan dengan mereka yang terbabit dan hasil dari perjumpaan dengan para peniaga serta penduduk, maka memorandum bantahan telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ketua Polis pada 26 Januari lalu. Namun setakat ini belum ada tanda bahawa tindakan penutupan jalan akan dikaji semula oleh pihak berkuasa kecuali kita boleh membaca rungutan orang ramai yang disiarkan dalam akhbar-akhbar dari masa ke semasa.

Mereka merungut bahawa tindakan penutupan Jalan Bukit Bintang pada hujung minggu telah mengakibatkan:-

- (i) kesesakan jalan-jalan masuk dan jalan susur ke Bukit Bintang seperti Jalan Hang Tuah, Jalan Imbi, Jalan Sultan Ismail, Jalan Bukit Bintang dari Jalan Tun Razak, Jalan Raja Chulan, Jalan Bulan 1, Jalan Bulan 2, Jalan Water Grennier dan jalan-jalan susur yang lain. Kesesakan ini mengambil masa yang lama, membosankan pemandu dan penumpang;
- (ii) untuk mengelakkan dalam kesesakan, mana-mana kenderaan yang terperangkap melakukan pusingan *u-turn* haram yang membahayakan;
- (iii) teksi dan bas persiaran serta limousin terpaksa menurunkan penumpang jauh dari destinasi hotel yang ditempah atau yang dipilih. Orang ramai dan para pelancong asing terpaksa berjalan kaki jauh sambil menggalas serta menolak *bag* dan *luggage* mereka. Bayangkanlah dalam udara panas, cuaca panas, di celah-celah kesesakan lalu lintas, mereka berjalan kaki melintasi jalan dalam keadaan bermandi peluh;
- (iv) para peniaga mengeluh kerana kadar langganan terus merosot dan kadar tempahan bilik hotel merosot kerana pelanggan tidak ada. Bagaimanakah keadaan pengusaha restoran yang sudah menyediakan masakan makanan tambahan untuk pembeli datang menjamu selera sehingga malam. Betapa mereka rugi di hujung minggu menanti pelanggan-pelanggan yang tidak kunjung datang. Ini menyebabkan hasil pendapatan mereka merosot sedangkan belanja operasi perniagaan di Bukit Bintang sangat tinggi;
- (v) para penduduk yang tinggal di sekitar jalan berhampiran Bukit Bintang seperti Jalan Alor, Jalan Tong Shin, Changkat Bukit Bintang, Jalan Sahabat dan lain-lain lagi menghadapi masalah untuk pulang ke rumah kerana jalan ditutup dan sesak. Mereka terpaksa membuang masa, petrol dan melalui jalan pulang yang jauh untuk sampai ke rumah;
- (vi) Jalan Bukit Bintang menjadi lengang tiada kenderaan, tidak ramai orang yang datang berjalan, lengang macam bandar mati. Selain dari warung kopi, bangunan yang ditawarkan harganya mahal, tidak ada apa-apa faedah dengan penutupan tersebut;
- (vii) Jika kerajaan dan DBKL merancang untuk mengadakan jualan terbuka atas jalan, bagaimanakah pula peniaga dalam pusat-pusat beli belah di sepanjang Jalan Bukit Bintang. Tidakkah mereka akan menerima kesan teruk dan bakal bankrap kerana orang ramai boleh membeli di tepi jalan, tidak payah memasuki pusat membeli belah; dan
- (viii) Pada 8, 9 dan 10 Mac serta 16 dan 17 Mac, acara Pertandingan Go-Kart dijalankan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dan TAG Heuer. Saya difahamkan DBKL tidak memberi kelulusan penutupan ini dan tidak terlibat. Tidakkah ini menunjukkan bahawa mana-mana pihak boleh mengeksploitasi tarikh menutup Jalan Bukit Bintang untuk kepentingan mereka sedangkan pertandingan seumpama ini tidak sesuai di Jalan Bukit Bintang yang sempit. Mana lebih sesuai

dijadikan litar perlumbaan, Jalan Bukit Bintang atau di Dataran Merdeka atau di Bukit Jalil?

Dengan ini saya menyeru kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menimbang semula langkah ini dan kembalikanlah semula Jalan Bukit Bintang kepada keadaan asal.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengambil kira pandangan orang ramai dan saya ingin mencadangkan bahawa:

- (i) penutupan Jalan Bukit Bintang hanya dibuat beberapa kali dalam setahun seperti hari menyambut kemerdekaan, Hari Kebangsaan, tahun baru termasuk promosi pelancongan. Selain dari itu ia tidak sesuai;
- (ii) laluan khas untuk pengangkutan awam seperti teksi, limousin, dan bas persiaran hendaklah diwujudkan bagi memudahkan pelancong sampai ke hotel atau destinasi. Orang ramai dan para pelancong amat memerlukan *accessibility* ke sesuatu tempat dengan selesa dan mudah, *comfort and convenience*, dengan izin. Jika ini tiada, pelancong akan lari ke kawasan lain; dan
- (iii) medan letak kereta yang cukup dan murah hendaklah disediakan di kawasan berdekatan Jalan Bukit Bintang. Medan yang ada mengenakan caj yang mahal dan terhad. Ini semua termuat dalam memorandum saya dan penduduk kepada Datuk Bandar.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya, rakan saya seorang Ahli Parlimen yang membuktikan dia ada membuat *homework*, lebih mengetahui masalah-masalah berbanding DBKL, Menteri dan Senator [Sorak]

Sebagai seorang warga kota dan wakil rakyat di Kuala Lumpur, saya memang bersetuju dan menyokong segala usaha yang diambil oleh pihak berkuasa iaitu DBKL untuk mempromosikan Kuala Lumpur sebagai satu bandar raya dengan mempunyai banyak tarikan pelancongan. Dan saya menyokong penutupan Jalan Bukit Bintang jika ia membawa faedah dan kebaikan kepada semua pihak termasuk peniaga, penjaja, penduduk dan orang awam termasuklah DBKL sendiri. Ini adalah kerana kalau membawa faedah, imej DBKL akan dapat dipertingkatkan juga.

Tetapi masalahnya, apa yang berlaku sekarang ialah kami menyaksikan semua kesan-kesan negatif, yang baik tidak ada. Kesan negatifnya sudah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Lebih dahsyat lagi ekoran dari penutupan Jalan Bukit Bintang sekarang, ada kata-kata umum oleh warga kota bukan sahaja di kawasan Bukit Bintang tetapi di seluruh bandar raya sekarang ialah Kuala Lumpur mempunyai dua orang Datuk Bandar. Seorang Datuk Bandar biasa, pejabatnya di Bangunan Dewan Bandaraya itu iaitu Datuk Shaik tetapi seorang lagi dipanggil "*Super Mayor*" yang lebih berpengaruh daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Tan Kok Wai: Hah? Saya akan sebut, jangan bimbang! [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Menyampuk] Bukan Seri Gadinglah. Seri Gading, ha.

Tuan Tan Kok Wai: Memang "Bintang Walk" pun *brainchild Super Datuk Bandar* dan *Super Datuk Bandar* itu ...[Ketawa] - tempat ini bukan zoo lah, Tuan Yang di-Pertua [Dewan riuh] Kenallah diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kadang-kadang Yang Berhormat pun sama jugalah.

Tuan Tan Kok Wai: Kalau tak kenal diri saya ingat binatang yang mempunyai ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kadang-kadang Yang Berhormat pun sama jugalah [Ketawa] Cukuplah Yang Berhormat, cukup. Teruskan. Teruskan!

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini penting sebab DBKL pun tidak diberitahu sebelum Jabatan Perdana Menteri meluluskan cadangan untuk menutup Jalan Bukit Bintang kerana satu cadangan daripada tokoh korporat iaitu YTL Corporation, adakah benar? Kerana YTL merupakan raja harta di kawasan Bukit Bintang dan ia memiliki banyak bangunan-bangunan, pusat-pusat membeli-belah yang besar, hotel-hotel lima star, enam star termasuk LOT 10 Star Hill, J.W. Merriot yang akan datang itu Westin, Recarlton, Regency, kondominium mewah dan sebagainya.

Adakah penutupan Jalan Bukit Bintang ini adalah untuk memenuhi hasrat matlamat perniagaan seorang tokoh korporat? Ini saya ingin menyoalkan? Sungguhpun pihak DBKL ada memberi jaminan, okey, ada banyak program diaturkan untuk menjadikan hujung minggu di Jalan Bukit Bintang itu satu tempat yang penuh dengan kegiatan, *full of life* tetapi apa yang kami nampak tidak menarik.

Apa yang sudah jadi ialah misalnya permainan oleh kanak-kanak papan gelongsor – *skateboard*. Apa itu jadi satu *joke*, satu lawak jenaka? [Ketawa] Sekarang tidak menarik pelancong tak apa. Tetapi pelancong sekarang menjauhkan diri dari kawasan itu bukan sahaja peniaga kecil, peniaga besar terjejas tetapi syarikat lain yang bukan beroperasi di Jalan Bukit Bintang pun mengalami kerugian. MAS *national carrier* dalam satu surat aduan....

Seorang Ahli: Why?

Tuan Tan Kok Wai: *As of today*, surat ini bertarikh 14 Januari, baru satu minggu selepas jalan ditutup. *“As of today, we have two complaints whereby our passengers had come for refund due to unnecessary inconvenience caused”.....*

Seorang Ahli: Dengan izin.

Tuan Tan Kok Wai: *“They had to walk quite a distance from the hotel for pick-up since the coaches are not allowed to pick them at the hotel lobby. On top of that they have to drag their luggages along”.*

Ini *joke!* Apa faedah pada 15 Mei 2000, saya dan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dijemput oleh masyarakat setempat Jalan Bukit Bintang termasuk peniaga dan penduduk untuk menghadiri satu dialog yang dianjurkan oleh DBKL di bangunan DBKL tetapi apabila pegawai-pegawai nampak kehadiran kami berdua, Pengarah diberitahu dan Pengarah mengarahkan mesyuarat dibatalkan? Apa sikap itu? Apa sikap itu? Dan sekarang masalah datang kerana tidak dengar *‘opinion’.....*

Seorang Ahli: Pandangan.

Tuan Tan Kok Wai: Dan tidak pernah pun berdialog, atau mesyuarat atau maklumat atau taklimat diadakan selepas itu. Apa yang harus ditutup ialah Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL, [Tepuk] dan bukan Jalan Bukit Bintang.

Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL telah gagal dalam banyak tugasnya, perkhidmatan bas sungguh mengecewakan. Apa guna Intrakota? Park May? Semua menggagalkan rakyat! [Tepuk] Kesyakan lalu-lintas 20 tahun dahulu begitu sesak, sekarang pun begitu sesak. Berbilion-bilion ringgit dibelanjakan, apa gunanya?

Pengarah Jabatan itu Mahfiz Omar, dia nasib baik hari ini dia ada di luar negeri. Balik sahaja pecatkan dia [Tepuk] Pecatkan dia [Dewan riuh]

Seorang Ahli: Bukan macam menyeksakah?

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara penting dan kami nampak DBKL dalam pelaksanaan penutupan Jalan Bukit Bintang ini langsung tidak memungut pandangan orang ramai, tidak menjalankan kajian yang mendalam dan sebagainya. DBKL lebih baik.....

Beberapa Ahli: Tutup, tutup!

Tuan Tan Kok Wai:membatalkan tindakan menutup Jalan Bukit Bintang lebih banyak kerja kena buat, beribu-ribu alat pemancar telekomunikasi yang akan membawa kesan negatif masih didirikan di seluruh Bandaraya. Mana keberkesanan DBKL?

Satu contoh, pada satu tahun yang lalu, ekoran aduan saya, DBKL jawab dan confirm satu menara transmisi telekomunikasi di Taman Midah, Jalan Midah Timur adalah binaan haram dan bersetuju untuk mengalihkannya. Satu tahun nanti menara itu masih di sana. Di tengah-tengah kawasan kediaman. Di manakah keberkesanan?

Seorang Ahli: Tak ada.

Tuan Tan Kok Wai: Di manakah keprihatinan? [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: Tak ada, *ilek, ilek*.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta ambil tindakan untuk perhatian menteri.

Beberapa Ahli: Wah, wah!

Tuan Tan Kok Wai: Bagi menamatkan ucapan, saya ingin sebagai Pembangkang yang membina, saya ingin membawa beberapa cadangan. Apa yang harus dibuat di kawasan Bukit Bintang sekurang-kurangnya tiga cadangan boleh diterima dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Pertama, apa yang perlu diperbaiki ialah misalnya kewujudan Penjara Pudu, ini memang satu '*monster*' yang menjolok mata, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan akan terus membiarkan Penjara Pudu itu menjadi? Di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur? Tidak ada perancangan langsung. Kalau tidak ada perancangan langsung, saya bercadang dirobuhkan Penjara Pudu dan dijadikan satu taman metropolitan untuk kebaikan penduduk DBKL [*Tepuk*]

Beberapa Ahli: Ya, ya, sokong [*Ketawa*]

Tuan Tan Kok Wai: Yang kedua, Jalan Alor.... [*Dewan riuh*] Jalan Alor ialah satu kawasan di mana benar-benar satu tempat makanan 'syurga'.

Beberapa Ahli: Ah? [*Ketawa*]

Tuan Tan Kok Wai: '*Food heaven*' yang dikenali oleh ramai pelancong dan harus dipromosikan dan diperbaiki kemudahan dan persekitarannya.

Yang ketiga, saya ingin mencadangkan.....

Seorang ahli: Buat apa?

Tuan Tan Kok Wai: Kalau pihak DBKL hendak menjadikan kawasan Bukit Bintang satu '*shopping heaven*', di situ ada banyak pusat-pusat membeli-belah. Pusat-pusat ini harus dihubungkan oleh jambatan-jambatan dari satu bangunan ke satu bangunan dengan mungkin yang berhawa dingin supaya kesemua pusat membeli-belah atau pun hotel boleh digabungkan atau dihubungkan sebagai satu kompleks yang paling besar.

Ini adalah cadangan saya yang membina. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

4.55 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Shim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu penutupan Jalan Bukit Bintang merupakan contoh sikap kurang berunding DBKL dan Kerajaan Persekutuan dari segi pelaksanaan sesuatu dasar. Kadang-kadang kerajaan dan DBKL mungkin mempunyai idea yang baik untuk melaksanakan sesuatu dasar, tetapi kadang-kadang idea mereka tidak praktikal kepada penduduk dan mendatangkan kesan buruk, kerana idea dan rancangan mereka tidak dirancang dengan betul dan tidak mengambil kira penduduk yang terlibat sebelum ia dilaksanakan.

Dalam kes Bintang Walk, walaupun para peniaga telah menyuarkan ketidakpuasan mereka kepada DBKL sejak idea ini diumumkan, tetapi DBKL tidak mempedulikan bantahan mereka sehingga projek Bintang Walk ini menerima begitu banyak kutukan dan hampir gagal hari ini. Ini bukan sahaja menjejaskan perniagaan di tempat berkenaan tetapi pemandu teksi dan pembeli juga tidak ingin pergi di Bukit

Bintang pada hujung minggu kerana penutupan Jalan Bukit Bintang telah mengakibatkan kesesakan jalan raya di kawasan itu.

Memandangkan isu ini berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan DBKL, saya ingin menyuarakan kali kedua di Dewan yang mulia ini mengenai ketidakpuasan saya terhadap jabatan ini. Selepas saya menjadi wakil rakyat selama dua tahun lebih, saya mesti berkata bahawa Jabatan Pengangkutan DBKL bukan sahaja telah gagal menyelesaikan banyak masalah lalu lintas dan kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur tetapi ia kadang-kadang malah menyusahkan penduduk di Kuala Lumpur. Misalnya, DBKL mengadakan garis kuning di banyak kawasan perniagaan di pusat bandar, sehingga pemilik kereta sentiasa terpaksa di saman oleh pegawai DBKL dan polis ataupun menghadapi masalah kereta ditarik. Keadaan ini banyak berlaku di kawasan Parlimen saya iaitu Seputeh, seperti di Entrepreneur Park, Overseas Union Garden, dan Danau Desa. Ia juga selalu berlaku di kawasan Pudu dan tempat lain.

Pegawai DBKL kelihatan tidak faham tentang kesulitan yang dihadapi oleh tuan punya kedai dan pekerja di kawasan perniagaan tersebut. Penduduk juga tidak faham, kenapakah pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kelihatan seolah-olah gembira mengambil tindakan untuk menyusahkan mereka tetapi bukan membantu mereka untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta. Memandangkan para penduduk Kuala Lumpur adalah pembayar cukai pintu kepada DBKL, mereka ini sepatutnya "Bos" kepada DBKL, tetapi malangnya, "Bos" kepada DBKL, ini bukan sahaja selalu tidak dihormati oleh pegawai DBKL, tetapi mereka dibuli dan dianyai oleh mereka sebaliknya.

Banyak aduan berkenaan dengan masalah lalu lintas dan jalan raya yang saya panjangkan kepada Jabatan Pengangkutan DBKL selalunya tidak diendahkan dan dilewat-lewatkan. Kesesakan lalu lintas di pasar pagi Sri Petaling adalah contoh yang paling baik. Memandangkan kerajaan tengah berusaha secara bersungguh-sungguh untuk menarik lebih pelancong ke negara kita, saya menyeru pegawai DBKL, khususnya Bahagian Direktorat haruslah di hantar menghadiri kursus *Public Relations* supaya mereka boleh berkelakuan lebih sensitif dan lebih berhati-hati semasa menjalankan tugas mereka.

Seorang ahli hoki dari Australia memberitahu pembantu saya bahawa baru-baru ini, bahawa semasa 250 orang pemain hoki Australia tengah makan malam di stall penjaja berdekatan Hotel Malaya di tepi Jalan Petaling, tiba-tiba sekumpulan pegawai Direktorat DBKL datang dan mengambil tindakan terhadap penjaja haram di tempat itu. Para pelancong barat ini merasa begitu terkejut untuk melihat kekerasan yang ditunjukkan oleh pegawai DBKL terhadap penjaja di situ, di mana kerusi meja penjaja ditumbang dan dirampas oleh mereka. Bayangkan, apakah gambaran yang diberi oleh Malaysia kepada pelancong kita? Macam mana kita dapat menarik pelancong datang ke negara kita dan mendorong mereka mencintai Malaysia apabila mereka melihat kekerasan yang ditunjukkan oleh pegawai DBKL terhadap penjaja dan penduduk Kuala Lumpur?

Akhirnya, memandangkan Datuk Bandar baru sudah pun dilantik, terima kasih kepada *back-benchers* ini - khususnya Sri Gading - dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang menjalankan tugasnya di Ibu pejabat DBKL, saya berharap DBKL akan memperbaiki komunikasi di antara pegawai DBKL dengan rakyat dan lebih mesra dengan rakyat.

Saya juga mencadangkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jauh daripada penutupan Jalan Bukit Bintang....

Puan Teresa Kok Suh Shim:supaya pegawai atasan DBKL dan Menteri selalu turun padang dan menjalankan "*opinion poll*" di Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat terhadap dasar baru, seperti Bintang Walk, demi mewujudkan persefahaman di antara kerajaan dan rakyat di ibu kota ini.

Se kian, terima kasih.

5.00 ptg.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut terpanggil untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Bukit Bintang tapi saya rasa letih hendak berbicara kerana saya tengok apa yang diutarakan oleh Bukit Bintang, Cheras dan Seputeh ini, bak kata pepatah, "telan mati emak luah mati bapak": Buat salah, tak buat pun salah, sebab dalam tuntutan untuk DBKL ini memajukan Bandaraya Kuala Lumpur ini tentulah beberapa tindakan telah dibuat dan akan dibuat.

Saya percaya dan tentu yakin bahawa Jabatan Pengangkutan DBKL tentu sudah mengadakan beberapa kaji selidik terhadap cadangan penutupan jalan di Bukit Bintang ini kerana saya lihat pun dalam ucapan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan menuntut supaya pihak DBKL mengambil langkah yang lebih pro-aktif untuk menentukan Bandaraya Kuala Lumpur betul-betul dapat dijadikan sebagai satu bandaraya contoh terutama perkara-perkara yang berhubung kait tentang *environment*.

Dulu kita bahaskan tentang masalah banjir di Kuala Lumpur sampai Yang Berhormat Menteri ini membawa *the whole flood mitigation plan* bagi tahu. Jadi saya fikir bahawa cadangan untuk menutup Jalan Bukit Bintang ini adalah satu pendekatan - dengan izin - *holistic approach* bagaimana untuk meletakkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu bandaraya yang betul dapat memenuhi tuntutan zaman.

Saya bagi contoh: Tadi, Cheras kata "Apa ni, dok buat *go-cart*...". Apa? Adakah Yang Berhormat hendak tiap-tiap minggu ini dekat kawasan Bukit Bintang, *skinhead* dengan *underground* dok bertempur tiap-tiap hari?

Baiklah kita adakan aktiviti ini supaya budak-budak muda ini boleh ada aktiviti yang berbentuk riadah. Itu satu pendekatan langkah kebertanggungjawab yang dibuat oleh kerajaan untuk memberikan *outlet* kepada mereka, bukan duduk sebagai kaki lepak, melangut di tepi jalan, hisap dadah dan macam-macam lagi. Yang Berhormat kata tadi, "Syurga dunia". Dunia yang mana satu saya tidak tahu. Dunia yang atas atau yang di bawah? Saya tidak tahu. Itu Yang Berhormat Cheras kena tahu.

Dan saya rasa bahawa konsep yang hendak diketengahkan di Bukit Bintang Walk ini bukan satu konsep yang baru. Banyak bandaraya yang maju yang moden yang ada *pedestrian free mall*. Cuma sekarang ini bila ada perkara yang diketengahkan, baru ini tidak sampai pun sepuluh minggu, Yang Berhormat bermula daripada 5hb Januari, maknanya bulan Januari, Februari, tidak sampai pun sepuluh minggu, tentulah ada *re-orientation* dari segi *traffic flow* di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tadi Yang Berhormat kata, inilah yang masalah, buat tanggapan. Ada Dato' Bandar yang sah, dia kata "the super Datuk Bandar". Kalau yang *super* Datuk Bandar, sebagai *the biggest property owner* di kawasan itu tentulah dia lebih memikirkan betapa mustahaknya supaya perniagaan mempunyai daya saing. Itu sebagai orang yang berniaga, tak kanlah dia hendak jahanamkan perniagaannya. Dan ini tentulah sebagai satu perkara.

Cuba Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai agensi pelaksanaan mesti *react* kepada tuntutan keadaan pada kali ini. Kata tempat-tempat perniagaan tiada *access*. Saya percaya dan yakin tentulah Jabatan Pengangkutan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sudah buat dia punya *accessibility* melalui *backlane* yang sedia ada. Dan saya fikir bahawa *traffic dispersal scheme* yang berlaku di kawasan itu mesti diwujudkan. Satu perkara yang di luar kebijaksanaan dan tidak masuk akal jikalau tidak ada *access* ke tempat-tempat berniaga ini.

Orang bukan hendak berjalan satu jam, tapi kalau ada *pedestrian mall* yang *environmental-friendly*, anak-anak dia datang bersantai dalam keadaan yang tenang, tentulah ini akan merupakan satu tarikan pelancongan. Kalau tidak percaya, Yang Berhormat lihatlah *weekend* ini, Formula 1 akan berlaku di KLIA, di Sepang ini. Saya percaya orang akan begitu ramai di kawasan Bintang Walk ini, bukan hanya di Bintang Walk, itu sebagai satu tarikan.

Tadi Seputeh, secara *emotional* beritahu bahawa apa ini kerajaan, orang, pemain hoki seramai 250 orang tengah makan dekat tepi itu, penguat kuasa pihak berkuasa tempatan datang pergi rampas. Kalau kita lihat daripada segi dimensi yang lain, kalau dia berniaga di tepi jalan, makanan yang akan dibuat itu, kalau kata kena *food poisoning*, lepas itu 250 orang ini sakit perut, tidak boleh hendak tu, keluar di surat khabar di Australia berkata bahawa makanan yang dihidangkan oleh peniaga-peniaga Malaysia ini semuanya beracun. Mana baik? Kita ambil tindakan yang tegas supaya menutup perniagaan ini atau membiarkan itu berlaku? Ada kemungkinan apa yang mereka makan itu beracun. Ha, yang itulah.

Tidak payah jawablah. Saya bukan hendak suruh you jawab, tapi saya hendak you fikir sahaja! Saya tidak suruh you jawab, saya suruh you fikir sahaja! Buat apa hendak jawab? Duduklah, tak payahlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tadi sudah bercakap. Jadi Dato' Tuan Yang di-Pertua, saya lihat tentulah Dewan Bandaraya melalui golongan profesional yang mengurus dan mentadbirkan Dewan Bandaraya ini melihat bahawa ada satu peluang atau hala cara baru bagaimana untuk mewujudkan satu cara baru *environmental friendly* di dalam kawasan Dewan Bandaraya dengan mengambil kesempatan bahawa *nucleus* yang ada di Bukit Bintang itu dapat dihidupkan supaya menjadi *pedestrian mall*.

Masa pun tidak lama, bermula dari hari Sabtu pukul 4.00 petang sepanjang malam Ahad itu - hari Ahad itu *free* - hari Ahad pun memang orang tidak berniaga atau deliver barang-barang dan dia tutup pukul 2.00 pagi. Hari Isnin pagi dia sudah buka, sudah mula. Jadi, daripada segi *core business* itu, tidak ada rasa kesan. Tadi, Yang Berhormat kata bahawa memberikan kesan yang begitu memudaratkan terhadap para peniaga di kawasan itu. Betul kah? Kalau peniaga, dia *reduce* daripada....

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak payahlah, tadi sudah bercakap. Ini saya hendak bercakap, bagilah peluang saya bercakap. Tadi Yang Berhormat sudah bercakap. [Disampuk] Kalau dia punya *business turnover* kurang 20% ke 30%, itu satu perkara yang orang kata *to re-orientate* dalam keadaan. Mungkin dia *take one step backward*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dia akan pergi dua *steps forward*. Mungkin dengan usaha yang dia jalankan oleh Dewan Bandaraya ini menjadikan Bintang Walk ini sebagai satu pusat yang boleh menarik orang lebih ramai dan tentulah volume perniagaan akan menjadi maju. Takkanlah kita hendak bertahan sampai 20 ke 25 tahun macam di Petaling Street. Petaling Street, Ahli-ahli Yang Berhormat tahu kalau you pergi ke Kuala Lumpur, you boleh beli Rolex, you boleh beli Gucci, you boleh beli jenama tetapi semua orang tahu yang di Petaling Street itu satu barang itu takkan imej itu yang hendak kita ketengahkan di dunia luar. Tentulah kita hendak ketengahkan imej yang baik bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini, bandar raya kita ini satu bandar raya internasional yang mampu.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, saya fikir bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupar.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, boleh, boleh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah, terima kasih. Saya pertama kali berdiri sejak pagi tadi tidak berdiri, jadi hendak tanyalah ini. Saya pun dengar juga Yang Berhormat bagi Seputeh punya percakapan itu. Yang kita hendak perbaiki ialah soal *hawkers* di tepi-tepi jalan, tempat makan yang tidak selesa dan sebagainya itu, itu pun dilarang buat. Untuk memperbaiki kedudukan-kedudukan perkara-perkara ini dibaikkan, diaturkan dengan sebaiknya oleh pihak DBKL, pun tidak boleh buat.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya yakni pihak DAP yang buat usul dan penyokong-penyokong Ahli Parlimen daripada DAP itu, sama ada hendak mempolitikkan perkara ini sahaja ataupun mempunyai satu fenomena *third world*

mentality. Kita negeri maju tetapi perkara *hawkers* di tepi jalan yang hodoh dan yang kotor semua ini masih digalakkan [Disampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Batang Lumar. Saya kadang-kadang amat bersetuju dengan pandangan daripada Batang Lumar ini kerana saya lihat bahawa isu yang diketengahkan ialah isu yang *reactive*, bukan isu yang *pro-active*. Dia hendak supaya bandar ini maju tetapi kalau ada rintihan, ada bantahan daripada orang ramai, tentulah saya fikir pihak Dewan Bandaraya ada buat kajian. Ada dia punya analisa, ada dia punya reaksi kerana saya rasa bahawa menjadi tanggungjawab kepada....

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Hendak apa? Hendak ulas?

Tuan Fong Kui Lun: Ini bantahan rakyat [Menunjukkan satu buku bantahan]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, bantahanlah!

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, kalau.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya hendak bagi contoh Yang Berhormat ya. Dulu, bila masa Jalan Tuanku Abdul Rahman ditutup pun, reaksinya macam itu juga tetapi akhirnya seluruh warga Bandaraya Kuala Lumpur menerima hakikat bahawa Jalan Tuanku Abdul Rahman ditutup dan dijadikan sebagai satu *pedestrian mall* dan ia diterima pakai oleh seluruh rakyat bandar raya. Tetapi kalau Yang Berhormat bagi Bukit Bintang *react*, saya fahamlah kerana kita kena layan permintaan daripada pengundi-pengundi kita. Tetapi hendak meletakkan ini sebagai satu "Super Datuk Bandar", itu satu tuduhan yang liar. *That is*, orang kata, tidak patut.

Tuan Tan Kok Wai: [Menyampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu tidak boleh, itu tidak boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau daripada segi logiknya kita berniaga..... [Disampuk] Kalau daripada segi logiknya kita berniaga, kalau kita tuan punya tanah, tuan punya premis di kawasan itu, takkanlah kita hendak buat satu dasar hendak memudaratkan perniagaan kita. Bodohlah namanya itu. Tentulah kita hendak *value-added* dengan kita punya perniagaan. Ini beritahu sudah letih kita dapat Datuk Bandar baru, sepatutnya Yang Berhormat bagi Cheras, bagilah sokongan yang kuat dan padu. Ini hendak *run down* sampai bila? Belum sampai bagi *chance*, bagilah peluang.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, saya pada hakikatnya.... Saya hendak bagi peluang kepada Datuk Menteri menjawab ini kerana saya bukan menteri wilayah hendak menjawab ini [Disampuk]

Saya rasa bahawa daripada segi dasarnya, saya merayu kepada Yang Berhormat supaya melihat ini sebagai satu *holistic approach*, sebagai satu benda yang total. Jangan melihat *part of the picture*. Bila kita bercakap tentang Dewan Bandaraya kita, Dewan Bandaraya kita kena ada *helicopter overview*. Kita tahu kalau ada satu *pedestrian mall* yang *environmental friendly*, kita boleh datang bersantai, dia akan ada *value-added* kepada kita punya bandar raya. Itu satu perkara yang kita harap.

Tentulah kita ada masalah *reaction* daripada peniaga-peniaga dan saya percaya Dewan Bandaraya sebagai PBT yang bertanggungjawab akan mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi peluang kepada Datuk Menteri untuk menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

5.11 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab kepada perkara-perkara khusus yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini, saya rasa adalah elok kalau saya secara ringkas memberikan gambaran kedudukan dan keadaan Jalan Bukit Bintang dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan sebelum 5 Januari 2002.

Tuan Yang di-Pertua, Jalan Bukit Bintang seperti yang disebut oleh Wakil Rakyat bagi Bukit Bintang awal-awal tadi ialah sebatang jalan raya empat lorong yang kedudukannya dikenali oleh semua warga kota iaitu di kawasan segi tiga emas (*golden triangle*) Kuala Lumpur yang sentiasa sibuk dan sesak dengan kenderaan bermotor, sama ada kenderaan persendirian mahupun kenderaan awam seperti bas dan teksi. Kawasan tersebut juga merupakan kawasan perniagaan dan komersial yang sentiasa aktif dengan pelbagai aktiviti dan juga disebut tadi ada bangunan-bangunan banyak di situ.

Di antara bangunan-bangunan perniagaan dan komersial yang terdapat di kedua-dua belah jalan tersebut ialah Menara Keck Seng, Hotel Marriott, Star Hill, Plaza KL, Wisma Peladang, Lot 10, Hotel Regent, tapak pembinaan Hotel Western serta deretan kedai-kedai komersial yang lain. Di samping itu, terdapat lebih kurang 2,700 petak tempat letak kereta di dalam dan di luar bangunan-bangunan di kawasan tersebut pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997, DBKL telah menjadikan Jalan Bukit Bintang sebagai laluan sehalu. Ini adalah untuk melicinkan pergerakan lalu lintas. Di samping itu, DBKL bersama dengan pihak swasta telah melaksanakan beberapa program bagi memperindahkan kawasan tersebut bagi menarik lebih ramai pengunjung. Program-program pengindahan ini kini dikenali sebagai Bintang Walk.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan Bintang Walk telah menyebabkan peningkatan aktiviti sosial yang melibatkan pertambahan pejalan kaki dan bilangan kenderaan bermotor dan pertambahan bilangan kenderaan bermotor di Jalan Bukit Bintang tentunya memberi kesan buruk ke atas pergerakan lalu lintas dan sekali gus meningkatkan kadar pencemaran terutamanya daripada asap kenderaan bermotor seperti gas karbon monoksida, nitrogen oksida, hidro karbon, sulfur dioksida dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penutupan Jalan Bukit Bintang adalah satu usaha untuk mengurangkan kadar pencemaran khususnya dari asap kenderaan menerusi kewujudan konsep yang tadi telah pun disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam iaitu konsep *car-free day* ataupun hari bebas kereta di Bandaraya Kuala Lumpur. Prinsip tersebut telah pun dilaksanakan di beberapa lokasi di Bandaraya Kuala Lumpur dengan menutup beberapa jalan dan lorong dari digunakan oleh semua kenderaan dengan menjadikannya sebagai *pedestrian mall* ataupun *mall* pejalan kaki seperti mana yang telah diwujudkan di beberapa lokasi seperti di Jalan Hang Kasturi, Lorong Haji Taib dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Penutupan Jalan Bukit Bintang juga merupakan salah satu usaha untuk mewujudkan konsep *pedestrian friendly environment* atau dalam Bahasa Malaysianya suasana mesra pejalan kaki di Bandaraya Kuala Lumpur. Konsep seumpama ini telah pun juga dilaksanakan secara meluas di kebanyakan bandar raya dunia.

Menerusi pelaksanaan konsep ini maka satu ruang pejalan kaki yang luas, selesa dan selamat akan disediakan untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti sosial dan hiburan pada hujung minggu.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Disember 2001 – tindakan ini bukan diputuskan oleh Datuk Bandar – Jemaah Menteri, oleh

kerana kita memandang bahawa tindakan ini ialah tindakan serius - telah bersetuju dengan cadangan penutupan Jalan Bukit Bintang iaitu dari Jalan Raja Chulan hingga ke Jalan Pudu kepada semua kenderaan pada hujung minggu mulai 4 petang hari Sabtu sehingga jam 2 pagi hari Isnin.

Selain itu, Jemaah Menteri juga turut bersetuju supaya Kementerian Kerja Raya memperbaiki dan mempertingkatkan jalan-jalan belakang bangunan ataupun *backlane* di persekitaran Jalan Bukit Bintang yang akan digunakan sebagai laluan alternatif dan laluan lencongan. Ini tindakan kerajaan awal-awal lagi sebelum penutupan. Satu lawatan tapak bersama iaitu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Yang Berbahagia Datuk Bandar baru Kuala Lumpur telah diarahkan pada 28 Disember 2001 untuk meninjau dan mengenal pasti kerja-kerja yang wajar dilaksanakan sebelum penutupan jalan tersebut dan perkara-perkara yang dikenal pasti di waktu itu ialah keadaan *back lanes* ataupun lorong-lorong belakang ini tidak begitu baik maka telah pun diperbaiki, diperbesarkan dan dilebarkan. Dan keputusan lawatan itu telah semuanya dilaksanakan oleh DBKL dan Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, penutupan sebahagian Jalan Bukit Bintang pada hujung minggu telah mula dilaksanakan pada 5 Januari 2002 sehingga kini dengan kawalan lalu lintas dilaksanakan bersama oleh pihak polis trafik Kuala Lumpur dan Direktorat Penguat kuasa DBKL. Bahagian Jalan Bukit Bintang yang terlibat dengan penutupan ini bermula dengan Jalan Bukit Bintang iaitu di hadapan Hotel Marriot hingga ke persimpangan Jalan Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail iaitu sepanjang lebih kurang 524 meter di antara Menara Keat Seng sehingga Lot 10. Masa penutupan jalan berkenaan adalah bermula pada jam 10 pagi hari Sabtu sehingga 2 pagi hari Isnin.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa laluan alternatif telah dikenal pasti untuk kemudahan orang ramai semasa penutupan jalan berkenaan. Perubahan laluan ini telah dibentangkan dan dipersetujui juga oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Disember 2001. Laluan-laluan alternatif adalah seperti berikut.

Semasa penutupan sebahagian Jalan Bukit Bintang ini semua kenderaan akan dialirkan ke Jalan Imbi melalui Jalan Barat, Jalan Ko Teak Ee dan seterusnya membelok ke kanan Jalan Sultan Ismail terus menuju ke Hotel Mutiara dan Shangri-La atau membelok ke kiri menuju Jalan Pudu. Sehubungan itu juga Jalan Sultan Ismail dari persimpangan Jalan Sultan Ismail, Jalan Imbi sehingga persimpangan Jalan Sultan Ismail, Jalan Bukit Bintang iaitu di antara Hotel Park Royal sehingga Lot 10 yang sebelum ini merupakan laluan dua hala akan diubah menjadi laluan sehalu.

Dan untuk kelancaran aliran lalu lintas ekoran penutupan sebahagian Jalan Bukit Bintang dengan dilaksanakan beberapa perubahan bagi laluan di sekitar kawasan tersebut maka laluan-laluannya akan diubah adalah seperti berikut. Ini semua dibentangkan di Kabinet dan dipersetujui iaitu:

- (i) perubahan laluan ke premis di sebelah kanan Jalan Bukit Bintang dari Menara Keat Seng ke Lot 10 iaitu semua kenderaan yang kini menggunakan Jalan Bukit Bintang untuk membelok ke kiri menuju ke Star Hills, Kuala Lumpur Plaza dan Lot 10 akan dialir menggunakan Jalan Imbi, Jalan Warta Grania dan jalan-jalan belakang lain yang tidak berubah haluannya. Untuk ke Menara Keat Seng dan Hotel Marriot, satu lorong di Jalan Bukit Bintang akan dibuka bagi tujuan *access* ke bangunan-bangunan tersebut;
- (ii) laluan ke premis di sebelah kiri Jalan Bukit Bintang semua kenderaan yang kini menggunakan Jalan Bukit Bintang untuk membelok ke kanan menuju ke Hotel Regent akan menggunakan jalan belakang di kawasan tersebut dan seterusnya menggunakan jalan baru yang telah dibina oleh DBKL bagi menghubungkan Hotel Regent dan Jalan Raja Chulan; dan
- (iii) laluan baru untuk kenderaan pengangkutan awam - semua kenderaan awam seperti bas dan teksi yang

kebiasaannya melalui Jalan Bukit Bintang akan dilencongkan melalui Jalan Imbi ke Jalan Sultan Ismail. Perhentian bas dan teksi akan disediakan untuk kemudahan para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, ini sebelum penutupan dibuat pada 5 Januari 2002, kerajaan telah meramalkan bahawa tindakan akan mengundang pelbagai reaksi iaitu reaksi yang menyokong, reaksi yang tidak kisah dan reaksi membantah. DBKL telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak-pihak yang terlibat dan berkepentingan dengan cadangan penutupan ini dan bukan seperti mana yang dituduh awal-awal tadi oleh wakil-wakil dari pembangkang bahawa pihak DBKL tidak berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Secara umumnya ekoran daripada perbincangan ini semua pihak kini memberi reaksi yang positif dan menyokong pelaksanaan cadangan itu. Cuma dua pihak sahaja yang tidak menyokong iaitu pihak pengurusan Hotel Regent dan para peniaga sekitar Jalan Bukit Bintang iaitu dari persimpangan Jalan Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail sehingga persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Pudu. Dan saya percaya kumpulan ini adalah kumpulan yang cuba untuk diperjuangkan nasibnya oleh wakil rakyat daripada Bukit Bintang, Cheras dan Seputeh. Dan saya tidak hairan kalau antara mereka ini adalah pengundi-pengundi pembangkang kerana kawasan Bukit Bintang ini pun diwakili oleh pembangkang.

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua. Maka saya ingin habiskan.

Pihak Hotel Regent telah membangkitkan masalah kemudahan laluan keluar masuk ke hotel berkenaan. Ini memandangkan Jalan Bukit Bintang merupakan laluan utama kepada semua kenderaan ke hotel berkenaan. Manakala peniaga di kawasan Bukit Bintang iaitu dari persimpangan Jalan Bukit Bintang/Jalan Sultan Ismail sehingga persimpangan Jalan Bukit Bintang/Jalan Pudu melalui memorandum bantahan yang dikirimkan kepada Perdana Menteri dan Datuk Bandar berpendapat cadangan itu akan menimbulkan kesesakan lalu lintas. Daripada awal-awal kita telah tahu bantahan ini. Mereka juga berpendapat bahawa sekiranya penutupan Jalan Bukit Bintang ini dilaksanakan ia hendaklah dilaksanakan pada keseluruhan Jalan Bukit Bintang dan bukan hanya dari persimpangan Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja Chulan sehingga Jalan Bukit Bintang/Jalan Sultan Ismail sahaja.

Ini adalah bagi memberi faedah kepada semua para peniaga di kawasan Jalan Bukit Bintang dan bukan kepada golongan tertentu sahaja. Kerana di waktu itu Tuan Yang di-Pertua, cadangan ialah kita cuma menutup sebahagian Jalan Bukit Bintang tetapi pihak-pihak yang diwakili saya percaya oleh wakil-wakil rakyat daripada pembangkang ini mencadangkan bahawa kalau mahu tutup, tutup semua kerana kalau umpamanya ada hasil positif, semua dapat.

Tuan Yang di-Pertua, kebenaran reaksi-reaksi ini tidak ada kepastiannya sekiranya pihak kerajaan tidak mengambil tindakan secara fizikal kerana itu cuma reaksi semata-mata. Kebenarannya kita tidak tahu kalau kita tidak ambil tindakan. Maka atas kesedaran ini maka pada 5 Januari 2002, DBKL telah menutup sebahagian Jalan Bukit Bintang dan ekoran dari penutupan ini gambaran sebenar kepada reaksi-reaksi yang diduga oleh kerajaan sebelum tindakan penutupan mulai terpapar dengan jelas yang diperolehi melalui sesi mesyuarat, surat-surat bantahan dan memorandum termasuk surat daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, kenyataan akhbar dan sebagainya. Dan reaksi seperti berikut:

- Reaksi pengurusan Hotel Regent pada mulanya membantah tetapi sekarang ini tidak membantah lagi. Tiada sebarang bantahan dikemukakan pada ketika

ini kerana masalah yang dibangkitkan telah ditangani oleh DBKL iaitu dengan membuka bonggol siar kaki di hadapan Hotel Regent dan tapak letak kereta. Tindakan ini membolehkan DBKL membuka jalan dua hala dari Jalan Raja Chulan menuju ke Bukit Bintang dan seterusnya boleh dilalui oleh pengangkutan awam. Pihak pengurusan hotel bersetuju dan berpuas hati dengan langkah yang diambil ini kerana pelanggan mereka boleh terus sampai ke hotel;

- Reaksi pengurusan Hotel Marriot. Tiada sebarang bantahan dikemukakan. Masalah lalu lintas dapat diatasi dengan penyediaan satu laluan khas di Jalan Bukit Bintang masuk ke Jalan Gading yang membolehkan kenderaan membuat pusingan U ataupun *u-turn*, dengan izin, selepas memasuki kawasan hotel berkenaan;
- Reaksi penghuni, penyewa ataupun pemilik di Menara Keat Seng, KL Plaza, Wisma Peladang dan kawasan Jalan Warta Grania tiada sebarang bantahan dikemukakan. Masalah lalu lintas dapat diatasi dengan penyediaan satu laluan (*access*) alternatif yang menghubungkan semua premis di atas. Sebanyak 35 papan tanda tunjuk arah dan kemudahan letak kereta juga telah dipasangkan di tempat strategik di sepanjang jalan yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor bagi memberikan panduan isyarat kepada para pemandu; dan
- Reaksi penghuni, pemilik dan penyewa di kompleks Lot 10 dan Star Hills, Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada reaksi penutupan Jalan Bukit Bintang ini iaitu reaksi melalui media massa maka sebuah syarikat swasta iaitu YTL Lane Sdn. Bhd. telah menjalankan satu kaji selidik yang melibatkan 187 para peniaga kompleks membeli belah di Lot 10 dan Star Hills pada 4 Mac 2002 – baru sahaja.

Dan hasil kajian dan soal selidik mendapati 46% responden menyokong, iaitu daripada 187 yang telah ditemu bual, 32% tidak mempunyai sebarang ulasan, mereka ini *'fence sitters'*; menunggu apa seterusnya, bersabar menunggu apa seterusnya tindakan kerajaan dan cuma 22% responden tidak menyokong. Reaksi para peniaga kawasan Jalan Bukit Bintang iaitu bahagian dari Jalan Sultan Ismail hingga Jalan Pudu, ini Tuan Yang di-Pertua yang menentang, ini yang diwakili oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, seramai 76 komuniti peniaga di kawasan Bukit Bintang melalui peguam mereka iaitu N. Saraswathy Devi Associates telah mengemukakan surat bantahan berkaitan pelaksanaan penutupan Jalan Bukit Bintang pada hujung minggu. Mereka mendakwa perniagaan mereka mengalami kerugian di antara 70% hingga 80% akibat penutupan jalan berkenaan. Di antara lain pandangan mereka adalah seperti berikut dan saya ulang seperti yang disebut tadi oleh wakil rakyat bagi Bukit Bintang.

Mereka mengatakan kesesakan jalan di sekitar kawasan Jalan Bukit Bintang, ekoran daripada penutupan, kekurangan kemudahan tempat letak kereta, kesukaran kenderaan menghampiri premis perniagaan, orang ramai terpaksa berjalan jauh ke premis perniagaan, laluan alternatif sempit, para pelanggan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kemudahan tempat letak kereta disebut awal-awal tadi bahawa kita mempunyai 2,700 petak tempat letak kereta di kawasan Bukit Bintang dan tidak ada dikurangkan oleh DBKL, cuma enam petak tempat meletak kereta yang telah dilupuskan di Asia Car Park bersebelahan dengan Hotel Regent untuk membolehkan membuat jalan laluan masuk di Hotel Regent.

Jadi status petak tempat letak kereta ini tidak berubah, jadi, soal ini tidak timbul. Mengenai dengan kesukaran kenderaan menghampiri premis perniagaan, pihak DBKL juga telah membuat tindakan terhadap perkara ini dan saya akan sebut sebentar lagi.

Saya terima surat daripada Yang Berhormat Bukit Bintang bertarikh pada 30 Januari 2002 dan saya terima pada 31 Januari iaitu keesokan harinya dan bantahan kononnya daripada penduduk dan peniaga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya ada dua minit lagi.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Okey, bantahan kononnya daripada peniaga-peniaga daripada Jalan Bukit Bintang dan saya percaya mereka ini ialah nama-nama yang tersenarai dalam surat peguam tadi yang membantah dengan tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini, pihak DBKL sekarang ini telah membuka satu lorong, ekoran daripada rungutan dan rintihan pihak DBKL telah membuka satu lorong untuk membolehkan kenderaan awam keluar masuk di tempat-tempat, hotel-hotel yang disebut tadi dan reaksi yang kita terima ialah amat positif sekali dan oleh kerana DBKL ini amat prihatin sekali pada 9 dan 10 Februari iaitu dua hari sebelum Tahun Baru Cina, kita juga tidak menutup Jalan Bukit Bintang. Jadi ini menunjukkan bahawa DBKL dalam soal ini amat fleksibel sekali dan kita sentiasa prihatin dan mendengar segala cadangan dari orang awam termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya untuk menjawab secara khusus kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh wakil rakyat daripada Bukit Bintang, Cheras dan Seputeh. Saya rasa tidak payahlah saya menjawab secara terperinci oleh kerana semua ini telah pun dapat dijawab oleh wakil rakyat daripada Cheras. Jawapan itu amat tepat sekali cuma yang saya ingin tekankan di sini ialah sememangnya pihak pembangkang ini, kalau dulu saya katakan bahawa mereka ini berfikiran sempit, sekarang ini mereka tidak nampak apa-apa cuma perkara negatif-negatif sahaja. Mereka tidak pandai melihat kepada perkara yang positif. Inilah golongan *negative thinking*, mereka tidak nampak kebaikan sama sekali, semua kejahatan dan saya tidak hairan kalau pembantah-pembantah itu adalah hasil daripada kipasan ataupun batu api daripada mereka ini. Oleh kerana kawasan Bukit Bintang ini adalah kawasan pembangkang dan walaupun kawasan pembangkang, dalam hal ini kita tidak kira, kerajaan tetap membuat pembangunan di kawasan itu.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Dengan kata-kata yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya rasa buat sementara waktu penutupan Jalan Bukit Bintang perlu lagi untuk diteruskan dan saya mohon supaya wakil-wakil rakyat dan penyokong-penyokong mereka bersabar buat sementara waktu untuk melihat sama ada positif atau negatif tetapi kerajaan sememangnya beranggapan ataupun berpendapat bahawa tindakan ini adalah baik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan dengan yang demikian saya tutup perbahasan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Lampiran**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEPULUH
11 MAC 2002****TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG XII
TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL**

*Bismillahi Rahmani Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,*

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesepuluh pada hari ini.

2. Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana keselamatan negara adalah terkawal dan terus berada dalam keadaan aman dan stabil. Pentadbiran Kerajaan berjalan lancar dan rakyat hidup dalam aman makmur. Semuanya ini diperolehi melalui pentadbiran Kerajaan Beta yang berwibawa di bawah pimpinan Memanda Beta Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang mendapat sokongan padu rakyat.

3. Malaysia pada hari ini berada dalam keadaan aman dan tenteram. Namun begitu, masih wujud beberapa kepincangan dalam masyarakat yang boleh mengancam keselamatan negara. Kemunculan kumpulan-kumpulan pelampau yang berasaskan agama menggunakan keganasan untuk mencapai cita-cita mereka merupakan satu perkembangan baru dalam senario keselamatan negara. Sehubungan itu, langkah-langkah tegas sedang diambil untuk mengesan dan membanteras anasir-anasir yang mengancam keselamatan negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

4. Beta bersyukur kerana negara kita berjaya mengelak kemelesetan ekonomi berikutan suasana ekonomi dunia yang lembap. Ini adalah hasil tindakan pantas untuk merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pelbagai usaha, termasuk dua pakej rangsangan fiskal berjumlah 7.3 bilion ringgit. Dasar

kewangan telah disesuaikan untuk menyokong rangsangan fiskal tersebut tanpa meningkatkan kadar inflasi.

5. Walaupun menghadapi pelbagai masalah, asas ekonomi Malaysia masih kukuh. Ini membolehkan ekonomi Malaysia terus berkembang dan pertumbuhan dapat dicapai, khususnya melalui kegiatan ekonomi dalam negara. Sektor swasta akan terus memainkan peranan sebagai jentera penggerak utama pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam meneroka peluang-peluang baru dan berusaha meningkatkan produktiviti serta daya saing. Sementara itu, usaha untuk menarik pelaburan yang berkualiti tinggi akan dipergiatkan di samping mengekalkan kos yang rendah dalam menjalankan perniagaan.

6. Bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara, kegiatan beberapa sektor pertumbuhan baru yang akan mencorakkan ekonomi dekad sekarang akan diperhebatkan. Ini termasuk penekanan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan serta mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di semua peringkat masyarakat dan perniagaan. Beta percaya, peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan adalah amat penting untuk memberikan manfaat yang lebih besar dari segi peningkatan pertumbuhan ekonomi, pendapatan yang lebih tinggi serta kualiti hidup yang lebih baik. Pembangunan sumber manusia akan terus menjadi agenda utama negara di mana pembelajaran sepanjang hayat akan diterap sebagai budaya negara.

7. Di sektor awam, segala program yang digubal oleh Kerajaan untuk merangsang ekonomi tidak akan dinikmati oleh rakyat sekiranya program dan projek tersebut tidak dilaksanakan dengan pantas dan berkesan. Sehubungan itu beberapa kaedah, peraturan dan garis panduan berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan dan pembayaran telah dikemas kini. Beta amat berbangga dengan prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan tahun 2001 sebanyak 99.6 peratus, iaitu pencapaian terbaik bagi tempoh 1996 hingga 2001.

8. Malaysia akan terus kekal sebagai destinasi pelaburan asing yang menarik walaupun menghadapi persaingan dari negara-negara membangun yang lain. Dalam usaha untuk mengekal dan meningkatkan daya tarikan pelaburan, langkah-langkah sedang diambil untuk memperkukuhkan daya saing dan keupayaan pengeluaran negara. Malaysia akan terus mengambil bahagian yang aktif dalam forum antarabangsa untuk melindungi kepentingannya sebagai sebuah negara perdagangan. Malaysia juga akan terus menyumbang dalam proses perundingan untuk memastikan kepentingan negara diberi pertimbangan. Dalam bidang kerjasama ekonomi dan teknikal serantau, Malaysia akan bersama-sama mengambil bahagian dalam kumpulan serantau untuk menangani masalah ekonomi dan membantu pembangunan negara-negara ahli.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

9. Beta sukacita dengan sumbangan sektor komoditi kepada ekonomi negara dengan pendapatan eksport yang besar, melegakan impak kelembapan ekonomi dunia serta mengurangkan pengaliran keluar ringgit melalui perdagangan timbal balas dengan beberapa buah negara. Oleh itu sektor kelapa

sawit, getah, koko, hutan, kayu-kayan, tembakau dan mineral akan terus digalakkan menjadi lebih berdaya saing dalam era globalisasi dan liberalisasi perdagangan dunia di bawah senario Pertubuhan Perdagangan Dunia dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN. Dengan itu, sektor komoditi wajar meneroka pasaran baru, meningkatkan aktiviti penyelidikan dan produktiviti, menurunkan kos serta mempelbagaikan kegunaan bagi produk hiliran komoditi.

10. Usaha mempelbagaikan asas pertanian negara akan diteruskan. Bagi mempelbagaikan sumber pertumbuhan negara, pertanian telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ketiga ekonomi negara. Sehubungan ini, sumber dan dana yang mencukupi akan disalurkan kepada sektor pertanian. Pelbagai strategi dan program akan dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran, produktiviti dan daya saing sektor pertanian bagi memastikan sektor ini dapat menjana pertumbuhan yang tinggi.

11. Kerajaan Beta memberi penekanan kepada pembangunan sektor pelancongan untuk menjadikan Malaysia sebagai 'Negara Pelancongan' yang terunggul di rantau Asia Tenggara. Oleh itu, Beta menyeru semua pihak dalam industri pelancongan baik di sektor Kerajaan mahupun di sektor swasta supaya mengukuhkan lagi pendekatan perkongsian pintar bagi meningkatkan produk dan kemudahan serta menambahbaikkan lagi kualiti perkhidmatan pelancongan di bawah program 'Mesra-Malaysia'. Usaha-usaha promosi dan pemasaran pelancongan akan dilipatgandakan di peringkat pelancongan domestik dan pasaran dunia menerusi kempen Malaysia: Truly Asia.

12. Hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan antarabangsa kini semakin tercapai. Kekerapan persinggahan kapal dagang dan jumlah perdagangan yang dikendalikan melalui pelabuhan-pelabuhan negara khususnya Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas semakin meningkat dari setahun ke setahun. Ini telah menyumbang kepada menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan yang ke-17 terbesar di dunia, di samping menjadikan Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan kontena yang ke-13 terbesar di dunia. Kerajaan Beta akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi daya saing pelabuhan-pelabuhan di negara kita.

13. Untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan jalan, Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya akan dikaji semula. Pembangunan Kajian Trafik dan Pengangkutan akan dipertingkatkan. Penggunaan Sistem Pengangkutan Pintas yang menyatupadukan teknologi maklumat, telekomunikasi dan komputer akan diperkenalkan. Sistem tersebut mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi, dapat meningkatkan tahap operasi dan mengoptimalkan kecekapan pengangkutan di lebuhraya dan jalan utama di Lembah Klang.

14. Program penstabilan harga akan diteruskan bagi membantu membendung inflasi. Ini akan dilaksanakan melalui Model Penstabilan Harga yang mengandungi sistem amaran awal kenaikan harga. Program perlindungan pengguna akan terus dipergiatkan melalui aktiviti pendidikan bagi meningkatkan kesedaran mengenai hak, peranan, tanggungjawab pengguna dan peruntukan

ganti rugi yang diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna Tahun 1999 dan Tribunal Tuntutan Pengguna.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

15. Bagi industri komunikasi dan multimedia, penekanan akan terus diberikan kepada Projek Koridor Raya Multimedia sebagai pemangkin pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi serta ekonomi negara, terutamanya untuk membawa Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Untuk merapatkan jurang digital, Kerajaan Beta akan memastikan akses yang lebih saksama dengan melaksanakan program penyediaan infrastruktur komunikasi ke sekolah-sekolah dan beberapa kawasan yang kurang dijangkau melalui projek-projek tertentu di bawah program Pembekalan Perkhidmatan Sejagat.

16. Beta bersyukur pelaksanaan program Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian telah berjaya mencapai matlamat meningkatkan penyertaan langsung kaum Bumiputera dalam pelbagai aktiviti perniagaan dan perdagangan serta sektor ekonomi yang strategik. Program-program yang sedia ada seperti Program Pembangunan Francais, Program Pembangunan Vendor dan Program Keusahawanan akan terus dimantapkan lagi.

17. Matlamat akhir usaha memperhebatkan pembangunan desa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ialah ke arah menjadikan desa sebagai satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan. Tumpuan akan terus diberi kepada pembangunan prasarana, bukan sekadar untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa, tetapi juga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Pertumbuhan ekonomi luar bandar akan dilaksanakan melalui Program Pembangunan Aktiviti Ekonomi Luar Bandar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

18. Dalam bidang pendidikan, Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 telah dirangka. Pelan ini merangkumi perancangan pembangunan pendidikan meliputi aspek-aspek pengurusan, kurikulum, tenaga pengajar, pembiayaan dan khidmat sokongan untuk dijadikan asas kepada pembangunan sektor pendidikan yang lebih mantap. Rancangan-rancangan ini diyakini dapat menghasilkan golongan pekerja yang berilmu, berkemahiran tinggi, berpekeri mulia serta dapat menyesuaikan diri dengan cabaran globalisasi, liberalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan.

19. Dalam keadaan ekonomi negara sedang menghadapi cabaran kemelesetan kesan kelembapan ekonomi antarabangsa, sikap tolak ansur dan perkongsian bestari antara Kerajaan, majikan dan pekerja amat penting. Beta berharap keharmonian perhubungan perusahaan akan dikekalkan dan dipertingkatkan demi menjamin kemajuan ekonomi negara. Kerajaan Beta sentiasa memementingkan kebajikan rakyat. Pekerja-pekerja yang dihentikan kerja wajar diberi bantuan. Pembangunan Sumber Manusia Berhad sedang melaksanakan Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja dan Penganggur

bagi tujuan membantu dan melengkapkan pekerja yang dihentikan kerja dengan kemahiran yang lebih tinggi dan sesuai sebagai usaha menambah peluang mereka mendapat pekerjaan baru.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Usaha bersungguh-sungguh akan diteruskan untuk meneroka bidang teknologi baru terutamanya melalui Program Bioteknologi Kebangsaan. Beta berbangga kerana negara kita kaya dengan flora dan fauna. Untuk mengekalkan warisan biologi yang unik ini, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan telah diwujudkan. Dasar ini akan dijadikan sebagai asas untuk merangka strategi dalam memulihara serta menggunakan sumber biologi secara mapan dan berterusan.

21. Selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat di negara ini, beberapa projek kesihatan yang berunsur teknologi maklumat seperti projek tele-kesihatan telah dibangunkan dan akan terus diperkembangkan. Menerusi projek ini, perkhidmatan kesihatan dan perubatan akan dapat diperluaskan ke setiap pelosok negara dan maklumat perubatan dapat disebarkan bagi kemudahan rakyat.

22. Program Perumahan Rakyat akan dilipatgandakan bagi memastikan semua lapisan rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah mendapat kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki atau disewa. Tumpuan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mewujudkan kawasan persekitaran yang bersih, selesa, selamat dan mesra alam akan diteruskan. Sehubungan itu, Kempen Kitar Semula Peringkat Kebangsaan telah dimulakan untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat dan 11 November telah diisytiharkan sebagai Hari Kitar Semula Kebangsaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

23. Untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda untuk tidak membenarkan perbezaan di kalangan rakyat atas asas jantina di samping asas-asas lain. Sebagai susulan, tindakan sedang diambil untuk menyemak semua undang-undang supaya selaras dengan peruntukan baru itu. Pada masa yang sama, peraturan yang tidak mesra bagi kaum wanita telah dan sedang dikaji semula. Kerajaan Beta juga akan menentukan bahawa wanita akan terus maju dalam pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Tindakan akan diambil bagi memastikan wanita khususnya di luar bandar turut mendapat kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi. Di samping itu perhatian akan diberi kepada wanita yang menghadapi masalah seperti keganasan dan gangguan seksual. Sehubungan itu Pusat Khidmat Wanita sedang didirikan di seluruh negara untuk menyediakan khidmat kaunseling dan sebagai pusat maklumat setempat bagi kaum wanita.

24. Beta sedar bahawa belia sebagai sumber tenaga terbesar yang mampu digerak ke arah pembangunan negara perlu dijana dengan sebaik mungkin. Dengan itu usaha-usaha akan dipertingkatkan bagi melengkapkan mereka dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran selaras dengan keperluan semasa.

25. Beta berbangga kerana pasukan negara telah berjaya menjuarai Sukan Asia Tenggara Yang Ke-21. Namun kita tidak wajar berpuas hati dengan tahap pencapaian di Sukan Asia Tenggara sahaja. Usaha-usaha perlu dilaksanakan ke arah pewujudan atlet bertaraf dunia yang bukan sahaja mampu bertanding tetapi memenangi pertandingan di peringkat antarabangsa.

26. Pembangunan kebudayaan dan kesenian di negara ini akan terus diberi perhatian. Kebudayaan dan kesenian memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha Kerajaan untuk memelihara dan memulihara aspek kesenian masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia. Penyertaan rakyat pelbagai kaum dalam aktiviti pengembangan kebudayaan dan kesenian akan terus dipertingkatkan.

27. Pembangunan sosial dan pengukuhan perpaduan merupakan agenda utama pembangunan negara menjana kepada pencapaian Wawasan 2020. Sehubungan ini Dasar Sosial Negara akan dimuktamadkan, Rukun Tetangga akan diberi nafas baru sesuai dengan kehendak dan cabaran semasa bagi membolehkan ia menjadi penggerak dan mekanisme perpaduan serta pembangunan sosial yang berkesan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Beta ingin menegaskan penjelasan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam sama sekali tidak menjejaskan kehidupan rakyat berbilang kaum dan kebebasan beragama di negara ini, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya, seluruh rakyat merasa selamat dan aman dari sebarang penindasan yang bertopengkan agama sama ada sesama Islam mahupun di kalangan rakyat yang berlainan agama.

29. Beta dukacita kerana sejak akhir-akhir ini telah timbul beberapa isu agama Islam yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Di antara isu tersebut ialah mengenai salah tafsir sebilangan umat Islam terhadap konsep jihad dan mati syahid. Segelintir masyarakat lebih cenderung untuk melihat jihad dalam batas-batas yang sempit. Kalimah jihad sering dikaitkan dengan unsur-unsur yang berbentuk kekerasan, keganasan dan pertumpahan darah semata-mata. Usaha-usaha bagi memperjelaskan konsep jihad dan yang berkaitan dengannya telah dan sedang dilaksanakan melalui aktiviti ceramah, forum, media massa serta bahan terbitan. Kekeliruan ini perlu diperbetulkan supaya konsep jihad yang dijunjung akan dapat membawa kemajuan ummah dan negara secara yang lebih bermakna. Beta menyeru seluruh rakyat supaya kembali kepada tuntutan jihad yang sebenar, bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam segenap aspek kehidupan, untuk kebaikan kita di dunia dan akhirat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

30. Pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan untuk memajukan negara. Beta yakin bahawa segala usaha ini akan berjaya kerana rakyat sentiasa memberi kesetiaan dan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan. Kesetiaan dan ketaatan rakyat adalah penting demi mempertahankan kedaulatan negara dan mengekalkan kemakmuran seperti yang dinikmati sekarang.

31. Dalam bidang pertahanan, Kerajaan Beta akan terus mengambil langkah positif bagi memantapkan lagi benteng pertahanan negara melalui penggubalan Dasar Pertahanan Negara yang lebih menyeluruh, mempererat lagi hubungan pertahanan dua hala dan pelbagai hala serta meningkatkan diplomasi pertahanan. Di peringkat antarabangsa, Malaysia akan terus mengambil bahagian dalam misi-misi pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

32. Serangan pengganas di Amerika Syarikat pada bulan September 2001 telah mengubah persekitaran politik dan ekonomi antarabangsa. Serangan itu telah mengubah tanggapan masyarakat antarabangsa terhadap negara Islam dan orang Islam. Dalam masa yang sama arus globalisasi telah mencorakkan satu pola baru dalam perhubungan antarabangsa. Usaha akan ditingkatkan untuk memastikan kepentingan negara terus terpelihara.

33. Beta amat berbangga dengan komitmen Kerajaan Beta dalam usaha membanteras pelbagai jenayah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sehingga ke akar umbi. Perlu diingatkan usaha untuk membanteras dan memerangi jenayah rasuah adalah tanggungjawab semua pihak dan tidak terletak kepada Kerajaan sahaja. Pelbagai langkah dan pendekatan khususnya dari aspek perundangan, pencegahan dan pentadbiran akan dan sedang diambil untuk membendung jenayah rasuah. Beta berharap semua pihak yang berkaitan dengan keluhuran undang-undang hendaklah lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas mereka.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

34. Sistem pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi akan diperkenalkan kepada sektor awam. Melalui sistem ini setiap Anggota Perkhidmatan Awam akan mempunyai kompetensi yang tertentu bagi menyandang sesuatu jawatan dan dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan.

Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia serta Angkatan Tentera Malaysia dalam dan luar negara di atas perkhidmatan cemerlang untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Akhirnya Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan serta tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

